

BAB 2

PERKEMBANGAN BINAAN MASJID BERUNSUR CINA DI MELAKA (1728M-1748M)

2.0 Pengenalan

Melaka pernah menjadi pusat pelabuhan antarabangsa yang mengumpulkan pelbagai jenis bangsa dan masyarakat dari seluruh pelusuk dunia yang terlibat dalam urusan perdagangan dan perniagaan rempah ratus serta bahan-bahan dagangan yang lain. Kedudukan Melaka yang terletak di antara Lautan Hindi dan China merupakan lokasi paling strategik dan terlindung daripada angin monsun telah menjadikan pelabuhan negeri itu tumpuan seluruh masyarakat dunia iaitu Arab, Parsi, India, China, Champa dan Jepun.

Kepesatan aktiviti perdagangan di pelabuhan ini telah mendorong ramai pedagang termasuklah pedagang Cina untuk menjalankan perniagaan di Melaka. Terdapat sebahagian daripada mereka yang terus menetap dan berkahwin dengan wanita tempatan. Keberadaan mereka di Melaka telah memberi ruang dalam proses asimilasi budaya di antara dua bangsa yang berbeza yang akhirnya telah mencetuskan suatu keunikan dalam proses pembangunan reka bentuk masjid. Atas sebab faktor-faktor ini, masyarakat Cina bertebaran di negeri itu dan ada daripada mereka yang menetap secara sementara dan ada juga secara kekal.

Kehadiran bangsa ini di Melaka sedikit sebanyak memberi kesan daripada beberapa aspek utama seperti ekonomi, budaya dan kaedah pembentukan seni bina. Berdasarkan kepada kajian, terdapat beberapa ciri komponen yang telah diperkenalkan dalam pembangunan masjid dan kekal sebagai identiti masjid di Melaka. Keadaan ini dilihat sebagai sesuatu yang positif dalam usaha membangunkan masjid yang bercirikan global. Sehubungan itu, dalam bab ini penulis akan memperincikan berkenaan

kehadiran masyarakat Cina di Melaka serta sumbangan yang telah diberikan dalam memperkenalkan aspek-aspek seni bina Cina untuk proses pembangunan masjid di Melaka.

2.1 Masyarakat Cina Di Melaka

Orang Cina dikatakan sudah hampir 600 tahun merantau dan bertebaran di Asia Tenggara. Kebanyakan daripada mereka masuk ke negara-negara yang terdapat di Asia Tenggara ketika pemerintahnya daripada kalangan sultan dan raja tempatan.¹ Victor Purcel² membahagikan tahap kedatangan masyarakat Cina ke Melaka kepada dua bahagian, pertama sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan Portugis dan zaman penjajahan Belanda. Tahap kedua adalah sewaktu abad ke-19M yang mana British menggalakkan kemasukan imigran Cina ke Melaka.³ Victor Purcell berpandangan bahawa kedatangan orang Cina ke Kepulauan Melayu berlaku selepas berdirinya kerajaan Melaka iaitu sekitar abad ke-14M.⁴ Hal ini adalah berdasarkan kepada catatan mengenai Kapten Li Chi-T'uan yang berasal dari Fukkien yang meninggalkan China sewaktu awal pemerintahan Dinasti Ming (1368M-1644M) dan menetap di Melaka.⁵

¹ Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, (Tarsito: Bandung, 1993), 53.

²Victor William Saunder Purcell merupakan penjawat awam dari British. Beliau juga merupakan sejarawan dan ahli kebudayaan Cina di Malaysia. Sewaktu berkhidmat di Malaysia, beliau bertanggungjawab dalam menguruskan masyarakat Cina minoriti di negara ini. Pada tahun 1949M beliau dilantik sebagai pensyarah di Universiti Cambridge dalam bidang sejarah Asia Timur.

³Penghijrahan masyarakat Cina tahap yang pertama kebanyakannya datang dari daerah Macao dan mereka sangat rajin bekerja dan bersemangat kental. Manakala masyarakat Cina tahap kedua kebanyakannya datang dari daerah Fukien yang terletak di Selatan China. Lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (London, Oxford University Press, 1967), 6.

⁴Golongan sami Buddha adalah di antara golongan Cina yang pertama datang melawat alam Melayu dan kedatangan mereka ini adalah lebih awal berbanding dengan pedagang Cina. Hal ini kerana, tidak terdapat sebarang maklumat mengenai perdagangan yang dicatatkan sehingga abad ke-14M. Sewaktu Fa-Hsien melawat Jawa pada 413, tidak terdapat seorang pun orang Cina di Kepulauan Melayu dan kembali ke China dengan menaiki kapal dagang India. Pada awal abad ke-15M, baru terjalin hubungan di antara Cina dan Melaka. Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 16.

⁵Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, (London: Oxford University Press, 1965), 238.

Tan Chee Beng⁶ membahagikan tahap kedatangan orang Cina ke Melaka kepada tiga fasa utama yang melibatkan zaman penempatan terawal kaum Cina, zaman pemerintahan Jepun dan selepas kemerdekaan.⁷ Menurut Tan Chee Beng perpindahan di kalangan masyarakat Cina ke Melaka telah berlaku sejak awal lagi berdasarkan kepada penempatan kekal bangsa ini pada abad ke-16M dan dibuktikan dengan catatan mengenai kematian Kapitan Zheng Fang yang meninggal sekitar tahun 1677M.⁸

Seawal awal abad ke-14M sudah ada orang Cina di Melaka dan keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina ini sememangnya sudah berkurun lamanya mempunyai hubungan dengan Melaka. Kehadiran mereka juga dikesan pada abad ke-16M berdasarkan penempatan kekal mereka di Melaka. Oleh itu, hubungan awal Melaka-China telah terjalin daripada abad ke-14M dan berlanjutan sehingga abad ke-16M.

2.1.1 Masyarakat Cina Di Bawah Kesultanan Melayu (1403M-1511M)

Sejarah awal kedatangan dan penempatan kaum Cina di Tanah Melayu yang terawal dapat dikesan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Orang Cina pertama kalinya ditemui adalah di Melaka dan kebanyakannya daripada mereka berasal dari wilayah Kwangtung, Fukien dan Kwangsi⁹ yang mana daerah-daerah ini terletak di kawasan selatan negara China.¹⁰

⁶Beliau merupakan seorang professor dari Jabatan Antropologi di Universiti of Hong Kong. Beliau banyak menghasilkan karya berkenaan masyarakat Cina di Melaka, masyarakat Baba dan Nyonya dan kemasukan imigran Cina ke Malaysia pada awal abad ke-19M

⁷Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia And Singapore*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1993), 59.

⁸*Ibid.*, 60-61.

⁹Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 1-3.

¹⁰Masyarakat Cina dari daerah ini kebanyakannya bekerja sebagai petani dan sebahagian daripada mereka merantau keluar disebabkan masalah sosio-ekonomi dan kepadatan penduduk. (Sila lihat Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, 58-59).

Rajah 2.1: Peta Negara China



Sumber: MD. Obaiduzzaman Khan, “Google License China Mapping”, laman sesawang Tch News, dicapai 12 Februari 2012, <http://thetechjournal.com/tech-news/google-license-china-mapping.xhtml>

Peranan Melaka sebagai pelabuhan enterpot yang utama menjadi kunjungan pedagang dari luar turut berjaya menarik minat orang Cina untuk menjalani perniagaan dan perdagangan di negeri itu sehingga menetap di Melaka.¹¹ Walaupun pada peringkat awalnya mereka sudah mempunyai hubungan perdagangan dan diplomatik dengan Melaka namun tidak ditemui sebarang penempatan yang membuktikan bahawa mereka menetap di Melaka¹² dalam tempoh yang kekal.¹³ Sebahagian daripada mereka menetap di Melaka dengan tujuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan.¹⁴ Merujuk kepada

¹¹Yeng Ching-Hwang, “Historical Background” dlm *The Chinese in Malaysia*, ed. Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng, (Shah Alam: Oxford University Press, 2000), 2.

¹²Menurut Victor Purcell salah satu sebab orang Cina tidak menetap secara kekal di Melaka adalah disebabkan undang-undang syariah yang dijalankan di Melaka yang melarang memakan babi. Undang-undang ini bukan sahaja dilaksanakan ke atas masyarakat Islam bahkan terhadap orang bukan muslim di Melaka. Sila lihat Victor Purcell, “Chinese Settlement in Mallaca,” *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XX Part 1, 1947), 117. Dalam catatan Hai Yu, masyarakat Islam di Melaka dilarang memakan babi dan ketika orang-orang Tionghoa yang menetap di sana memakan babi, penduduk Melaka tidak suka dan mengatakan daging itu kotor. (Sila lihat W.P. Groeneveldt, *Note on the Malay Archipelago and Mallaca Compiled from Chinese Sources*, (C.V Bhratara: Jakarta, 1876), 179.

¹³Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, viii.

¹⁴Yen Ching-Hwang, *Historical Background*, 2.

catatan Ma Huan,¹⁵ tidak terdapat sebarang penempatan Cina kekal di Melaka sewaktu pengembaraan Cheng Ho singgah di negeri tersebut.¹⁶

Dalam catatan Cina Hai Yu (Khabar Berita dari Lautan) yang diterbitkan pada tahun 1537M dikarang oleh penulis berbangsa Cina yang bernama Huang Zhong, beliau ada mencatatkan maklumat yang diperolehi daripada pedagang-pedagang yang pergi berdagang ke negara-negara di sebelah laut selatan. Di Melaka dikatakan sudah boleh dilihat kehadiran pedagang Cina dan untuk mengenali pedagang Cina yang menetap di Melaka mereka akan mengikat tocang di kepala dan memiliki kulit yang putih berbeza daripada penduduk tempatan yang berkulit gelap.¹⁷ Melaka pada ketika itu sudah pun mempunyai hubungan perniagaan dengan China. Aktiviti eksport dan import juga telah berlaku di antara kedua-dua buah kerajaan. Berdasarkan rekod, Melaka turut mengimport binatang-binatang dari China seperti ayam, itik, dan anjing. Pedagang-pedagang Cina ini dikatakan menginap di rumah tumpangan, oleh itu kemungkinan besar mereka ini hanyalah pendatang dan bukan penduduk tetap di Melaka.¹⁸

Penempatan masyarakat Cina ini tidak berbentuk kekal mungkin kerana mereka hanya singgah di Melaka pada masa-masa tertentu sahaja. Kapal dagang Cina hanya datang belayar ke Melaka sewaktu musim angin timur laut iaitu sekitar bulan Januari atau Februari. Mereka akan kembali belayar sewaktu musim selatan barat monsun menjelang bulan April dan Mei. Oleh kerana tempoh yang singkat, maka mereka tidak menetap secara kekal di Melaka.¹⁹

¹⁵Ma Huan adalah merupakan anak kapal yang belayar bersama Cheng Ho dan berperanan sebagai pencatat kepada setiap perkara yang berlaku di dalam pelayaran mereka. Beliau banyak mencatatkan peristiwa berkenaan geografi, politik, cuaca, ekonomi dan undang-undang negara yang disinggahi. Penulisan beliau yang pertama adalah pada tahun 1451M iaitu Ying-Yan Shen-Lan.

¹⁶Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 18.

¹⁷W.P. Groeneveldt, *Nusantara Dalam Catatan Tionghoa*, terj.'Gatot Triwira' (Jakarta: Komunitas Bambu), 190.

¹⁸Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 19.

¹⁹Victor Purcell, "Chinese Settlement in Mallaca," *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XX Part 1, 1947, 20.

Namun menurut catatan Captain Begbie,²⁰ salah satu daripada lima buah perigi yang terdapat di Bukit China digali oleh orang Cina sendiri sewaktu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mansur Syah sekitar tahun 1459M. Penulis berpendapat, sewaktu Ma Huan melawat ke Melaka masih belum ada penempatan kekal masyarakat Cina di Melaka kerana tempoh pelayaran Cheng Ho berlaku sekitar tahun 1405M-1433M tetapi sekitar tahun 1459M sudah terdapat penempatan kekal masyarakat Cina iaitu di kawasan Bukit China selepas berlakunya perkahwinan di antara Sultan Mansur Syah dengan puteri Cina berdasarkan penemuan lima perigi di Bukit China pada tahun 1459M. Oleh itu, pada peringkat awal tidak ada penempatan masyarakat Cina yang tetap tetapi kehadiran mereka secara kekal dan berkembang boleh dilihat secara jelas setelah berlaku penghijrahan rombongan Puteri Hang Li Po.

Bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka lagi sudah terdapat penempatan masyarakat Cina dalam angka yang kecil namun disebabkan tidak terdapat sebarang bukti kepada peninggalan tersebut maka ramai yang berpandangan mereka tidak menetap secara tetap di negeri itu. Faktor kepada penetapan mereka di Melaka adalah atas dasar-dasar tertentu yang merangkumi perdagangan dan perniagaan. Dalam jumlah yang kecil mereka menetap di Melaka dan berkahwin dengan penduduk tempatan dan membina kehidupan baru mengikut tatacara tradisi dan budaya penduduk tempatan. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Cina yang menetap di Melaka dilihat dalam jumlah kecil.

Sekiranya kenyataan yang mengatakan bahawa masyarakat Cina tidak menetap secara kekal, bagaimanakah masyarakat Baba dan Nyonya boleh wujud di Melaka. Mereka telah berada di Melaka dalam tempoh yang sangat lama dan kewujudan mereka adalah disebabkan perkahwinan yang berlaku di antara wanita tempatan dan lelaki Cina.

²⁰Beliau merupakan seorang pegawai Portugis yang bertugas di Melaka sewaktu penaklukan Portugis di negeri itu

Sehubungan itu, kenyataan bahawa masyarakat Cina tidak menetap secara kekal tidak dapat diterima dan mungkin yang dimaksudkan adalah jumlah mereka yang kecil pada peringkat awal. Sewaktu zaman penjajahan Portugis, ramai pasangan yang berkahwin campur di kalangan lelaki Cina dan perempuan Melayu telah murtad kerana tidak terdapat sebarang institusi agama yang dapat memberi bimbingan kepada mereka bahkan perkawinan yang berlaku juga hanya dengan pendaftaran biasa sahaja tanpa ada proses pernikahan mengikut Islam.²¹ Hal ini menunjukkan bahawa, masyarakat Cina telah menetap di Melaka sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi tetapi identiti mereka sukar dikenal pasti kerana perkawinan campur yang berlaku telah menyebabkan gabungan di antara dua budaya yang disatukan.

Keadaan menjadi berbeza apabila kerajaan China mula membenarkan wanita Cina keluar berhijrah dari China. Lelaki dan wanita Cina berkahwin sesama mereka dan tidak lagi memilih wanita tempatan sebagai isteri.²² Mereka mengamalkan budaya dan tradisi kehidupan mengikut adat Cina. Berikutan itu penempatan mereka di Melaka mula dikesan kerana perbezaan adat dan bangsa dengan penduduk tempatan serta melahirkan anak yang berketurunan Cina. Oleh demikian, jumlah mereka dikesan dalam tempoh tersebut kerana kewujudan mereka jelas menonjol di negeri itu.

2.1.2 Komuniti Cina di bawah Taklukan Portugal (1511M-1641M)

Sewaktu Melaka berada di bawah penjajahan kuasa Portugis, masyarakat Cina tidak menetap di seberang laut dalam jumlah yang besar kerana ingin menjamin keamanan dan kestabilan. Pada era pemerintahan Portugis di Melaka tidak terdapat

²¹Dr. Suhaila Abdullah (Pensyarah kanan di School of Humanities, Universiti Sains Malaysia) dalam temubual bersama penulis, 5 Julai 2013

²²Suhaila Abdullah, “Effect of Malay China Trade During The Mallaca Sultanate in the Emergence of Chinese Peranakan Community,” *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3, (4): 143, 149, (2013), 148.

sebarang keterangan mengenai jumlah kaum Cina yang menetap di Melaka.²³ Sewaktu St. Francis Xavier tiba di Melaka pada 1545M, terdapat hampir 100 buah kapal Cina yang berlabuh di pelabuhan Melaka.²⁴ Berdasarkan kepada catatan *Description of Mallaca* (1614M) yang di buat oleh Gohindo De Eredia,²⁵ menjelang awal abad ke-17M sudah terdapat penempatan khusus kaum Cina yang ditempatkan secara berkelompok di Campon China²⁶ dan kawasan tersebut juga diberi nama Kampung Cina memandangkan masyarakat Cina adalah pemaustautin di sana.²⁷ Beliau juga ada melakarkan kampung ini dengan jelas pada peta yang dilukisnya.²⁸

Jumlah menunjukkan penduduk cina di Campon Cina ini adalah terhad kerana lokasinya yang sederhana.²⁹ Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan bangsa Cina yang terdapat di Melaka pada ketika itu tidak dapat dipastikan kerana pihak Portugis lebih mementingkan hal ehwal mereka yang beragama kristian sahaja. Namun seorang kapitan Cina dilantik oleh Portugis untuk mengambil tanggungjawab bagi mengurus dan mengawal kaum Cina di Melaka sewaktu zaman penjajahan Portugis.³⁰ Selain itu tidak terdapat lagi sebarang maklumat mengenai masyarakat Cina di Melaka pada masa itu. Bilangan mereka adalah kecil mungkin disebabkan cukai yang ditetapkan Portugis terlalu tinggi selain turut memaksa kapal untuk berlabuh di pelabuhan dengan mengenakan duti tinggi. Pada 1546M, 10% cukai dikenakan di atas barang dagangan Cina tetapi cukai ini tidak termasuk dengan sebarang tuntutan rasmi. Keadaan ini secara keseluruhan tidak menggalakkan kemasukan orang Cina di Melaka, bahkan hubungan di antara China dan Melaka hampir terputus selepas penjajahan Portugis ke atas Melaka

²³Victor Purcell, *Chinese Settlement in Mallaca*, 120. Lihat juga Suhaila Abdullah, “Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah” (tesis kedoktoran, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 101.

²⁴Ibid., 121.

²⁵Merupakan seorang lelaki Portugis yang telah dilahirkan di Melaka pada 1563M dan menetap di Melaka hampir 40 tahun pertama abad ke-17 masih.

²⁶Campon China ini adalah merupakan Jalan Hang Kasturi (second cross street) yang ada pada hari ini

²⁷Emanuel, Gohindo de Eredia, “Eredia’s Description of Mallaca, Meridional India, and Cathay,” (1613), terj: J.V. Mills, Reprint 14, *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, (1997), 19.

²⁸Ibid.

²⁹Victor Purcell, *Chinese Settlement in Mallaca*, 121.

³⁰Ibid., 26-27.

dan kapal-kapal dari Melaka juga jarang-jarang belayar ke China tetapi keadaan menjadi lebih baik sewaktu zaman penjajahan Belanda.³¹

Oleh itu, semasa pendudukan portugis, jumlah masyarakat Cina sedikit dan kemungkinan menjadi punca kepada bilangan mereka menjadi statik. Bilangan kaum Cina yang kecil ini adalah disebabkan faktor dasar monopoli perdagangan oleh Portugis dan sikap para pegawai yang mengamalkan rasuah.³² Pada 1511M-1641M, masyarakat Cina tidak memberi sebarang sumbangan dalam pembangunan Melaka.³³ Hal ini kerana Portugis tidak mengharapkan orang Cina dalam urusan perniagaan dan pembangunan. Mereka diberi peluang menetap dan menjalankan perniagaan di Melaka tetapi tidak dibenarkan memiliki tanah.³⁴ Eredia juga ada menyentuh tentang pekerjaan masyarakat Cina ini yang mana mereka pada waktu itu belum lagi mempunyai kemahiran tetapi berperanan besar sebagai pedagang sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada akhir era pemerintahan dan penjajahan Portugis, jumlah masyarakat Cina telah merosot.³⁵

Secara keseluruhan, orang Cina yang terdapat di Melaka sewaktu zaman Portugis merupakan saki baki daripada kelompok masyarakat Cina dan Cina peranakan yang menetap di Melaka sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Jumlah kesemua daripada mereka adalah sekitar 400 orang dan tiada pertambahan daripada jumlah ini sehingga peralihan kuasa berlaku. Dalam tempoh penjajahan Portugis orang Cina yang hadir di Melaka tidak mendiami di negeri tersebut dalam tempoh tetap dan persinggahan mereka di Melaka adalah sekadar untuk menjalani aktiviti

³¹Ibid., 120-121.

³²Sandhu Kernial Singh, “Chinese Colonization of Mallaca: A Study in Population Change, 1500 tp 1957 A.D.” *The Journal of Tropical Geography*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (1961), 5.

³³Latifah Sani, “Sejarah Perdagangan Portugis di Melaka 1511-1641” (tesis kedoktoran, Bangi: UKM, 1987), 42.

³⁴Hoyt, Sarnia Hayes, *Old Mallaca*, (Oxford University Press: London, 1996), 24.

³⁵Victor Purcell, *Chinese Settlement in Mallaca*, 121.

perdagangan sahaja. Kehadiran mereka di negeri itu juga bertambah terhad apabila Portugis mengenakan cukai yang tinggi untuk memasuki pelabuhan Melaka.

2.1.3 Komuniti Cina di bawah penjajahan Belanda (1641M-1824M)

Belanda berjaya menawan Melaka pada 1641M sehingga 1825M sebelum British mengambil alih pentadbiran Melaka.³⁶ Penaklukan Belanda ke atas Melaka bukan hanya disebabkan faktor yang melibatkan perdagangan sahaja tetapi juga kerana keagamaan. Hal ini kerana Portugis bermazhab Katolik manakala Belanda bermazhab Protestan.³⁷ Seawal penaklukan Belanda jumlah imigran Cina yang menetap di negeri Melaka hanyalah sekitar 400 orang sahaja. Pada tahun 1678M jumlah mereka didapati bertambah berdasarkan kepada catatan yang menyebut bahawa terdapat 81 buah rumah batu dan 51 buah rumah atap milik kaum Cina dan dalam jumlah tersebut terdapat seramai 127 orang lelaki, 140 wanita, 159 kanak-kanak, 93 hamba lelaki, 137 hamba perempuan dan 60 orang anak hamba.³⁸ Pada tahun 1750M jumlah mereka bertambah menjadi 2500 orang.³⁹ Beberapa tempoh berikutnya bilangan kaum Cina bertambah ramai di Melaka menjadikan jumlah sebanyak 2161 orang pada tahun 1750M.⁴⁰

Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada pertambahan masyarakat ini di Melaka. Perkembangan penempatan kaum Cina ini adalah disebabkan oleh dasar-dasar Belanda yang menggalakkan kaum Cina menetap dan bekerja di Melaka. Memandangkan aktiviti perdagangan adalah di antara aktiviti terpenting di Melaka, pihak Belanda sangat mengalu-alukan kedatangan golongan Cina ke negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak Belanda telah mengimport buruh-buruh Cina dari Batavia atau Betawi pada tahun 1641M. Mereka ini terdiri daripada pekedai,

³⁶Geraldo Affonso Muzzi, *The Portugess in Malay Land*, (Malaysia: Prinmate Sdn. Bhd, 2002), 35.

³⁷Robert Hunt, Lee Kam Hing & John Roxborogh (eds.), *Cristianity in Malaysia: A Denomination History*, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd, 1992), 8.

³⁸Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (London: University Oxford Press, 1967), 30.

³⁹Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya*, (Singapore: Donald Moore, 1956), 2.

⁴⁰Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 34.

tukang-tukang kayu dan pekebun.⁴¹ Sebilangan daripada kaum Cina ini terlibat dengan aktiviti pertanian dan ada juga daripada mereka yang berperanan sebagai tentera untuk Belanda.⁴² Sewaktu berlaku perperangan di antara Belanda dan Raja Ali Haji, hampir 200-300 orang Cina telah menawarkan diri untuk menjadi askar kepada Belanda.⁴³

Golongan buruh yang kurang berkemahiran serta mana-mana golongan yang dijangka bermasalah tidak digalakkan untuk menetap di negeri Melaka. Pihak Belanda beranggapan bahawa bangsa Cina adalah merupakan batu loncatan yang dapat mengembangkan aktiviti perdagangan dan pertanian di Melaka.⁴⁴ Seramai 800-1000 orang Cina telah dijemput masuk bagi membantu usaha pembangunan di Melaka⁴⁵ serta membekalkan tukang-tukang berkemahiran ke Semenanjung Malaysia termasuklah ke Melaka dari China untuk membina bangunan.⁴⁶

Masyarakat Cina telah menjadi semakin kompleks di bawah Belanda dan untuk menguruskan mereka sistem kapitan diperkenalkan dan tugas kapitan berperanan sebagai ketua yang perlu menguruskan anak buahnya seliaannya. Masyarakat Melaka berada dibawah pentadbiran kapitan masing-masing. Daripada tujuh orang kapitan yang dilantik,⁴⁷ terdapat seorang kapitan yang mentadbir masyarakat Cina. Tugas kapitan ialah mengawasi anak buahnya dan membuat laporan yang berkaitan mereka kepada gabenor.⁴⁸

⁴¹Victor Purcell, *Chinese Settlement in Mallaca*, 139.

⁴²Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia And Singapore*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1993), 62.

⁴³Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 34.

⁴⁴Nordin Hussin, “Social life in Two Colonial Port-town, Dutch Melaka and English-Penang 1780-1830” (makalah, International Conference on the Penang Story, International Conference, 19-21 April 2002), 17.

⁴⁵Latifah Sani, “Sejarah Perdagangan Portugis di Melaka 1511-1641” (tesis kedoktoran, Bangi: UKM, 1987), 28.

⁴⁶Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (London: University Oxford Press, 1967), 34.

⁴⁷Sistem kapitan mula wujud dibawah sistem pentadbiran Belanda, perlantikan kapitan adalah di bawah kuasa Belanda. Tugas kapitan adalah menyelesaikan semua masalah yang timbul di kalangan masyarakat di bawah pengawasan kapitan. Sistem kapitan ini berlangsung sehingga 1826M dan di gantikan oleh sistem teng-chu apabila British mengambil alih Melaka.

⁴⁸*Ibid.*, 116-7.

Sebuah tokong Cina telah dibina bagi memberi ruang kepada masyarakat Cina melakukan ibadat iaitu Tokong Cheng Hoon Teng (1673M) adalah merupakan tokong yang tertua di Malaysia dan Melaka yang bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat tetapi juga menjadi lokasi untuk kapitan Cina dan pemimpin-pemimpin Cina yang lain melakukan perbincangan.⁴⁹ Hal ini membuktikan bahawa jumlah kaum Cina yang terdapat di Melaka adalah ramai dan sentiasa bertambah sehingga memerlukan sebuah rumah ibadat bagi menjalani aktiviti keagamaan dan sosial mereka. Bahkan peranan mereka di Melaka dan penghormatan yang diberikan penjajah kepada masyarakat Cina ini lebih baik berbanding kebajikan terhadap orang Melayu yang merupakan penduduk asal di Melaka. Masyarakat Cina terdiri daripada kalangan saudagar yang kaya serta mampu memiliki hamba dan menguasai golongan yang miskin. Terdapat juga daripada mereka yang berkerja sebagai petani, pedagang tukang kayu, tukang emas, tukang besi, pekebun, pembuat kasut, tukang jahit, buruh dan nelayan. Sebahagian mereka juga memiliki rumah kedai dan kapal.⁵⁰

Mereka tinggal di kawasan bandar yang terletak di daerah Melaka Tengah bahkan lokasi penempatan masyarakat ini masih boleh dilihat sehingga kehari ini. Kawasan penempatan masyarakat Cina ini merupakan bekas tapak yang pernah diduduki oleh masyarakat Belanda yang dikenali sebagai ‘Heren Street.’ Heren Street membawa erti ‘the First Class Gentleman Street’ kerana kawasan ini dihuni oleh golongan bangsawan dan elit. Selepas kejatuhan Belanda, orang Cina mengambil alih

⁴⁹Tan Cheng Lock, Cheng Hoon Teng Temple (Incorporation) Ordinance, published in supplement to the Federation of Malaya Government Gazette of September 28, 1949), No. 20, Vol. II, Notification Federal No. 3247, 1-3.

⁵⁰Kawasan barat utara banyak diduduki oleh orang Melayu, Keling dan Cina. Kawasan Tengkera pula banyak diduduki oleh orang Keling dan saki baki orang Portugis, Bandar Hilir didominasi oleh Portugis manakala kawasan Bunga Raya didominasi oleh orang Melayu dan Cina. (Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 1967), 37.

kawasan ini yang diketuai oleh seorang kapitan Cina.⁵¹ Penempatan ini dikenali sebagai ‘Millionaires Row’ dan kini diketahui sebagai Tan Cheng Lock Street.⁵²

Mereka turut menyesuaikan cara hidup mereka agar tampak lebih kebaratan serta berbeza daripada etnik lain yang terdapat di Melaka. Bangsa ini dikategorikan sebagai pekerja yang rajin dan aset yang mampu memajukan Melaka.⁵³ Keazaman dan kerajinan dalam mencari kekayaan telah menyebabkan masyarakat Cina di Melaka pada ketika ini menguasai hampir daripada keseluruhan aktiviti perdagangan, pertukangan dan pengeluar utama bahan mentah.⁵⁴ Akhirnya bandar Melaka dimonopoli secara terus oleh orang Cina dan berdasarkan kepada lawatan Isabela Bird ke Melaka beliau mengatakan masyarakat Cina adalah golongan yang memonopoli bandar tersebut. Mereka juga terdiri daripada golongan yang berharta dan daerah Melaka Tengah itu seolah-olah seperti bandar Cina.⁵⁵ Kesan tersebut boleh dilihat sehingga kini apabila hampir sebahagian daripada bandar Melaka Tengah itu dipenuhi dengan tinggalan dan warisan Cina selain daripada tinggalan penjajah lain seperti Portugis, Belanda dan Inggeris.

Masyarakat Cina yang berkemahiran tinggi ini dilihat sebagai potensi yang mampu membantu Belanda untuk membangunkan Melaka. Kehadiran mereka juga dikatakan dapat mempertahankan kedudukan Belanda daripada diancam pengaruh kuasa asing di Eropah. Oleh itu mereka dijemput ke Melaka dengan harapan proses pembangunan dapat dilakukan memandangkan bangsa Cina memiliki kemahiran dan bersikap positif dalam setiap perkerjaan yang dilakukan. Kebajikan mereka juga

⁵¹Kapitan yang mengkepalai kawasan penempatan ini merupakan seorang yang kaya kerana memiliki hampir 81 buah rumah mewah di kawasan ini. Kapitan tersebut memperolehi hasil pendapatan daripada usaha pertanian, timah, perkапalan, estet dan pembinaan rumah teres dan rumah-rumah kedai di kawasan Bandar. Lihat Ra’alah Mohamad, “The Documentation on the Architecture Features of Five Oldest Mosquein Melaka Built in 18th Century” (tesis sarjana, University of Sheffield: UK, 2002), 56.

⁵²*Ibid.*

⁵³*Ibid.*, 16.

⁵⁴*Ibid.*, 38.


⁵⁵Isabela Bird, *The Golden Chersonese*, (Singapore: Monsoon, 1983), 32.

dipelihara bagi memastikan keselesaan mereka di Melaka sedangkan kaum lain terutamanya Melayu tidak mendapat hak sewajarnya di tempat sendiri. Bahkan Tokong Cheng Hoon Teng yang menjadi tempat ibadat orang Cina dibangunkan lebih awal daripada masjid tertua di Melaka. Oleh demikian, kemasukan mereka ke Melaka dilihat sentiasa bertambah sehingga Inggeris mengambil alih Melaka daripada tangan Belanda. (1641M-1824M)

2.2 Faktor-Faktor Migrasi Masyarakat Cina Di Melaka

Terdapat beberapa hal yang menjadi punca kepada percambahan masyarakat Cina di Melaka.

Rajah 2.2: Faktor Migrasi Masyarakat Cina ke Melaka



Sumber: Penulis

2.2.1 Hubungan Diplomatik

Masyarakat Cina telah menjalinkan hubungan dengan masyarakat di Kepulauan Melayu seawal tahun 221S.M lagi,⁵⁶ manakala hubungan di antara kerajaan China dan Melaka telah bermula semenjak zaman Dinasti Han (206BC-220AD).⁵⁷ Sewaktu

⁵⁶Paul Wheatley, *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 15000*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1966), 88.

⁵⁷Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke 15*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: UKM, 2009), 15.

kekuasaan Dinasti Han di bawah pemerintahan Maharaja Wu Ti (190-87M) sudah terdapat hubungan perdagangan diantara kerajaan China dan kerajaan yang terdapat di alam Melayu. Penguasaan ke atas Deltan Calton dan Pulau Hainan telah membuka ruang dan jalan laut ke Asia Tenggara. Armada Cina telah menjelajah sehingga ke sebelah selatan dan setiap kerajaan yang terdapat di Asia Tenggara akan dihantar seorang duta secara rasmi bagi menandakan permulaan kepada sebuah hubungan. Pada waktu ini juga hubungan di antara kedua-dua belah pihak ini adalah lebih berbentuk hubungan dagang dan diplomatik.⁵⁸ Bermula dari situ ramai orang Cina yang mula merantau dan menetap di negara-negara yang terdapat di Asia Tenggara.⁵⁹

Hubungan baik ini berlanjutan sehingga kepada pemerintahan Dinasti Tang yang merupakan sebuah kerajaan yang telah mencapai kemuncak kejayaan hebat apabila pemerintahnya menggalakkan hubungan luar dengan membuka pintu kepada dunia asing di samping mengasimilasikan unsur luar bagi peningkatan Tamadun China. Kerajaan ini amat menggalakkan pertukaran dua hala dengan negeri-negeri lain terutamanya hal-hal yang melibatkan ekonomi dan kebudayaan.⁶⁰ Sifat keterbukaan yang ditonjolkan ini memberi peluang kepada negara-negara kecil yang terdapat di Asia menjalankan aktiviti perdagangan hingga ke China kerana pada waktu itu China merupakan sebuah negara yang kuat dan mempunyai kedudukan yang tinggi di mata negara-negara Asia.⁶¹

⁵⁸Kerajaan China bukan sahaja mengirim diplomat bahkan mereka turut menerima para diplomat dari kawasan serta daerah yang telah Cheng Ho kunjungi. Pada 1433M, hampir sepuluh ke sebelas wakil diplomat asing yang datang ke China dan menetap di Peking sehingga tahun 1436M. Mereka membawa bersama mereka penghormatan seperti zirafah, zebra, burung unta sebagai hadiah yang dipersembahkan kepada pemerintah. Sila lihat L. Carrington Goodrich, *A Short History of the Chinese People*, (Britain: Allen & Unwin LTD, 1957), 194.

⁵⁹Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, 55.

⁶⁰Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke-15*, 26.

⁶¹Bangsa Melayu sendiri pernah dikesan di bandar Sanya iaitu di Selatan China yang mana mereka merantau ke China dengan tujuan bermiaga. Dikatakan nenek moyang mereka telah mengembara ke sana bagi bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan ada juga sebilangan daripada mereka yang menjadi nelayan.Terdapat sebahagian daripada mereka yang menetap terus di sana. Mereka bertutur dalam bahasa Cina tetapi turut diselit perkataan-perkataan bahasa Melayu dalam pertuturan sehariannya mereka. Sila lihat

Namun kekerasan tidak pernah digunakan bagi memaksa negara lain untuk menerimanya. Negeri-negeri yang datang menghadap kaisar⁶² China adalah atas kehendak rajanya sendiri dan bukan atas faktor paksaan memandangkan hubungan ini dapat menjamin keamanan dan memberikan keuntungan daripada sudut ekonomi.⁶³ Selain itu, penyembahan ufti direncanakan bagi menjaga hubungan diplomatik dengan kawasan luar negeri terutamanya di kawasan Asia Timur Laut dan Asia Tenggara. Oleh itu, para pengusaha ini akan merasa amat berbesar hati sekiranya dapat menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China.⁶⁴

Hubungan diplomatik yang lebih rasmi dilihat berlaku sewaktu Maharaja Ming Cheng Zhu (1403M-1424M) menjadi pemerintah China, baginda berhasrat untuk mengkhabarkan tentang kekuasaan serta kekayaan China yang berada di bawah naungannya di samping ingin menjelaki penguasa sebelumnya iaitu Hwui-Ti yang menghilangkan diri setelah tumpas kepada Cheng Zhu.⁶⁵ Sebaik sahaja berita mengenai kehebatan pelabuhan Melaka yang menjadi pusat perdagangan enterpot telah disampaikan pedagang-pedagang muslim dari India Selatan sewaktu singgah di pelabuhan Canton, China beliau telah menjadikan Melaka sebagai sasaran untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan itu.⁶⁶

Jika dilihat dalam Sejarah Melayu, Maharaja Ming mengambil inisiatif yang paling awal dengan mengirim utusan bagi menjalinkan hubungan diplomatik dengan

Haji Yusuf Liu Baojun, *A Glance at ChineseMuslim*, (Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center, 1963), 81-82.

⁶²Kaisar adalah gelaran kepada pemerintah China iaitu maharaja Sila lihat Kamus Dewan, ed. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011), 656.

⁶³Liang Liji, “Jejak Langkah Sejarah Hubungan Persahabatan dan Diplomasi antara Melaka dan China, Kajian Komparatif Berdasarkan Karya Agung Melayu Sulalat al-Salatin dan Kitab-Kitab Sejarah Lama China” (makalah, Karya Agung Melayu Sulalat al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah, Persidangan Kebangsaan, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Melaka, 2011), 120.

⁶⁴W.P. Groeneveldt, *Nusantara Dalam Catatan Tionghoa*, (Komunitas Bambu: Jakarta, 2009), 6.

⁶⁵W.P Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Mallaca Compiled From ChineseSources*, (Batavia: W. Bruining, 1876), 41. Lihat juga Wang Gungwu, “The Opening of Relations between China and Mallaca 1403-1405” dlm *Sino-Malay Encounter*, ed. Wang Gungwu (Singapore: The Academic Press, 2001), 2-3.

⁶⁶Wang Gungwu, *The Opening Relation Between china and Mallaca (1403-1405)*, 11.

kerajaan Melaka di samping untuk mengeratkan hubungan persahabatan. Bagi memudahkan urusan tersebut Kaisar Ming turut menggunakan alasan bahawa baginda berketurunan Iskandar Dzul Karnain dan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa Maharaja China dan Sultan Melaka adalah serumpun.⁶⁷ Sehubungan itu, baginda segera menghantar utusan yang dikenali sebagai Yin C'ing ke Melaka dan beliau tiba di sana pada tahun 1405M.⁶⁸ Yin C'ing tiba di Melaka selepas pulang dari melawat Jawa dan Palembang, beliau singgah di Melaka melalui India dan Samudera pada tahun 1405M bagi menjemput utusan Melaka untuk dibawa ke China.⁶⁹

Kedatangan wakil China ke Melaka disambut mesra oleh Sultan Melaka sekaligus memberi peluang kepada Melaka untuk melepaskan diri daripada cengkaman Siam. Hal ini kerana Melaka beranggapan China dapat menjadi kuasa yang mampu melindungi Melaka daripada ancaman Siam kerana pada ketika ini China merupakan sebuah negara yang terkuat di Asia. Sehubungan dengan itu, Melaka menyatakan keengganannya pihaknya untuk membayar ufti sebanyak 40 tahil emas kepada Siam. Siam mula memberi amaran untuk mengambil tindakan keras sekiranya Melaka enggan membayar ufti tersebut.⁷⁰ Bagi mengatasi masalah tersebut pada 1403M Melaka telah menghantar tiga orang wakil ke China bagi melaporkan tentang persiapan Siam bagi menyerang Melaka. Pada tahun 1405M, Melaka sekali lagi menghantar wakil ke China bagi menyatakan hasrat untuk mempertuan China di samping memohon perlindungan daripada ancaman Siam.⁷¹

Khabar ini telah menimbulkan kemarahan Siam. Siam telah mengirimkan tenteranya ke Melaka dan berjaya merampas stempel kerajaan sehingga menyebabkan

⁶⁷W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1995), 93-94.

⁶⁸John Bastin, Robin W. Winks, (eds.) *Malaysia: Selected Historical Readings*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), 6. Lihat juga Buyong bin Adil, *The History of Mallaca*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1974), 8.

⁶⁹ Wang Gungwu, *The Opening Relationship Between China and Mallaca*, 11.

⁷⁰Kong Yuanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho: Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*, (Pustaka Populer Obor: Jakarta, 2000), 135.

⁷¹Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 17.

orang Melaka hidup dalam kekacauan. Bagi mengatasi masalah ini Maharaja Ming Cheng Zhu telah memerintahkan Siam agar mengembalikan stempel tersebut kepada kerajaan Melaka. Pada tahun 1408M, Cheng Ho telah diutuskan ke Siam bagi menyelesaikan perselisihan di antara Melaka dan Siam. Atas kerjasama dari kerajaan China, akhirnya Siam telah menghantar utusan ke China bagi memohon maaf kepada Maharaja China beserta ucapan terima kasih atas usaha yang dilakukan China.⁷² Daripada saat itu kerajaan Ming sentiasa menjaga Melaka daripada ancaman Siam.⁷³

Setelah kemelut yang dihadapi Melaka berjaya diselesaikan, Cheng Ho dengan rasminya mengiktiraf Parameswara sebagai raja yang sah di samping menolak kekuasaan serta serangan Siam dan Majapahit ke atas Melaka sekaligus memberi pengiktirafan terhadap kekuasaan Melaka.⁷⁴ Pada tahun 1405M, Maharaja China telah menganugerahkan batu bersurat sebagai tiang seri negara kepada kerajaan Melaka. Maka dengan itu China menjadi negara pertama yang mengiktiraf kedaulatan Melayu Melaka selepas kerajaan itu ditubuhkan pada 1405M.⁷⁵

Selepas kunjungan Cheng Ho ke Melaka, Parameswara beserta permaisuri dan diiringi kira-kira 450 orang iringan termasuklah para menteri telah berkunjung ke China dan mereka telah disambut mesra oleh pihak China.⁷⁶ Pada 1409M, Cheng Ho telah datang ke Melaka dengan membawa bersamanya perintah dari kaisar untuk disampaikan kepada Sultan Melaka. Baginda juga dikurniakan dua stempel perak, sebuah topi, sebuah ikat tali pinggang dan sehelai jubah panjang. Cheng Ho juga telah mendirikan

⁷²Kong Yanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho*, 136-137.

⁷³Ibid.

⁷⁴Mohd Jamil bin Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, (Institut Kajian Sejarah dan Patritisme Malaysia: Melaka, 2004), 64.

⁷⁵Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2009), 46.

⁷⁶Rombongan Melaka dihadiahkan pelbagai barang berharga dari China seperti kuda berpelana, batu permata, 100 auns emas, 500 auns perak dan 400 000 kwan wang kertas. Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (Oxford University: London, 1967), 18.

sebuah tugu dan mengiktiraf Melaka sebagai sebuah negeri dan dari saat itu negeri tersebut dipanggil sebagai kerajaan Melaka.⁷⁷

Sikap Maharaja Ming dan Sultan Melaka yang menggalakkan perdamaian dan keadilan memudahkan lagi urusan serta mengeratkan hubungan dua hala ini. Masing-masing lebih menekankan konsep persahabatan daripada permusuhan. Hubungan di antara negeri-negeri yang berjiran juga sentiasa dipelihara dan sebolehnya menyelesaikan permasalahan dengan baik. Maharaja Ming juga amat menentang keras sebarang pencerobohan yang berlaku tanpa keizinan.⁷⁸ Ini adalah slogan yang amat ditekankan oleh Maharaja Ming. Hubungan di antara Kesultanan Melayu Melaka dan Dinasti Ming ini juga disifatkan sebagai hubungan yang paling rasmi jika dibandingkan dengan hubungan yang telah berlaku sebelum itu.⁷⁹ Hubungan yang berlaku di antara kedua-dua pihak ini merupakan rentetan kepada hubungan yang telah terjalin sebelumnya.⁸⁰ Hubungan persahabatan yang terjalin juga dikatakan sangat akrab di dalam sejarah kedua-dua bangsa tersebut yang bermula sejak 1400M.⁸¹

Oleh itu sepanjang satu abad jelas kelihat kemesraan yang berlaku diantara kedua belah pihak melalui lawatan-lawatan di raja serta hubungan baik Melaka dan Ming. Empayar Melaka pernah menghantar 13 kali utusan ke China sepanjang tahun 1411M sehingga 1424M. Dikatakan Sultan Melaka yang memegang tampok pemerintahan selama tiga generasi pernah membuat kunjungan muhibah ke China iaitu Parameswara,⁸² Megat Iskandar Syah⁸³ dan Sri Maharaja.⁸⁴

⁷⁷Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, (Kuala Lumpur; Universiti Malaya Press, 2010), 321.

⁷⁸Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, 79-80.

⁷⁹Sumanto al-Qurtuby, *Arus-Cina-Islam-Jawa*, (Inspeal Ahimsakarya Press: Jogjakarta, 2003), 10.

⁸⁰Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, 45.

⁸¹Sumanto al-Qurtuby, *Arus-Cina-Islam-Jawa*, 10.

⁸²Kunjungan pertama berlaku pada 1411M oleh Parameswara, permaisuri beserta pengiring-pengirng istana dan mereka telah menerima layanan yang baik daripada Maharaja China. Menurut Kong Yuanzhi utusan yang mengiringi Parameswara adalah seramai 540 orang diikuti bersama armada Cheng Ho yang ingin berangkat ke China. (Sila lihat Kong Yuanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho*, 138-139.)

⁸³Setelah kemangkatan Sultan Melaka pertama pada tahun 1414M, anak baginda yang dikenali sebagai Raja Besar Muda atau lebih dikenali sebagai Sultan Megat Iskandar Syah telah mengambil alih jawatan

Hubungan rapat diantara Melaka dan China berlangsung sehingga 1435M sahaja.⁸⁵ Bermula 1434M, kerajaan China telah menukar polisi yang mana mereka menghentikan lawatan ke Melaka dan tiada lawatan yang dilakukan oleh Sultan Melaka ke China kecuali pada 1435M oleh Radin Bala yang telah diutuskan ke China dan sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456-1477M). Dalam tempoh tersebut China mengamalkan dasar tutup pintu buat seketika waktu kerana menghadapi masalah ekonomi yang meruncing terutamanya selepas kematian Maharaja Yung Lo dan Cheng Ho. Setiap daripada aktiviti pelayaran China menjadi terbantut berikutan sekatan yang dikenakan oleh kerajaan China ke atas pelayar dan pedagang yang ingin ke seberang laut.⁸⁶

Penulis melihat hubungan diplomatik yang berlaku antara China dan Melaka adalah satu platform yang berjaya melepaskan Melaka daripada ancaman Siam sekaligus mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara oleh China. Jalinan persahabatan yang berlaku antara kedua-dua buah negara telah memberikan keuntungan yang besar kepada China dan Melaka. Melaka mendapat perlindungan dari China dan bebas untuk menjalankan sebarang aktiviti perdagangan dan perniagaan serta selamat daripada sebarang ancaman luar manakala China mendapat keuntungan dengan kemasyhuran kekuatan kerana mampu mengatasi masalah yang berlaku antara dua buah

sebagai sultan. Baginda telah mengadakan lawatan muhibah ke China mengikut Laksamana Cheng Ho yang berlabuh di Melaka pada 1414M. Baginda mendapat jemputan daripada Maharaja China bagi mengadakan lawatan ke sana dengan tujuan mengiktiraf kedudukan baginda sebagai pengganti kepada Parameswara di samping untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai sultan. Sila lihat Buyong bin Adil, *The History of Mallaca: During The Period of the Malay Sultanate*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1974), 11. Lihat juga Alijah Gordon, *The Propagation of Islam in the Indonesia-Malay Archipelago*, (Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 2001), 41.

⁸⁴Apabila Sultan Megat Iskandar Syah mangkat setelah genap 20 tahun menjadi pemerintah, kedudukan baginda digantikan oleh anaknya iaitu Seri Maharaja. Pada April 1424M, baginda bersama isteri beserta barisan menteri telah melawat China. Tujuannya adalah untuk menghabarkan tentang kemangkatan ayahnya dan memohon agar baginda diiktiraf sebagai Sultan Melaka. Melaka telah memberikan ufti dan Maharaja Yung Lo turut memberikan hadiah kepada Sultan Melaka dengan tujuan untuk meneruskan hubungan diplomatik di antara dua pihak. Sila lihat Buyong bin Adil, *The History of Mallaca*, 14-159. Lihat juga R.O. Winsted, *A History of Malaya*, (Singapore: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1935), 44.

⁸⁵Wang Gungwu, *The Opening of Relations between China and Mallaca 1403-1405*, 14.

⁸⁶Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 29.

negara sekaligus dapat mengharumkan nama Maharaja China dan negara. Hubungan diplomatik ini juga telah membantu Melaka menjadi negeri yang lebih kuat dari masa kesemasa sehingga dapat menguasai negeri-negeri yang terdapat di sekitarnya sekaligus menjadi kuasa yang kuat pada abad tersebut. Hubungan ini juga memberi ruang kepada masyarakat Cina di China hadir ke Melaka bagi urusan perdagangan dan kehadiran mereka sentiasa diterima baik oleh pemerintah Melaka bagi menjaga hubungan rasmi yang telah terjalin.

2.2.2 Kemajuan Teknologi Laluan Pelayaran Dan Perkapalan

Faktor kedudukan geografi negara China yang terletak di kawasan Asia dan mempunyai sumber barang yang boleh diperdagangkan menyebabkan kaum Cina membuka serta meneroka ‘laluan sutera’⁸⁷ yang merentasi laut untuk menghubungkan kawasan-kawasan di Asia Selatan dan Asia Barat.⁸⁸ Melalui jalan laut, masyarakat Cina berjaya sampai ke negara-negara di Asia Tenggara. Sebelum pembukaan jalan laut masyarakat Cina bergantung pada jalan darat. Jalan darat ini telah digunakan sejak zaman Dinasti Han (221M) lagi dan melalui jalan inilah faham Budhisme berjaya dikembangkan ke daratan Cina melalui India.⁸⁹

Pada abad ke-5M dan ke-6M jalan darat digunakan oleh pedagang Cina, para duta dan diplomat Cina serta para pendeta Buddha yang menuju ke daerah Burma, Thailand, India dan ke Asia Tenggara. Apabila jalan darat ini mula memperlihatkan rintangan seperti memakan masa yang lama dalam suatu perjalanan dan memerlukan

⁸⁷Istilah laluan sutera atau ‘silk road’ diberikan oleh seorang sarjana yang berbangsa Jerman iaitu Ferdinand Von Richthofen. Laluan perdagangan tersebut bermula dari Wilayah Xian dan merentasi jajahan Hexi sehingga ke kawasan oasis di Dunhuang dan seterusnya Yumenguan. (Sila lihat T.P, “Treasures of China Reader’s Digest, (Hong Kong: C. F. W. Publication Ltd, 1998), 98.

⁸⁸Liang Liji, *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996), 14-44.

⁸⁹Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, (Bandung: Penerbit Tarsito Bandung, 1993), 59.

kos perjalanan yang tinggi, jalan darat ini mula ditinggalkan. Masyarakat Cina perantau ini mula beralih arah kepada jalan laut.⁹⁰

Sewaktu zaman pemerintahan Maharaja Tang De Zhong, (618AD-907AD) tujuh laluan di laut telah dibuka yang mana jalan-jalan tersebut menghubungkan Guangzhou dengan India, Parsi, Arab dan melalui pulau-pulau di alam Melayu termasuklah Semenanjung Tanah Melayu, Sriwijaya (Palembang), Kaling (Jawa) dan lain-lain lagi.⁹¹ Jalan laut mula digunakan terutamanya bagi golongan pedagang yang ingin berdagang ke Asia Tenggara. Hasil daripada penerokaan laluan laut China telah berjaya mencipta nama dalam aktiviti perdagangan antarabangsa yang bukan sahaja boleh dilihat pengaruhnya di Melaka bahkan sehingga ke negara-negara di Asia Tenggara, Jawa, Arab dan India.⁹²

Kepesatan dalam bidang perdagangan yang dikuasai oleh China merupakan hasil daripada kemahiran dalam bidang pelayaran dan teknologi lautan yang dikatakan hanya setanding dengan India dan Parsi.⁹³ Peradaban China dikatakan telah menguasai teknik perkapalan pada zaman Tiga Kerajaan dan orang Cina berkemahiran membina kapal yang besar dan dapat menampung barang-barang yang mencecah sehingga 1000 tan.⁹⁴ Kegemilangan aktiviti pelayaran China mencapai kemuncaknya sewaktu China berada di bawah pemerintahan Maharaja Yung Lo dari Dinasti Ming.⁹⁵ Di bawah perintah beliau, Laksamana Cheng Ho telah diarahkan untuk melakukan ekspedisi di seluruh Asia Tenggara. Sebanyak 63 buah kapal dengan kelebaran 180 kaki dan 444 kepanjangan dikatakan telah diguna untuk menjayakan pengembalaan tersebut. Kapal

⁹⁰Ibid.

⁹¹Liang Liji, *Lembaran Sejarah Gemilang*, 26.

⁹²Sumanto al-Qurtuby, *Arus-Cina-Islam-Jawa*, (Inspeal Ahimsakarya Press: Jogjakarta, 2003), 71.

⁹³Ibid., 71.

⁹⁴Menurut sejarah kapal laut yang besar pada zaman Tiga kerajaan itu digelar “po”. Ada sarjana berpandangan bahawa perkataan “po” itu dipinjam daripada bahasa Melayu yang membawa erti kapal yang dipendekkan menjadi “po”.

⁹⁵Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, 59.

yang lebih sederhana pula mempunyai 370 kaki kepanjangan dan 150 kaki lebar.⁹⁶

Kapal tersebut dikatakan mampu memecut sehingga enam batu dalam tempoh suku jam di atas air.⁹⁷ Sewaktu lawatan penulis ke Muzium Cheng Ho yang terletak di lorong Hang Jebat, penulis telah dibawa untuk melihat gambaran yang ada di dalam kapal Cheng Ho yang lengkap dengan segala kemudahan. Seorang tabib disediakan atas kapal bagi membantu merawat anak kapal yang sakit disamping mencipta ubat-ubatan bagi penyakit ganjil yang diperolehi anak kapal sepanjang pelayaran. Bahan makanan mentah turut disediakan seperti tanaman sayuran dan perternakan haiwan bagi perjalanan jangka panjang.⁹⁸

Kemajuan dalam bidang perkапalan ini telah menggalakkan lagi perkembangan urusan yang melibatkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negeri-negeri yang terdapat di Asia Tenggara.⁹⁹ Selain daripada usaha untuk memperkenalkan kekuasaan, utusan yang dihantar juga diamanahkan untuk menguruskan hal yang melibatkan perniagaan yang berbentuk sistem barter di antara negara China dan negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan.¹⁰⁰ Kemajuan dalam bidang perkапalan dan pelayaran merupakan suatu kelebihan kepada pelayaran Cina. Selain memudahkan perjalanan mereka di atas laut, kemegahan dan kehebatan kapal yang digunakan dalam pelayaran menjadikan mereka pelayar yang dihormati manakala kemahiran dalam teknologi perkapanalan membolehkan mereka menguasi ilmu-ilmu dalam bidang pelayaran termasuklah mahir dalam bidang geografi lautan. Penulisan tokoh-tokoh pelayar Cina

⁹⁶L. Carrington Goodrich, *A Short History of the Chinese People*, (Britain: Allen & Unwin LTD, 1957), 194.

⁹⁷Setiap kapal dikatakan mempunyai empat dek, terdapat juga bilik kabin dan bilik awam untuk kegunaan pedagang. Setiap kabin juga dilengkapkan dengan almari dan kemudahan-kemudahan yang lain. Setiap bilik juga dikatakan mempunyai kunci, jadi para pedagang ini boleh membawa bersama isteri dan keluarga mereka bersama. Dapur juga turut disediakan bersama bahan-bahan untuk memasak. Sila lihat L. Carrington Goodrich, *A Short History of the Chinese People*, 194.

⁹⁸Sheryl Tan (Pegawai di Muzium Cheng Ho) dalam temubual bersama penulis, 2 November 2014

⁹⁹Liang Liji, *Lembaran Sejarah Gemilang*, 16.

¹⁰⁰*Ibid.*, 14.

seperti Ma Huan,¹⁰¹ Hwang Chung,¹⁰² dan Fei Hsin¹⁰³ yang mencatatkan segala peristiwa yang berlaku sepanjang pelayaran menjadi bukti kepada kemahiran bangsa Cina dalam bidang pelayaran ini. Rekod berkenaan keadaan negara yang dikunjungi dan geografi lautan negara tersebut juga dicatatkan termasuklah Melaka. Kemajuan perkapalan ini turut memudahkan urusan masyarakat Cina yang singgah ke Melaka atas urusan perdagangan dan perniagaan bahkan kelebihan yang ada banyak membantu kepada penghijrahan masyarakat Cina ke Melaka.

2.2.3 Perkembangan Aktiviti Perniagaan Dan Perdagangan

Kedudukan negara China yang terletak di kawasan Asia serta mempunyai sumber barang yang boleh diperdagangkan telah menjadikan aktiviti perniagaan dan perdagangan sebagai salah satu usaha penting untuk mengembangkan ekonomi negara China. Menurut catatan sejarah, para pedagang dari China kebiasaannya membawa barang dagangan yang berupa kain sutera, sulam-sulaman, porselin, jebat, emas, perak, gangsa, alatan besi yang digunakan bagi aktiviti memasak atau sembahyang, beras, jeruk, kapur barus dan buku. Kesemua barang ini di bawa ke Samudera Barat dan barang-barang yang dibawa pulang ke China adalah hasil seperti mutiara, kristal, ratna mutu manikam, gading, singa, zirafah, macam tutul, cengkikh, kemenyan, cula badak, tanduk antelope, wangi-wangian, rempah-rempah, kain dan kayu.¹⁰⁴

Kelompok Cina adalah merupakan golongan utama yang mendominasi aktiviti perniagaan di Melaka dan hubungan di antara Melaka dan China adalah yang terpenting selain daripada hubungan yang terjalin dengan India.¹⁰⁵ Pedagang dari China tidak

¹⁰¹Beliau merupakan seorang muslim dan pencatat rasmi segala peristiwa yang berlaku sepanjang perjalanan Cheng Ho ke Asia Tenggara. Buku catatan beliau ialah Ying-yai Sheng-lan (1416M)

¹⁰²Catatan beliau dalam Hai Yu (1537M) adalah rekod berkenaan pelaut-pelaut Cina yang pernah mengunjungi Siam dan Melaka

¹⁰³Beliau adalah salah seorang muslim daripada anak kapal yang mengikuti Cheng Ho mengembara ke Asia Tenggara dan ditugaskan sebagai pencatat peristiwa yang berlaku dan geografi lautan. Catatan beliau ialah Hsing-ch'a Sheng Lan (1436M)

¹⁰⁴Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina-Islam-Jawa*, 32.

¹⁰⁵Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, 29.

dikenakan sebarang bayaran cukai tetapi mereka perlu memberikan hadiah kepada shahbandar iaitu seorang laksamana yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pedagang Cina.¹⁰⁶ Bahkan Kerajaan Melaka turut menyediakan gudang khas untuk pedagang Cina menyimpan barang dagangan. Tapak gudang ini masih lagi wujud sehingga ke hari ini tetapi dikecilkan bangunannya yang terletak di Jalan Hang Jebat. Gudang tersebut telah ditukarkan kepada Muzium Cheng Ho yang memaparkan berkenaan sejarah tinggalan masyarakat Cina di Melaka.¹⁰⁷

Hubungan diplomatik yang dijalankan diantara dua buah negara bukan hanya sekadar hubungan rasmi sahaja, bahkan ianya turut melibatkan hubungan perdagangan kedua belah pihak. Pada waktu itu, negara yang dipertuan akan mendapat ufti dari negara yang mempertuan dan jika diperhatikan penyampaian ufti ini adalah merupakan salah satu saluran dalam usaha perdagangan di antara China dengan negara lain misalnya seperti Melaka.¹⁰⁸ Negara yang memberikan ufti kepada China dibenarkan untuk membawa barang perdagangan dalam jumlah yang ditetapkan untuk di jual di China dan mereka juga akan mendapat cenderamata yang lebih berharga daripada ufti yang dibayar oleh negara yang mempertuan. Oleh demikian, hubungan diantara kedua-dua pihak tidak pernah memberikan impak yang merugikan melainkan keuntungan semata-mata. Barang yang dijual di China juga tidak akan dikenakan cukai dan situasi ini amat memberikan manfaat yang besar kepada negara yang mempertuan seperti Melaka.¹⁰⁹

¹⁰⁶Armando Cortesao, *The Suma Oriental of TomPires*, (London: Haklyut Society, 1944), 126.

¹⁰⁷Tinggalan dalam muzium ini masih boleh dilihat sehingga kehari ini yang mana terdapat dua perigi yang digali oleh Cheng Ho untuk mengangkut air. Perigi ini mempunyai saiz mulut yang kecil dan bentuk perigi ini sememangnya sengaja di reka sebegitu bagi mengelakan orang Cina daripada membunuh diri di dalam perigi berkenaan. Sheryl Tan (Pegawai di Muzium Cheng Ho) dalam temubual bersama penulis, 2 November 2014

¹⁰⁸Kong Yuazhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho: Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*, (Pustaka Populer Obor: Jakarta, 2000), 136.

¹⁰⁹*Ibid.*

Menurut Liang Liji¹¹⁰ hubungan kedua belah pihak menguntungkan dan saling melengkapi di antara satu sama lain dalam bidang ekonomi. Oleh itu lawatan-lawatan di raja dan pengiriman ufti adalah bertujuan untuk melancarkan hubungan perniagaan dua hala yang berbentuk rasmi.¹¹¹ Terdapat hampir empat puluh macam barang-barang yang tidak dapat diperolehi dari China tetapi dapat dilengkapi melalui pemberian ufti dari negara yang mempertuankan China. Begitu juga sebaliknya yang mana terdapat barang-barang yang dihadiahkan oleh Maharaja China atau yang dapat dibeli dari China tidak boleh diperolehi dari Melaka dan pemberian daripada pihak China ini dapat melengkapi keperluan Melaka. Perniagaan dua hala yang dipraktikkan dalam bentuk persembahan ufti adalah suatu cara perniagaan antarabangsa yang berlaku sewaktu zaman feudal.¹¹²

Perniagaan antarabangsa yang berbentuk feudal ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Yang pertama berlaku di antara sultan dan kaisar di mana pihak Melaka menyerahkan ufti kepada China dan kaisar akan membalaunya dengan beberapa anugerah. Oleh kerana sikap kaisar yang pemurah maka Melaka tidak menghadapi sebarang kerugian. Kedua adalah barang-barang yang dijual kepada kerajaan China dan harga yang dikenakan adalah berpatutan. Ketiga adalah barang yang boleh dijual kepada orang awam di China dengan bayaran cukai yang tertentu. Kaedah perniagaan ini telah menggalakkan lagi perniagaan dua hala diantara Dinasti Ming dan Melaka sehingga terdapat ramai saudagar-saudagar Melaka yang cuba menumpang kapal utusan ufti ke China bagi mencari peluang perniagaan di sana. Selain itu, ramai menteri-menteri yang menawarkan diri sebagai utusan untuk ke China bagi menghantar ufti ke

¹¹⁰Prof. Liang Liji berasal dari Bandung. Beliau merupakan pensyarah jurusan bahasa Indonesia di Universiti Peking. Pernah menjadi wakil dan duta Indonesia Ke China. Beliau turut membantu kepada proses untuk memulihkan hubungan Indonesia dan China daripada aspek diplomatik. Penulisan beliau berkenaan sejarah hubungan diplomatik China dan Melaka merupakan satu usaha untuk membangkitkan hubungan yang pernah berlaku pada abad ke-15M lalu.

¹¹¹Penyembahan ufti menjadi satu bentuk perniagaan kerana kapal ufti yang boleh menjalani aktiviti perdagangan dan perniagaan di China. Jika dilihat dari sudut ekonomi pemberian ufti ini lebih menguntungkan pihak yang memberi ufti. Oleh itu hubungan negara Vasal dan Induk dapat berjaya dari masa ke semasa di samping mengekalkan hubungan diplomatik yang ada. Sila lihat Liang Liji, *Jejak Langkah Sejarah Hubungan Persahabatan dan Diplomasi antara Melaka dan China*, 120.

¹¹²Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke 15*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2009), 80.

sana berikutkan hadiah yang ditawarkan oleh Maharaja China kepada para utusan tersebut mahal dan mewah.¹¹³

Penulis berpendapat aktiviti perdagangan dan perniagaan yang dilakukan oleh orang Cina merupakan faktor utama kepada kedatangan masyarakat ini ke Melaka. Hubungan perdagangan di antara dua negara ini memberikan keuntungan besar kepada kedua buah negara kerana masing-masing memperolehi manfaat daripada aktiviti perdagangan yang berlaku. Melalui perdagangan mereka mengenali dan menetap di Melaka dalam beberapa tempoh sebelum kembali ke China. Hubungan yang erat dalam aktiviti perdagangan ini telah mencetuskan kemesraan di antara masyarakat Melaka dan pedagang yang datang ke negeri tersebut. Hubungan diplomatik di antara kedua negara juga memberi jaminan politik kepada pedagang dari China sekaligus memberi mereka harapan baik untuk terus menetap di negeri itu. Impaknya ada di antara mereka yang mengahwini penduduk tempatan serta menetap secara kekal kerana merasakan Melaka negeri yang aman serta selamat daripada ancaman asing. Sehubungan itu, berlaku percampuran budaya tempatan dan asing yang akhirnya menjadi ikutan dan amalan segenap masyarakat tempatan di Melaka.

2.2.4 Perkahwinan

Bagi mengekalkan keagungan kerajaan pemerintah telah melakukan satu usaha positif dengan menjalankan hubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar. Hubungan di antara kedua buah negara ini diperkuuhkan dengan perkahwinan di antara dua kerajaan bagi kepentingan sangat. ¹¹⁴ Perkahwinan adalah merupakan salah satu kebiasaan yang digunakan oleh pemerintah bagi menyatukan dua buah kerajaan dengan tujuan untuk mengukuhkan hubungan diplomatik di antara dua pihak. Misalnya perkahwinan di antara Parameswara dan puteri kerajaan Pasai pada 1413M telah

¹¹³Ibid., 81.

¹¹⁴Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1992), 175.

mengeratkan lagi hubungan diantara kedua belah pihak sekaligus mengislamkan Parameswara yang asalnya adalah seorang penganut ajaran Hindu-Buddha.¹¹⁵

Dalam sejarah China, sudah menjadi tradisi bagi seorang kaisar untuk menjodohkan puterinya dengan raja negeri lain dan tujuan usaha tersebut adalah untuk mengeratkan hubungan kedua-dua belah pihak. Usaha ini sudah mula berlaku sejak zaman pemerintahan Dinasti Han lagi.¹¹⁶ Begitu juga dengan perkahwinan yang telah berlaku di antara Sultan Mansur Syah dan Puteri Hang Li Po. Pada ketika ini hubungan di antara China dan Melaka agak lemah kerana China mengamalkan dasar tutup pintu pada tahun 1430M.¹¹⁷ Namun hubungan tersebut dapat dibaiki sewaktu Melaka berada di bawah naungan Tun Perak yang mana hubungan yang agak renggang itu bertukar menjadi satu bentuk hubungan diplomasi dengan kejayaan penyatuan di antara dua kerajaan utama melalui perkahwinan Puteri Hang Li Po dan Sultan Mansur Syah.¹¹⁸

Cheng Ho dikatakan sebagai orang yang berperanan untuk mengiringi Puteri Hang Li Po ke Melaka untuk dikahwinkan dengan Sultan Melaka. Puteri Hang Li besrmasa lima ratus orang pengiring telah memeluk Islam¹¹⁹ dan ditempatkan di Bukit China sebagai tempat tinggal mereka.¹²⁰ Keturunan Baba dan Nyonya yang terdapat di Melaka percaya bahawa mereka berasal daripada keturunan Puteri Hang Li Po yang

¹¹⁵Slamet Muljana, *A Story of Majapahit*, (Singapore University Press: Singapore, 1976), 208.

¹¹⁶Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke 15*, 57.

¹¹⁷Mohd Jamil bin Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, 64.

¹¹⁸*Ibid.*, 64.

¹¹⁹Sejarah kependudukan Cina di Melaka yang terawal dibuktikan dengan tinggalan kubur-kubur lama di Bukit China yang berupa kubur lama. Antara kubur yang terdapat di atas bukit itu ialah kubur beberapa orang kapitan Cina tempatan. Di samping itu, terdapat kubur orang Islam yang terdiri daripada kubur orang melayu, Acheh dan keramat panjang. Di kawasan perkuburan tersebut terdapat kubur-kubur lama yang bertarikh sejak zaman dinasti Ming dan awal dinasti Ching iaitu pada abad ke-17 Masihi. Ada juga pendapat yang mengatakan terdapat kubur lama yang bertarikh sekitar abad ke-15 dan 16 masihi. Terdapat di antara kubur-kubur tersebut nisan yang mempunyai perkataan ‘kemaharajaan Ming’ Pada zaman penjajahan Belanda, seorang hartawan Cina yang bernama Li Kup atau Lee Wei Chin berkongsi dengan Tay Kup atau Tay Hong Yong telah membeli Bukit China untuk kegunaan kaum Cina dan sejak itu bukit tersebut digunakan sebagai kawasan perkuburan. Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 21-22.

¹²⁰Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1993), 60-63. Lihat juga Shellabear. W.G, *Sejarah Melayu*, (Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, 1967), 124, 127, 238. Lihat juga Mohd Jamil bin Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, 187.

dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah. Kisah ini merupakan simbol kepada hubungan China dan Melayu.¹²¹

Dalam catatan Sejarah Melayu ada melaporkan tentang perkahwinan yang telah berlaku di antara Sultan Mansur Syah dengan seorang puteri Cina yang bernama Hang Liu.¹²² Menurut laporan tersebut, puteri tersebut telah dihantar ke Melaka oleh Laksamana Cheng Ho atas arahan yang dikeluarkan oleh Maharaja China. Hasil daripada perkahwinan tersebut maka lahirlah seorang putera yang dinamakan Paduka Hamada atau Himat.¹²³ Menurut laporan itu juga kira-kira lima ratus orang pengikut telah diperintahkan untuk mengiringi puteri tersebut dan kebanyakan daripada mereka terdiri daripada kalangan lelaki bangsawan dan anak-anak menteri dan beberapa ratus orang dayang dan ditempatkan di Bukit China.¹²⁴

Dalam tulisan Victor Purcell ada menyebut tentang perkahwinan yang berlaku di antara Sultan Melaka yang kedua iaitu Sultan Iskandar dengan anak perempuan ketua kapten kapal Cina.¹²⁵ Dalam Suma Oriental, Tom Pires¹²⁶ ada juga menyebut tentang hal tersebut.

“And the said Xaquem Darxacame in the company of a great captain who brought him by command of the said king of China. The captain brought with him a beautiful Chinese daughter, and when the said Xaquem Darxa reached Mallaca, in order to do honour to the said captain, he married her, although she was not a woman of frank”¹²⁷

¹²¹ Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, 60-63.

¹²² W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, 95.

¹²³ *Ibid.*, 96.

¹²⁴ Bukit China merupakan lokasi penempatan strategik yang terletak di atas bukit. Kedudukan Bukit China ini berhadapan dengan Selat Melaka dan Laut China Selatan. Sila lihat Suhaila Abdullah, “Effect of Malay China Trade During The Mallaca Sultanate in the Emergence of Chinese Peranakan Community,” *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3, (4): 143, 149, (2013), 144-145.

¹²⁵ Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, (London: Oxford University Press, 1967), 20

¹²⁶ Merupakan bendahari dan penulis dalam kapal Portugis. Buku yang bertajuk Suma Oriental menceritakan tentang perjalanan Portugis untuk menguasai Semenanjung India dan Kesultanan Melayu Melaka pada 1511M. Pernah dilantik sebagai duta Portugis ke China.

¹²⁷ Armando Cortesao *The Suma Oriental of Tom Pires*, (London: Hakluyt Society, 1944), 242-243.

Xaquem Daraxa yang dimaksudkan Tom Pires merujuk kepada Sultan Melaka yang kedua iaitu Sultan Iskandar Syah. Hasil daripada perkahwinan dengan gadis Cina tersebut, mereka telah dikurniakan seorang putera yang digelar Rajapute.¹²⁸

Selain daripada perkahwinan yang berlaku di kalangan golongan atasan, perkahwinan turut berlaku kepada golongan rakyat. Kebanyakan kawasan dan daerah yang disinggahi oleh pelayar hebat Cheng Ho pasti ada wakil pedagang dan diplomat yang ditempatkan di setiap pelabuhan yang dikunjungi tujuanya adalah untuk menjaga hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara yang disinggahi.¹²⁹ Kebanyakan daripada wakil yang dihantar ini enggan kembali ke China dengan alasan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing di negeri yang menjanjikan keamanan politik.¹³⁰ Oleh itu, mereka berterusan menetap di negeri tersebut dan mengahwini wanita tempatan. Hasil daripada perkahwinan yang berlaku di antara masyarakat Cina yang bermigrasi ke Melaka sekitar abad ke-15M dengan wanita tempatan telah melahirkan kelompok masyarakat yang digelar Baba dan Nyonya atau Cina Peranakan.¹³¹

Jika dinilai kembali hubungan yang terjalin hasil daripada perkahwinan atas dasar diplomatic ini telah memberikan keuntungan yang besar kepada kerajaan Melaka dalam tiga aspek iaitu politik, budaya dan ekonomi. Daripada aspek politik, Melaka mendapat perlindungan politik China daripada terus menerima ancaman daripada mana-mana pihak. Daripada aspek ekonomi, perkahwinan yang berlaku telah menambahkan bilangan masyarakat Cina muslim di Melaka apabila angkatan pengiring yang mengiringi puteri yang dikahwinkan datang dan turut menetap di negeri tersebut dan turut membantu kepada perkembangan aktiviti perdagangan di pelabuhan Melaka. Daripada aspek budaya, kehadiran mereka juga turut memeriahkan lagi warna-warni

¹²⁸ *Ibid.*, 243.

¹²⁹ Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina-Islam-Jawa*, 85.

¹³⁰ *Ibid.*, 43.

¹³¹ Suhaila Abdullah, *Effect of Malay China Trade During The Mallaca Sultanate*, 147.

kebudayaan asing yang diasimilasikan ke dalam budaya tempatan sekaligus memperkayakan lagi budaya masyarakat tempatan. Oleh itu, hubungan erat yang berlaku melalui perkahwinan ini tidak merugikan bahkan menjanjikan pulangan lumayan kepada kedua belah pihak.

2.2.5 Pemberontakan Di China

Di China sering berlaku pergolakan politik yang akhirnya telah membawa kepada perpindahan secara besar-besaran masyarakat China ke Asia Tenggara. Di antara peristiwa yang telah berlaku ialah pemberontakan masyarakat muslim di Canton.¹³² Sewaktu Maharaja Hung Wu daripada Dinasti Ming memegang tampok pemerintahan pada akhir abad ke-14M, baginda telah bertindak keras terhadap masyarakat kelas pertengahan yang terdiri daripada pedagang dan peniaga yang mana golongan ini membantah daripada membayar cukai kepada kerajaan. Kejadian ini telah menyebabkan berlakunya pelarian modal dan terjadinya perpindahan secara besar-besaran orang Cina ke luar negara dan terus menetap di tempat persinggahan tersebut.¹³³

Terdapat rekod yang mencatatkan bahawa patriot-patriot dari negara China yang berjumlah lebih daripada 3000 orang telah melaikin diri ke kawasan Asia Tenggara bersama keluarga mereka selepas berlakunya penaklukan terhadap Farmosa dan bahagian selatan negara China oleh puak Manchu pada akhir abad ke-17M. Sebilangan besar rakyat negara China yang taat kepada Maharaja Ming enggan tunduk kepada pemerintah yang baru. Disebabkan oleh kemunduran Dinasti Ming (1368-1644M) dan penubuhan Dinasti Qing (1644-1911M), ramai orang Cina yang berhijrah ke Asia dan

¹³²Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina-Islam-Jawa*, 42.

¹³³*Ibid.*

menetap di Melaka¹³⁴ kerana mendapati keadaan di Melaka sesuai untuk didiami selain daripada telah wujud sebuah komuniti Cina daripada Chuan-Chou di negeri tersebut.¹³⁵

Kehadiran pelarian politik dari negara China ke Melaka telah menyebabkan terbentuknya sebuah komuniti kaum Cina yang tetap mengekalkan kebudayaan Cina mereka walaupun berada di Melaka. Hal ini kerana patriot-patriot Cina ini mempunyai semangat kebudayaan yang kuat dan mereka perlu mengekalkan tradisi Cina mereka yang asal memandangkan negara China telah di tawan oleh kuasa asing. Bilangan mereka bertambah ramai dan kebanyakannya keluar dari China bawah Dinasti Ming terdiri daripada orang kaya dan berpelajaran tinggi. Mereka turut membawa bersama mereka kebudayaan Cina dan kekayaan mereka ke Melaka. Mereka menjadikan Melaka sebagai pusat untuk memperluaskan pengaruh masyarakat Cina dan memberi sumbangan yang banyak ke atas kerja-kerja sosial dan ekonomi Melaka.¹³⁶

Tempoh peralihan kuasa yang berlaku iaitu daripada kerajan Ming kepada kerajaan Qing iaitu sekitar tahun 1644M-1911M merupakan saat genting yang terpaksa dilalui oleh kelompok yang membantah kepada kuasa baru. Penghijrahan mereka ke Melaka dikala tersebut mendapat tindak balas yang baik oleh Belanda memandangkan Belanda amat menggalakkan kedatangan bangsa ini ke negeri tersebut. Secara semula jadinya golongan yang melarikan diri atau berhijrah ke negara asing memiliki suatu matlamat baru untuk memulakan kehidupan yang baik di tempat baru. Penghijrahan golongan ini ke Melaka adalah dengan tujuan untuk membaiki kehidupan mereka yang diancam bahaya sewaktu berada di negara asal.

Sehubungan itu, penghijrahan mereka adalah dengan niat untuk memulakan kehidupan baru, memajukan diri dan bekerja dengan sebaiknya bagi menampung

¹³⁴Latifah Sani, *Sejarah Perdagangan Portugis di Melaka 1511-1641*, 28.

¹³⁵Yen Ching Hwang, *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution: With Special Reference to Singapore and Malaya*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 2.

¹³⁶ Latifah Sani, *Sejarah Perdagangan Portugis di Melaka 1511-1641*, 43.

kehidupan di tempat baru. Golongan yang berhijrah ini biasanya tidak pernah lupa akan budaya yang telah diamalkan sejak berzaman dan walaupun mereka ditempat asing mereka akan tetap melakukan perkara yang sentiasa mengingatkan mereka kepada kampung halaman. Budaya dan tatacara kehidupan mereka tidak berubah bahkan ianya terus diaplikasikan walaupun jauh dari China. Oleh itu, rumah kediaman mereka dibangunkan mengikut reka bentuk dari China selain terus mengamalkan adat-adat dan budaya nenek moyang mereka.

2.3 Perkembangan Binaan Masjid Berunsur Cina di Nusantara

Rekod berkenaan pembangunan dan seni bina masjid di Semenanjung Melayu terutamanya Melaka sebelum penjajahan Portugis adalah sedikit. Segala rekod berkenaan Islam telah dihapuskan oleh Portugis ketika merampas Melaka daripada tangan orang Melayu. Rekod berkenaan masjid hanya disebut secara umum di dalam catatan Portugis, China, Inggeris dan Melayu. Tidak terdapat catatan yang membahaskan isu seni bina masjid sewaktu Kesultanan Melayu Melaka secara terperinci ditemui. Berbeza daripada rekod berkenaan seni bina masjid di Indonesia yang direkod secara terperinci bermula daripada sejarah pembinaan masjid sehingga kepada seni binanya. Sehubungan itu, bentuk masjid yang dibangunkan sebelum kehancuran Melaka tidak dapat dikenalpasti ciri-ciri binannya.

Salah satu masjid yang masih kekal dengan reka bentuk seni bina Cina dan direkodkan secara teratur ialah Masjid Agung Demak¹³⁷ dibangunkan pada tahun 1478M.¹³⁸ Masjid ini terletak di Pantai Utara Jawa dan merupakan pusat perkembangan Islam yang tertua di kepulauan Melayu. Pembinaan masjid ini berlaku sewaktu di bawah pemerintahan Raden Patah setelah berjaya menumbangkan kerajaan Majapahit

¹³⁷Lihat lampiran B iaitu Masjid Agung Demak

¹³⁸H.J. de Graaf dan Th. G. Th. Pigeaud, "Chinese Muslims in Java in the 15th and 16th centuries: The Malay Annals of Semarang and Cerbon," *Monash Papers on SoutheastAsia*, No. 12, (1984), 27.

dan mendirikan kerajaan Islam Demak.¹³⁹ Kejayaan mendirikan kerajaan Islam Demak disusuli dengan pembangunan lambang kemegahan Islam dan tukang yang bertanggungjawab bagi pembinaan Masjid Agung Demak adalah seorang muslim yang berbangsa Cina yang bernama Gan See Chang¹⁴⁰ yang mana beliau adalah merupakan seorang mandur di dalam kapal Cheng Ho yang bergerak ke Semarang.¹⁴¹

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa lambang kura-kura¹⁴² yang terdapat pada mihrab masjid ini diimport dari China sewaktu zaman kegemilangan Dinasti Ming dan ianya merupakan simbol kemenangan Kerajaan Demak yang berjaya menggulingkan kerajaan Majapahit pada tahun 1478M.¹⁴³ Pada waktu tersebut Jawa dan China mempunyai hubungan yang erat dan China pada kala tersebut dikuasai oleh Dinasti Ming.¹⁴⁴ Ketua pemerintah negara China pada ketika ini juga adalah seorang muslim Cina yang berpegang dengan mazhab Hanafi.¹⁴⁵

Peranan masyarakat Cina di dalam pertukangan masjid ini ada juga disebut oleh H.J. de Graaf dan Pigeaud dalam Sejarah Melayu Semarang dan Cerbon.

“The Malay annals contain interesting information on the building of mosque by spreading Islamic Chinese communities in the archipelago. The style of these Chinese mosque cannot have been different from the pagodas used in China for religious purpose by all denominations, which are characterized by a number of

¹³⁹Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina Islam Jawa*, 117-118.

¹⁴⁰Atas permintaan Jin Bun (Raden Patah), Gan See Chang telah melakar dan membina masjid Agung Demak dengan bantuan anak-anak kapal yang ikut sama belayar. Masjid ini dibina oleh tukang-tukang kayu yang mahir yang mana mereka ini adalah orang yang dipertanggungjawabkan bagi membaiki sebarang kerosakan kayu di dalam kapal. Kekuatan tiang besar “soko tatal” yang terdapat di dalam masjid Agung Demak ini adalah serupa dengan kekuatan kayu yang boleh dilihat pada kapal-kapal kerajaan Dinasti Ming. Sila lihat H.J. de Graaf, Th. G. Th. Pigeaud, *Chinese Muslims in Java in the 15th and 16th centuries*, 28-29.

¹⁴¹Slametmuljana, *A Story of Majapahit*, 247. Lihat juga S Vlatseas, *A History of Malaysian Architecture*, (Longman Singapore Publisher: Singapore, 1990), 43.

¹⁴²Lambang kura-kura adalah merupakan lambang utama kepada pemerintahan Dinasti Ming. Makna simbolik bagi kura-kura adalah usia yang panjang kerana haiwan ini mempunyai usia yang panjang dan boleh hidup dalam tempoh yang lama. Sehubungan dengan itu penggunaan kura-kura sebagai lambang kerajaan adalah sebagai harapan supaya sebuah kerajaan itu dapat bertahan lama serta kekal pentadbirannya dalam keadaan yang baik.

¹⁴³Lihat lampiran C iaitu lambang kura-kura pada mihrab Masjid Agung Demak

¹⁴⁴Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina Islam Jawa*, 118.

¹⁴⁵Ricklefs, M.C, *Chinese Muslims in Java in the 15th and 16th Centuries: The Malay Annals of Semarang and Cerbon*, (Ruskin Press: Monash University, 1984), 13.

superimposed roofs. The Malay tale concerning the changing of Chinese mosque into temples is evidence for the inherent association of this style with religion, irrespective of denomination. The malay annal information on the part taken by non-muslim Chinese of Semarang in the building of the first great mosque in Demak 1470 confirm the hypothesis of the Chinese origin of the dynasty of Demak cannot be doubted. As Chinese communities we established in the archipelago, the pagoda style of mosque had an opportunity to spread widely”¹⁴⁶

Keunikan pembinaan masjid yang menerima pengaruh Cina ini dikembangkan secara meluas oleh masyarakat Cina yang berhijrah ke Kepulauan Melayu. Masjid yang terdapat kesan seni bina Cina ini dilihat mempunyai persamaan dengan pagoda yang digunakan di China untuk aktiviti keagamaan dan dikelaskan mengikut tindihan susunan bumbung. Di antara kesan pertukangan Cina yang boleh dilihat pada masjid ini adalah seperti penggunaan jubin Cina dan dinding bata Cina, terdapat juga ukiran dan dinding plak yang dicat serta ukiran cina yang menarik pada mimbar, dinding, pintu gerbang dan tembok batu masjid yang banyak dipengaruhi ajaran Buddha.¹⁴⁷ Tujuh pelayaran yang diketuai oleh Cheng Ho atas arahan daripada kerajaan Dinasti Ming menjadikannya sebagai teori yang kukuh bahawa reka bentuk masjid berbumbung meru ini didatangkan khas dari China. Menara berbentuk pagoda dan sulur bayur pada bucu bumbung masjid dan ukiran menarik pada masjid antara bukti kukuh yang menunjukkan bahawa seni bina masjid ini menerima pengaruh dari China.¹⁴⁸

2.4 Perkembangan Binaan Masjid Berunsur Cina di Melaka (1403M-1824M)

Seni bina dan reka bentuk yang terbesar di bawa dari China ke Melaka oleh pendatang Cina khususnya yang datang dari Selatan wilayah tersebut telah berlaku sejak 600 tahun yang lalu.¹⁴⁹ Perkembangan awal sejarah pertukangan Cina di Melaka dilihat

¹⁴⁶Ibid., 179-180.


¹⁴⁷Bruce Allan, “Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula,” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 69 Part 2 no. 271, (1996), 77.

¹⁴⁸Ta Ta Sen, *Cheng Ho and Islam in Southeast Asia*, (Singapore: ISEAS Publishing Institute of Southease Asian Study, 2009), 198-202.

¹⁴⁹Kohl, David G, “Malaysia’s Architectural Heritage: Identification Appreciation and Preservation” (makalah, International Conference on Urban Conservation & Planning, 23-24 Jun 1986), 2-3.

berlaku melalui dua fasa utama iaitu sekitar abad ke-15M dan abad ke-18M. Fasa yang pertama berlaku sewaktu zaman pemerintahan Dinasti Ming (1368M-1644M) dan di zaman Kesultanan Melayu Melaka (1409M-1511M) manakala fasa yang kedua berlaku apabila Melaka dijajah Belanda (1641M-1824M). Di antara abad ke-16M dan 17M (1511M-1641M) pembangunan yang melibatkan pertukangan Cina di Melaka tidak ada disebabkan penjajahan Portugis ke atas Melaka.


Rajah 2.3: Tempoh Kemasukan Pertukangan Cina di Melaka



Sumber: Penulis

Secara keseluruhan penulis menggariskan dua kaedah kemasukan pertukangan reka bentuk dari China ke Melaka.

Rajah 2.4: Kemasukan Pertukangan Cina di Melaka



Sumber: Penulis

Fasa pertama kemasukan pertukangan Cina ke Melaka pada waktu ini berlaku melalui cara pertama. Menurut Ezrin Arbi, kemasukan pengaruh pertukangan Cina ini dilihat seiring dengan kemasukan Islam ke Melaka dan perkembangannya di negeri tersebut.¹⁵⁰ Pembangunan masjid di Melaka berlaku sebaik sahaja Parameswara atau Sultan Iskandar Syah memeluk agama Islam.¹⁵¹ Seiring dengan itu, reka bentuk Cina mula diperkenalkan di Melaka apabila kerajaan Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China melalui perantaraan Cheng Ho.¹⁵² Hubungan diplomatik yang biasanya terjalin di antara dua buah negara bukan sekadar hubungan

¹⁵⁰Ezrin Arbi, "Pengaruh Senibina Asing di Malaysia" (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 4.

¹⁵¹ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tom Pires*, 241. Lihat juga Amelia Fauzia, *Faith and the State: A History of Islamic Philanthropy in Indonesia*, (Indonesia: Bill's Southeast Asia Library), 68.

¹⁵²Nama Islam Cheng Ho adalah Kasim San Bao. Dilahirkan pada tahun 1371 di daerah Kunyang, Yunnan. Beliau adalah merupakan seorang muslim yang berasal daripada keturunan Hui iaitu salah satu bangsa minoriti di China. Selain digelar sebagai Zheng He beliau juga dikenali sebagai Sam Po yang diambil daripada dialek Fujian atau San Bao dalam bahasa nasional China. Cheng Ho juga adalah cicit kepada Sayyid Shams al-Din Omar seorang berketurunan Parsi yang berhijrah ke China dan berkhidmat sebagai gabenor sewaktu zaman pemerintahan Dinasti Yuan. Beliau merupakan seorang muslim yang taat dan berperanan bagi memajukan penyebaran Islam di China dan negara luar. Sla lihat Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng Hedan Alam Melayu*, (Bangi: UKM, 2000), 29-31. Sepanjang memegang jawatan sebagai laksamana, Cheng Ho dikatakan pernah berkhidmat di bawah tiga orang maharaja Ming iaitu Maharaja Yung Lo (1402-1424), Maharaja Hung-Hsi (1424-1426M) dan Maharaja Hsuan Te (1426-1433M). Sila lihat Buyong bin Adil, *The History of Mallaca: During The Period of the Malay Sultanate*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1974), 8-26. Sejak 1405M sehingga 1433M, Laksamana Cheng Ho telah belayar sebanyak tujuh kali. Ekspedisi ini dikatakan berlaku pada 1405-1407M, 1407-1409M, 1410-1412M, 1413-1415M, 1417-1419M, 1421-1422M dan pelayaran terakhir berlaku pada 1431-1433M. Sila lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, (Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2010), 88.

berbentuk rasmi tetapi disusuli dengan pertukaran hadiah bagi memelihara hubungan baik negara yang terlibat.¹⁵³ Sewaktu lawatan pertama Sultan Melaka iaitu Parameswara ke China (1411M), Maharaja China telah menghadiahkan beberapa tukang Cina yang beragama Islam dan sekembalinya mereka ke Melaka bangunan-bangunan masjid didirikan.¹⁵⁴

Menurut Tom Pires, masjid-masjid di Melaka terutamanya masjid Kesultanan Melayu Melaka yang terletak berhampiran dengan istana sultan adalah merupakan masjid yang terkenal dan diketahui di seluruh dunia dan mempunyai persamaan dengan Masjid Agung Demak.¹⁵⁵ Prototaip binaan Masjid Agung Demak ini telah diperkenalkan kepada Melaka sekitar abad ke-15M dan reka bentuk tersebut telah berkembang luas sehingga ke perairan Pantai Barat. Pada peringkat ini golongan yang berperanan untuk memperkenalkan reka bentuk ‘Melakan style’ ini ialah tukang dari China yang belayar bersama Cheng Ho dan pelayar dari Jawa yang datang singgah ke Melaka.¹⁵⁶ Kenyataan tersebut membuktikan bahawa masjid rasmi kesultanan Melayu itu mempunyai ciri-ciri binaan dari China kerana Masjid Agung Demak ini turut menerima kesan binaan dari China dan Cheng Ho adalah individu yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan ciri binaan ini.

Kepesatan pembangunan masjid di setiap lokasi persinggahan juga berlaku atas sokongan pemerintah China beragama Islam yang menggalakkan penyebaran dakwah terutamanya sewaktu pemerintahan Maharaja Ming Hsuang Tse. Atas seruan dakwah ini juga setiap kali pelayaran Cheng Ho ke Asia Tenggara, beliau akan menyebarkan agama suci ini serta mendirikan masjid di kawasan yang diciarahinya.¹⁵⁷ Justeru, setiap pelayarannya beliau membawa bersama bahan binaan dan pelan reka bentuk seni bina

¹⁵³Dr. Suhaila Abdullah (Pensyarah kanan di Scholl of Humanities, Universiti Sains Malaysia) dalam temubual bersama penulis, 5 Julai 2013

¹⁵⁴ Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Pustaka Antara: Kuala Lumpur, 1980), 447.

¹⁵⁵ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of TomPires*, 249-250.

¹⁵⁶Bruce Allan, *Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula*, 71.

¹⁵⁷Sumanto Al-Qurtuby, *Arus Cina Islam Jawa*, 117-118.

dari China.¹⁵⁸ Pada tahun 1409M, Cheng Ho dikatakan telah membawa bersama barang yang digunakan untuk aktiviti pembinaan seperti jubin seramik bumbung yang direka khas untuk menampung bumbung istana raja Melayu.¹⁵⁹ Jubin-jubin yang digunakan pada peringkat awal untuk tujuan pembangunan di Melaka sememangnya dibawa khusus dari China.¹⁶⁰ Menurut Hwang Chung,¹⁶¹ sebahagian besar pembangunan yang terdapat di Melaka iaitu istana dan masjid telah dibangunkan mengikut reka bentuk dari China dengan menggunakan bahan binaan yang dibawa oleh Cheng Ho.¹⁶²

Menurut Ken Yeang,¹⁶³ pertukangan Cina dalam reka bentuk masjid di Melaka menjadi lebih hebat apabila Maharaja Cheng Le iaitu seorang pemerintah muslim dilantik sebagai maharaja pada akhir abad ke-14M. Baginda telah memperkenalkan beberapa ciri utama reka bentuk Cina ke Melaka dan negeri ini telah menyerap reka bentuk bangunan dari China ini dengan begitu baik sekali. Reka bentuk masjid yang berbentuk segi empat tepat telah dikembangkan fungsinya dan dinding bangunan masjid digantikan dengan batu-bata. Bumbung berlapis ditambah dengan seramik Cina sebagai pelindung kepada iklim sekitar dan mahkota atap pula diperkenalkan di puncak bumbung sebagai suatu ciri baru. Ciri dan bentuk masjid ‘Melakan Style’ ini mempunyai persamaan dengan pagoda di China dan dikembangkan secara meluas di seluruh Kepulauan Melayu.¹⁶⁴

Selain itu, perkembangan reka bentuk seni bina Cina ini juga berkembang apabila Puteri Hang Li Po di bawa ke Melaka oleh Cheng Ho untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah pada 1426M. Kedatangan puteri ini bersama lima ratus

¹⁵⁸Kohl, David G, *Malaysia’s Architectural Heritage*, 2-3.

¹⁵⁹Moorehead, F.J, *A History of Malaya and Her Neighbours*, (Longmans, Green: London, 1957), 123-125.

¹⁶⁰Lamprey, M.B, *On Chinese Architecture*, (t.tp., t.p, 1867), 157-176.

¹⁶¹Merupakan penulis sejarah yang menulis berkenaan pelayaran di Melaka pada tahun 1537M

¹⁶²Alexander Wain, “Chinese Muslims and The Conversation of Mallaca To Islam,” (prosiding, International Proceeding of Economic Development and Research (IPEDR), The University Of Oxford, v.51, 2012), 5.

¹⁶³Merupakan arkitek dari Malaysia yang banyak menghasilkan penulisan berkenaan seni bina bangunan yang terdapat di Malaysia.

¹⁶⁴Ken Yeang, *Architecture of Malaysia*, (Kuala Lumpur: Pepin Press, 1992), 119.

orang pengikutnya telah memeluk ajaran Islam dan ditempatkan di Bukit China dan menyebabkan jumlah masyarakat Cina bertambah ramai di Melaka. Migrasi ini turut membawa bersama mereka bentuk dan struktur seni bina mereka yang tersendiri¹⁶⁵ dan binaan tersebut dipraktikkan ke dalam pembinaan bangunan-bangunan yang didirikan di Melaka.¹⁶⁶

Menurut Ezrin Arbi,¹⁶⁷ hasil daripada perkawinan diraja ini telah melahirkan masyarakat yang dikenali sebagai “Cina Baba” atau Cina peranakan.¹⁶⁸ Beliau berpandangan kemahiran pertukangan Cina yang ada pada tukang-tukang yang terdiri daripada Cina peranakan ini turut mempengaruhi kaedah pembinaan dan seni bina asli di Melaka.¹⁶⁹ Justeru, kehadiran pengikut puteri ini bersama reka bentuk sei bina Cina ini telah mempengaruhi pembangunan berteraskan kecinaan dan warisan ini diteruskan

¹⁶⁵Rombongan yang datang bersama puteri Cina tersebut kebanyakannya menetap di kawasan Bukit China dan menetap di sepanjang sungai melintasi kubu kota A Famosa. Di bawah pemerintahan Portugis, masyarakat Cina menetap di kawasan Tengkera. Selain daripada masyarakat Cina dari Fukien, pedagang-pedagang asing yang bukan berbangsa Cina juga turut menetap di kawasan tersebut. Bukti penempatan masyarakat Cina ini boleh disahkan lagi dengan nama tempat yang dinamakan di atas nama Cina seperti Parit China dan Gate of the Chinese. Sila lihat Moorehead, F.J, *A History of Malaya and Her Neighbours*, 125.

¹⁶⁶Aktiviti pembangunan oleh masyarakat Cina tidak begitu pesat pada peringkat awalnya sehingga kedatangan British ke Melaka. Oleh itu kesan pengaruh pertukangan Cina ini jelas boleh dilihat melalui dua fasa utama iaitu sebelum kedatangan British dan selepas penjajahan British. Sila lihat Kohl, David G, *Malaysia's Architectural Heritage*, 3.

¹⁶⁷Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Seni Bina di Fakulti Alam Bina Universiti Malaya. Memiliki kepakaran dalam bidang seni bina warisan Islam, seni bina vernakular, reka bentuk dan perancangan bandar dan pemuliharaan bangunan.

¹⁶⁸Masyarakat peranakan Cina adalah komuniti kahwin campur yang mana mereka beribukan orang Melayu. Mereka juga memperlihatkan cara hidup yang lebih mirip kepada kehidupan cara orang Melayu sendiri di samping turut mengamalkan budaya dan adat Cina. Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 61. Agama asal kebanyakan masyarakat peranakan Cina ini adalah agama Islam, namun begitu setelah Eropah melancarkan serang secara besar-besaran ke atas negara Islam, ramai yang telah memeluk ajaran kristian termasuklah cina peranakan dan sehingga akhir abad ke-15M dianggarakan 7400 orang telah menukar kepercayaan kepada kristian dan mereka itu terdiri daripada orang Cina dan India. Sila lihat L.P. Thomaz, “The Indian Merchant Communities in Mallaca Under The Portuguese Rule” dlm, *Indo-Portuguese History: Old Issues, New Question*, ed. T. R. deSouza (New Delhi: Concept Publishing, 1985), 65. Kesan penjajahan telah menyebabkan masyarakat Melayu keluar menetap di kawasan luar bandar yang kemudian menyebabkan perkembangan agama Islam tidak berkembang dan dipengaruhi oleh unsur-unsur tasyul. (Sila lihat M.A. Rauf, *A Brief History of Islam With Special Reference to Malaya*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1946), 92-93. Akibat daripada kemerosotan penyebaran Islam, ramai masyarakat peranakan Cina yang pada asalnya adalah muslim telah kembali kepada agama asal dan ada yang menganut kristian, manakala ramai perempuan Melayu yang berkahwin dengan lelaki peranakan menjadi murtad kerana pendaftar nikah cerai dijalankan oleh pegawai Inggeris. Pada pandangan mereka pengikut agama kristian adalah golongan elit jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu yang berpegang dengan ajaran Islam adalah lemah dan dijajah. Sila lihat Haji Dusuki bin Haji Ahmad, *Islam di Malaysia: Kebangkitan dan Masa Depan*, (Petaling Jaya: Pustaka al-Hilal, 1980), 14-15.

¹⁶⁹Ezrin Arbi, “Sejarah Perkembangan Senibina di Malaysia” (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Sukan, 1975), 4-5.

oleh keturunan Cina Peranakan yang menjadi pewaris kepada pembentukan seni dan budaya Cina. Menurut Tom Pires, sebuah masjid telah dibangunkan atas perintah Sultan Mansur Syah di Melaka.¹⁷⁰ Pembangunan masjid ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat Cina muslim bagi menjalani ibadat dan sudah tentu masjid ini dibangunkan mengikut kehendak masyarakat Cina bersesuaian dengan budaya mereka.

Namun begitu, masjid-masjid yang dibangunkan di Melaka sewaktu zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka telah dimusnahkan oleh Portugis sewaktu melakukan penjajahan ke atas negeri itu.¹⁷¹ Orang Portugis telah memusnahkan istana raja, balairong dan masjid di Bukit Bendera yang kini dikenali sebagai Bukit St. Paul bagi mendirikan benteng-benteng pertahanan dan gereja-gereja¹⁷² serta membakar bangunan masjid yang berada di luar kawasan bandar.¹⁷³ Selain daripada masjid, Portugis turut memusnahkan seni bina tempatan dan bangunan-bangunan kerajaan termasuklah makam.¹⁷⁴ Walaupun bangunan masjid telah musnah tetapi prototaip masjid ini masih dijadikan panduan bagi membina masjid-masjid selepas Portugis mengalami kejatuhan pada 1641M.¹⁷⁵

Kemasukan pertukangan dari China sewaktu fasa kedua ini berlaku melalui cara pertama dan kedua. Cara pertama berlaku apabila orang Cina yang tidak bersetuju dengan kuasa baru dan memberontak terhadap peralihan kuasa di antara Dinasti Ming kepada Qing (1644M-1911M) telah melakukan penghijrahan dan menjadikan Melaka sebagai destinasi tujuan. Perpindahan yang berlaku telah membawa bersama adat resam,

¹⁷⁰Armando Cortesao, *The Suma Oriental of TomPires*, 249. Lihat juga Amelia Fauzia, *Faith and the State: A History of Islamic Philanthropy in Indonesia*, 68.

¹⁷¹Dr. Suhaila Abdullah, (Pensyarah Kanan di School of Humanities, Universiti Sains Malaysia) dalam temubual bersama penulis, 5 Julai 2013

¹⁷²Ab. Rashid b. Budin, “Sejarah Masjid-masjid dan Madarsah-madrasah di Melaka: Perananya Kepada Masyarakat Melayu Sebelum 1957” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 1978), 18.

¹⁷³M.J. Pintado (pnyt), *Portuguese Documents on Mallaca Vol. 1 (1510-1511)*, (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 1993), 333.

¹⁷⁴Abdul Halim Nasir, *Mosque Architecture in the Malay World*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 90.

¹⁷⁵Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Pustaka Antara: Kuala Lumpur, 1980), 447.

kebudayaan, kesenian dan warisan seni bina Cina.¹⁷⁶ Cara kedua berlaku apabila Belanda menjemput orang Cina dari Betawi (Jakarta) ke Melaka. Berdasarkan kepada jumlah masyarakat Cina yang sentiasa bertambah sewaktu di bawah pemerintahan Belanda menjadi bukti kepada kemasukan imigran Cina ke Melaka di bawah arahan Belanda bagi membantu proses pembangunan yang direncana Belanda termasuklah pembinaan masjid di Melaka.¹⁷⁷ Kehadiran bangsa ini di Melaka sangat dialukan oleh pihak Belanda dan kemahiran mereka turut diiktiraf.¹⁷⁸ Kebanyakan orang Cina yang hadir ke Melaka berasal dari Guangdong dan mempunyai kemahiran dalam bidang pertukangan kayu dan batu dan di Melaka mereka bekerja sebagai tukang-tukang bangunan dan tukang kayu.¹⁷⁹ Mereka turut menguasai secara keseluruhan bidang ini bahkan kehadiran tukang-tukang dari Eropah juga tidak dapat bersaing dengan tukang Cina.¹⁸⁰

Reka bentuk dan seni bina Cina bukan sahaja dapat dilihat pada masjid-masjid Melaka bahkan masyarakat ini telah memberikan sumbangan bagi membantu proses pembangunan di negeri tersebut antaranya ialah pembinaan rumah kedai, teres, rumah ibadat bukan Islam dan masjid.¹⁸¹ Selain itu, pengaruh seni bina Cina ini juga didapati pada reka bentuk Cina pada rumah yang mempunyai halaman dengan taman yang besar. Hiasan pada perabot-perabot rumah orang Cina juga adalah di antara kesan dan pengaruh yang ketara dan dapat dilihat sehingga kehari ini.¹⁸² Menurut Bruce Allan¹⁸³

¹⁷⁶Melaka adalah merupakan negeri pertama yang menerima pengaruh seni bina Cina bahkan bangunan yang berunsurkan Cina juga pertama kali dibina di negeri tersebut. Sila lihat Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, (Comperative Asian Study: Hong Kong, 1978), 117.

¹⁷⁷Bruce Allan, *Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula*, 79.

¹⁷⁸Hoyt, Sarnia Hayes, *Old Mallaca*, (Oxford University Press: London, 1996), 24.

¹⁷⁹Handinoto, Samuel Hartono, "Pengaruh Pertukangan Cina Pada Bangunan Mesjid Kuno di Jawa Abad 15-16," *Dimensi Teknik Arsitektur*, Vol 35. 35, No. 1. (2007), 29.

¹⁸⁰Andaya Barbara Watson, *A History of Malaysia*, (United Kingdom: MacMilan, 1983), 207.

¹⁸¹E.J.Seow, "Melakan Architecture" dlm *Melaka: The Transformation of Malay Capital 1400-1890*, ed. Sandhu Kernal Singh dan Paul Wheatly (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983), 776.

¹⁸²Ezrin Arbi, "Pengaruh Senibina Asing di Malaysia" (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 3.

¹⁸³Beliau merupakan professor dalam bidang sains politik dan penasihat kepada institusi kesenian di Penn State. Beliau juga banyak membuat kajian berkenaan sejarah awal masjid yang terdapat di Nusantara.

bumbung masjid Melaka dibina oleh tukang Cina yang membina rumah ibadat Cina.¹⁸⁴

Hal ini membuktikan penglibatan orang Cina dalam proses pertukangan di Melaka tidak khusus pada pembinaan tokong-tokong Cina bahkan turut melibatkan pembangunan masjid dan bangunan-bangunan lain di negeri itu.

Kemahiran orang Cina ini dipandang begitu tinggi sehingga seorang pemimpin Melayu telah menghantar surat kepada pemerintah Barat bagi meminta beberapa orang tukang Cina untuk membantu mengukir batu nisan diraja.¹⁸⁵ Kemahiran orang Cina dalam seni ukiran telah mula mendapat perhatian daripada pemerintah dan diberi kepercayaan untuk mengukir dinding bangunan di Melaka. Sepanjang perhatian yang dilakukan juga, penulis mendapati bangunan-bangunan yang terdapat di sekitar masjid-masjid kajian memiliki ukiran motif yang berunsurkan Cina. Ukiran yang diperlakukan dilihat mempunyai persamaan dengan ukiran yang terdapat pada masjid kajian. Persamaan tersebut membuktikan bahawa tukang yang terlibat dalam proses tersebut adalah individu yang sama dan bertanggungjawab dalam menghasilkan ukiran yang menarik pada masjid dan bangunan sekitarnya.

Masyarakat Cina sangat memainkan peranan penting dalam pembinaan masjid yang terdapat di tengah bandar Melaka dan prototipe bangunan masjid yang dibina di kawasan-kawasan luar bandar adalah mengikut kepada bangunan masjid yang terdapat di bandar Melaka Tengah ini.¹⁸⁶ Kewujudan satu bentuk gaya yang menarik ini mula tersebar kaedah binaannya di seluruh negeri Melaka dan gaya tersebut sebagai “Melakan style.”¹⁸⁷ Secara keseluruhan, kesemua masjid-masjid yang dibangunkan di

¹⁸⁴ Bruce Allan, *Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula*, 79.

¹⁸⁵ Andaya Barbara Watson, *A History of Malaysia*, (United Kingdom: MacMillan, 1983), 210.

¹⁸⁶ Masjid tersebut menggunakan batu-bata, atap genting di samping perabung yang mempunyai hiasan ukiran motif Cina dan di samping bangunan masjid tersebut terdapat menara yang berbentuk pagoda China. Sila lihat Ezrin Arbi, “Sejarah Perkembangan Senibina di Malaysia,” (Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975), 11.

¹⁸⁷ Masjid tersebut menggunakan batu-bata, atap genting di samping perabung yang mempunyai hiasan ukiran motif Cina dan di samping bangunan masjid tersebut terdapat menara yang berbentuk pagoda China. (*Ibid.*)

bawah jajahan Belanda ini berada di kawasan bandar kerana bandar adalah tempat tumpuan dan juga pusat pemerintahan Belanda pada ketika itu. Terdapat lima buah masjid yang dibangunkan di bawah pemerintah Belanda iaitu Masjid Peringgit (1720M), Masjid Kampung Hulu (1728M), Masjid Tengkera (1728M), Masjid Pengkalan Rama (1730M) dan Masjid Kampung Keling (1748M).

Berdasarkan kepada fasa pertama, pelayaran Cheng Ho ke Asia Tenggara dan penghijrahan Puteri Hang Li Po ke Melaka telah memberikan impak besar kepada pembentukan reka bentuk masjid yang mempunyai unsur Cina. Pelayaran dan penghijrahan yang berlaku telah membawa bersama mereka pelan reka bentuk bangunan yang dipraktikkan di Melaka. Melalui fasa kedua, masyarakat Cina yang dijemput dari Betawi dan golongan yang berhijrah dari China ke Melaka memainkan peranan dalam proses pembangunan masjid. Masjid Agung Demak yang dibangunkan sekitar tempoh pelayaran Cheng Ho ini telah menjadi pelan contoh kepada tukang untuk mendirikan masjid di Melaka dan pelan ini telah digunakan sebanyak dua kali untuk membina masjid di Melaka iaitu pada fasa pertama sekitar abad ke-15M sewaktu zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan fasa kedua pada abad ke-18M apabila Belanda mula membuka ruang kepada masyarakat tempatan mengamalkan ajaran agama dan membantu proses pembangunan masjid di Melaka. Oleh itu, tukang Cina adalah di antara orang yang terawal berperanan dalam membentuk serta membantu masyarakat muslim di Asia Tenggara melakar sebuah bangunan masjid yang akhirnya menjadi panduan bagi pembinaan masjid-masjid lain di Kepulauan Melayu khususnya sehingga menjadi satu bentuk binaan masjid tradisi bagi masyarakat Islam di rantau ini.

2.5 Latar belakang Masjid Kajian

2.5.1 Masjid Kampung Keling

Ketika era kegembilangan Melaka ramai pedagang-pedagang asing telah menetap di Melaka antaranya ialah bangsa India yang merupakan pedagang India muslim yang datang berdagang dari Cambay. Ada daripada kalangan pedagang ini terus menetap di Melaka dan berkahwin dengan penduduk tempatan dan hasil daripada perkahwinan tersebut lahirlah generasi yang dikenali sebagai “Keling.” Ketika era penaklukan Portugis bangsa ini telah ditempatkan di suatu kawasan yang dikenali sebagai daerah Upgeh.¹⁸⁸

Apabila aktiviti perdagangan mengalami kejatuhan sewaktu pemerintahan Belanda, bangsa Keling ini dipindahkan ke kawasan lebih kecil yang dikenali sebagai Kampung Keling. Oleh kerana kebanyakan masyarakat peranakan Keling ketika itu bekerja sebagai tukang emas, kawasan yang diduduki tersebut dinamakan Jalan Tukang Emas bersempena dengan pekerjaan masyarakat peranakan ini. Masjid Kampung Keling ini terletak di persimpangan Jalan Tukang Emas dan Jalan Lekiu berhampiran dengan Masjid Kampung Hulu yang memisahkan hanya 500 meter jarak di antara kedua lokasi.¹⁸⁹

Masjid Kampung Hulu yang diasaskan oleh Datuk Shamsuddin bin Datuk Harun dibangunkan terlebih dahulu (1728M) dan susulan tersebut Masjid Kampung Keling dibina pada tahun 1748M kerana hubungan tidak mesra di antara masyarakat Melayu dan Keling. Masjid ini didominasi oleh masyarakat Keling yang berasal dari India yang berhijrah keluar dari negara mereka. Apabila kedua kaum iaitu Melayu dan Keling tidak dapat bersatu Belanda telah membenarkan satu lagi masjid didirikan bagi mengelakkan perbalahan yang lebih panjang. Walau bagaimanapun solat Jumaat akan dilaksanakan

¹⁸⁸Mohar Rozlan, *Masjid Kampung Keling*, (kajian lukisan terukur, UTM: Jabatan Senibina, 87/88), 4.

¹⁸⁹Ibid., 5.

pada satu masjid sahaja mengikut giliran bagi mengelakkan kedua-dua masjid digunakan untuk solat Jumaat. Kos pembinaan masjid ini pada peringkat awal ditanggung oleh kerajaan. Setelah Belanda menarik diri dari Melaka, masyarakat tempatan tidak mengharapkan bantuan kerajaan untuk membaiki masjid tetapi wang derma akan dikutip daripada golongan hartawan dan derma penduduk setempat bagi mengubah suai masjid. Masjid ini mula menerima peruntukan setelah diletakkan di bawah pemerhatian Jabatan Warisan Negara.¹⁹⁰

Masjid ini telah mengalami proses binaan yang kedua setelah binaan yang pertama pada 1748M mengalami kerosakan akibat daripada faktor cuaca dan persekitaran. Masjid ini telah diubahsuai daripada bentuknya yang asal kepada sebuah bangunan masjid yang kelihatan mewah dengan keindahan hiasan serta ukiran yang menarik.¹⁹¹ Walaupun proses renovasi telah dilakukan pada masjid ini, namun penggunaan empat tiang seri utama sebagai penampan masjid ini masih dikekalkan sehingga ke hari ini dan boleh dilihat pada bahagian ruang solat masjid.¹⁹² Pada tahun 1872M pagar batu telah dibina di sekitar masjid ini dengan tujuan untuk mengelakkan gangguan daripada orang luar di samping untuk menjaga kesucian masjid ini. Sebuah menara yang berbentuk pagoda telah dibangunkan dan ditempatkan bersebelahan masjid ini.¹⁹³

Pada 1908, atap masjid ini telah ditinggikan mengikut atap Masjid Kampung Hulu, tiang-tiang konkrit ditambah bagi mengukuhkan binaan masjid. Jubin dan marmar di tambah bagi memperlihatkan kekemasan masjid ini. Renovasi yang terbaru dilakukan pada tahun 2013 dan sewaktu penulis ke sana proses renovasi telah siap dilaksanakan.¹⁹⁴

¹⁹⁰ Ustaz Ismail Haji Ishak (Imam Masjid Kampung Keling) dalam temubual bersama penulis, 11 Januari 2012

¹⁹¹Sila lihat lampiran D iaitu gambar Masjid Kampung Keling yang telah mengalami proses binaan kedua

¹⁹²Sila lihat lampiran E iaitu gambar ruang solat Masjid Kampung Keling yang masih mengekalkan empat tiang seri

¹⁹³Sila lihat lampiran F iaitu gambar menara Masjid Kampung Keling yang berbentuk pagoda.

¹⁹⁴Rekod simpanan PERZIM

Pada tahun 2005 Pihak PERZIM¹⁹⁵ telah mengkategorikan masjid ini sebagai masjid Melayu klasik bumbung bertingkat atau bumbung meru dan diletakkan di bawah pemerhatian Badan Warisan Negeri Melaka.¹⁹⁶

2.5.2 Masjid Tengkera

Menurut rekod PERZIM masjid ini dinamakan Tengkera kerana lokasi masjid yang terletak di Jalan Tengkera iaitu dalam mukim Tanquerah. Masjid ini diberi nama Tengkera berdasarkan kepada perkataan Tengkera atau Terengkera diambil daripada perkataan Portugis iaitu Tranquerah yang bermaksud ‘*earth-backed palisade*.’ Mukim Tengkera berada luar dari kawasan Melaka serta wujud sewaktu pemerintahan Portugis. Sebelum digantikan kepada Tengkera, kawasan ini dikenali sebagai Kampung Upeh dengan sebuah pulau di luar pantai yang dikenali pulau Upeh pernah menjadi pusat pengajian Islam pada abad ke-15M.¹⁹⁷ Masjid ini dibina sekitar tahun 1728M dan merupakan salah satu masjid yang tertua di Melaka dengan mencelah usia 277 tahun. Masjid ini dibina pada tahun yang serupa dengan Masjid Kampung Hulu dan lapan tahun selepas pembinaan Masjid Peringgit.¹⁹⁸

Kebanyakan masyarakat yang menetap di sekitar Tengkera adalah pedagang India yang telah lama menetap dan berkahwin dengan gadis-gadis tempatan. Pedagang-pedagang tersebut berasal dari Pakistan, India dan Gujerat.¹⁹⁹ Di kawasan masjid terdapat sebuah balai yang digunakan sebagai tempat berhimpun dan balai tersebut kini digunakan sebagai tempat untuk mendalami ilmu agama. Terdapat makam Sultan Johor di dalam masjid ini iaitu makam Sultan Hussein Syah yang menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1819M dan meninggal pada tahun

¹⁹⁵PERZIM atau Perbadanan Muzim Negara merupakan muzim Melaka yang banyak menyimpan sejarah dan khazanah negeri tersebut.

¹⁹⁶Rekod simpanan PERZIM

¹⁹⁷Rekod Simpanan PERZIM

¹⁹⁸Sila lihat lampiran G iaitu gambar Masjid Tengkera

¹⁹⁹Andaya Barbara Watson, *A History of Malaysia*, 208.

1835M. Masjid ini dibangunkan hasil daripada derma masyarakat setempat di atas tanah yang diwakafkan oleh penduduk di sekitar mukim tersebut. Masjid Tengkera ini juga pernah menjadi masjid negeri suatu ketika dahulu yang dikenali sebagai Masjid Besar Tengkera sebelum ditukarkan kepada Masjid al-Azzim pada tahun 1990.²⁰⁰

Masjid ini dibina atas hasil beberapa campuran seni bina tradisional Melaka, seni bina dari Eropah, Inggeris dan China. Masjid ini juga mempunyai hiasan yang bersifat elektik²⁰¹ dan memiliki menara masjid berbentuk pagoda.²⁰² Pada tahun 1850M, masjid ini telah dibaiki semula dengan menggantikan kayu kepada konkrit manakala lantai pula ditambah dengan jubin bewarna dan menara juga turut dibina dengan menggunakan konkrit. Pada tahun 1910M masjid ini telah diubah sepenuhnya kepada binaan yang menggunakan bata dan seterusnya konkrit serta simen. Beberapa tambahan lain kepada masjid ini telah dibuat seperti kolah wuduk, bangunan wakaf, tandas dan jam matahari yang dapat memberitahu masuk waktu solat.

Sewaktu proses renovasi yang pertama berlaku empat batang tiang seri utama yang terdapat di tengah-tengah ruang solat dikekalkan beserta struktur bumbung meru yang mempunyai tiga lapisan. Empat tiang seri ini berperanan untuk menyokong bumbung meru tersebut. Tiang masjid ini dihasilkan daripada sejenis pokok yang berkualiti tinggi serta tahan lama iaitu pokok kayu berlian yang diimport dari kalimantan.²⁰³ Di sekitar tiang seri ini terdapat tiang tegak yang diperbuat daripada kayu berfungsi untuk menyokong bumbung meru di bahagian tengah yang kemudiannya digantikan dengan tiang konkrit. Di sekitar tiang seri ini terdapat empat lagi tiang iaitu tiang tegak yang berfungsi untuk menyokong bumbung meru yang berada di kedudukan

²⁰⁰Tuan Haji Abdul Samad Ali (Imam Besar Masjid Tengkera) dalam temubual bersama penulis, 15 Januari 2012

²⁰¹Elektik bermaksud hasil campuran seni bina tempatan dengan seni bina dari China

²⁰²Sila lihat lampiran H iaitu menara Masjid Tengkera yang berbentuk pagoda

²⁰³Rekod Simpanan PERZIM

yang kedua.²⁰⁴ Pada tahun 2005, pihak PERZIM telah mengkategorikan masjid ini sebagai masjid Melayu klasik bumbung bertingkat atau bumbung meru atau atap tiga tangkup.²⁰⁵

2.5.3 Masjid Kampung Hulu

Masjid Kampung Hulu adalah salah sebuah masjid yang bersejarah dan istimewa. Dibina pada tahun 1728M bersamaan tahun 1141 hijrah oleh Datuk Shamsuddin iaitu seorang keturunan Cina muslim. Beliau adalah merupakan kapitan Melayu yang dilantik oleh Belanda untuk memimpin orang-orang Melayu di Melaka. Nama pengasas masjid ini juga dapat dilihat pada ukiran tembaga yang terdapat pada pintu masuk di bahagian dalam masjid. Ukiran pada pintu masuk menjadi bukti bahawa Masjid Kampung Hulu adalah masjid yang kedua tertua di Malaysia dan Melaka yang berusia kira-kira 260 tahun.²⁰⁶ Tapak asal Masjid Kampung Hulu ini adalah sebuah perkampungan nelayan yang dihuni oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam. Lokasi perkampungan ini berdekatan dengan Sungai Melaka yang menjadi nadi utama dalam aktiviti perhubungan penduduk kampung tersebut. Namun begitu, pada hari ini kawasan sekitar Masjid Kampung Hulu ini diduduki oleh masyarakat Cina yang memonopoli ekonomi dengan mengusahakan perniagaan rumah kedai.

Masjid ini adalah merupakan masjid yang pertama dibina sepenuhnya dengan menggunakan batu dan memiliki menara yang berbentuk pagoda dengan bumbung berbentuk piramid. Masjid ini juga turut dijadikan pusat penyebaran Islam semasa penjajahan Belanda di Melaka. Datuk Harun²⁰⁷ iaitu bapa kepada Datuk Shamsuddin

²⁰⁴Sila lihat lampiran I iaitu ruang solat Masjid Tengkera

²⁰⁵Rekod Simpanan PERZIM

²⁰⁶Sila lihat lampiran J iaitu Masjid Kampung Hulu

²⁰⁷Datuk Harun telah meninggalkan tanah kelahiran beliau setelah berlaku pertelingkahan dengan keluarganya dan belseyair kekepulauan Melayu. Kapal yang dinaikinya karam berhampiran dengan pantai dan diselamatkan oleh seorang muazzin Melayu. Setelah sekian lama beliau mengahwini anak perempuan keluarga angkatnya dan menjadi seorang ketua dalam bidang perniagaan. Beliau seorang yang alim dalam bidang agama dan seringkali mewakafkan tanah bagi tujuan keagamaan. Datuk Harun dikatakan seorang yang sangat kaya dan mempunyai banyak tanah-tanah wakaf di Kampung Hulu, Peringgit, Pengkalan

yang dahulunya dikenali sebagai Tan Seek Tiong sememangnya berasal dari Tanah Besar China dan dilahirkan sewaktu Kerajaan China berada di bawah pemerintahan Dinasti Chin (Manchu). Pembinaan Masjid Kampung Hulu ini juga berada di bawah tanggungjawab anaknya Datuk Shamsuddin dan masjid ini sebenarnya telah dibina dalam tempoh yang lebih awal iaitu pada tahun 1670M tetapi pihak PERZIM telah mengiktiraf tarikh rasmi pembinaan masjid ini pada tahun 1728M.²⁰⁸ Menurut Ezrin Arbi, Datuk Shamsudin sememangnya telah merencana agar masjid yang dibangunkan itu diukir dengan ukiran motif dan ornamentasi Cina dan dihias dengan pembinaan menara berbentuk pagoda dan pintu gerbang berunsur Cina. Tujuan beliau adalah untuk memperlihatkan kepada bangsa Cina bahawa agama Islam dan kebudayaan Cina itu dapat berhubung mesra melalui proses asimilasi kesenian di dalam masjid.²⁰⁹

Sewaktu Masjid Kampung Hulu dibina jumlah yang dianggarkan bagi membina masjid tersebut hampir setengah juta. Datuk Shamsuddin adalah seorang dermawan yang banyak mewakafkan tanah bagi tujuan kebaikan Islam. Aset-aset masjid ini merangkumi lot tanah dan rumah kedai yang terdapat di sekitar masjid. Oleh itu, masjid ini dikatakan masjid yang terkaya di Melaka yang berada di bawah pentadbiran ahlijawatankuasa Majlis Agama Islam Melaka. Menurut imam masjid ini, iaitu Tuan Haji Abdullah bin Abdul Karim para musafir yang datang luar dari negeri Melaka seringkali datang di masjid ini untuk berehat sementara mencari tempat untuk tinggal. Sehingga ke hari ini ramai musafir yang sering bertandang ke masjid ini bahkan ada

Rama dan tanah di sekitar kawasan Melaka. Beliau juga adalah orang pertama yang mendapat gelaran “Datuk” sewaktu pemerintahan Belanda dan kapitan peratama yang dilantik bagi menjaga masyarakat Melayu sebelum perlatihan anaknya Datuk Shamsuddin. Perlantikan beliau adalah sebagai membala jasa Datuk Harun kerana membantu Belanda bagi menjatuhkan kekuasaan Portugis dan beliau turut dianugerahkan tanah di sekitar Melaka. Kemudian anaknya Datuk Shamsuddin mewarisi perniagaan bapanya dan banyak mewakafkan tanah. (Pai Sek atau Haji Ali Abdullah (merupakan seorang muallaf yang telah memeluk Islam hampir 40 tahun dan merupakan jemaah tetap di Masjid Kampung Hulu selama 15 tahun. Merupakan bekas sahabat kepada keturunan Datuk Shamsuddin yang telah meninggal dunia) dalam temubual bersama penulis, 13 Januari 2012)

²⁰⁸ Rekod Simpanan PERZIM

²⁰⁹Ezrin Arbi, “Pengaruh Senibina Asing di Malaysia” (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 3.

juga sebilangan daripada mereka menetap terus di masjid ini.²¹⁰ Setiap hari pasti ada makanan yang disedekahkan kepada jemaah masjid dan sedekah tersebut sudah dikira adat di kawasan tersebut.²¹¹

Menurut rekod Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM), masjid ini telah di tambah fungsi dan hiasan pada tahun 1819M dan pada tahun 1892M masjid mengalami proses pembaikian sewaktu al- Sheikh Omar bin Hussain al-Attas menjadi wazir. Pada tahun 1971M banjir besar²¹² telah melanda bandar Melaka dan masjid Kampung Hulu di antara monumen yang dibadai banjir.²¹³ Pada tahun 1995, masjid ini dibaiki oleh Jabatan Warisan Negara dan terbaru sekali pada tahun 2013.

Masjid ini mempunyai bumbung berbentuk meru beserta menara pagoda di bahagian kanan masjid.²¹⁴ Sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam masjid melalui pintu gerbang kolam wuduk boleh dilihat pada bahagian kanan masjid. Dalam ruang solat masjid ini terdapat empat tiang utama yang mendokong bumbung masjid dan tiang ini telah digunakan sejak awal pembangunan masjid ini.²¹⁵ Menurut rekod PERZIM, mahkota atap pada bumbung dan menara serta salur bayur masjid ini diimport dari China. Begitu juga dengan seramik yang digunakan bagi menampung lantai masjid turut diimport dari China sewaktu pemerintahan dinasti Qing (1644M-1911M).²¹⁶ Pada tahun 2005, pihak PERZIM telah mengkategorikan masjid ini sebagai masjid Melayu klasik bumbung bertingkat atau bumbung meru atau atap tiga tangkup. Masjid

²¹⁰Sila lihat lampiran K iaitu gambar para musafir yang menjadikan masjid ini sebagai lokasi persinggahan untuk berehat

²¹¹Tuan Haji Abdullah bin Abdul Karim (imam Masjid Kampung Hulu) dalam temubual bersama penulis, 5 November 2013

²¹²Sila lihat lampiran L iaitu keadaan banjir yang melanda Masjid Kampung Hulu sekitar tahun 1970

²¹³Tuan Haji Abdullah bin Abdul Karim (imam Masjid Kampung Hulu) dalam temubual bersama penulis, 5 November 2013

²¹⁴Sila lihat lampiran M iaitu menara Masjid Kampung Hulu yang berbentuk pagoda

²¹⁵Sila lihat lampiran N iaitu ruang solat Masjid Kampung Hulu yang masih mengekalkan empat tiang seri utama

²¹⁶Rekod simpanan PERZIM

Kampung Hulu juga telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan di bawah Jabatan Warisan Negara.²¹⁷

2.6 Komponen Utama Masjid Kajian

2.6.1 Komponen Luar Masjid

a. Bumbung Meru

Masjid kajian dan masjid lain di negeri Melaka memiliki komponen atap dengan pola dasar segitiga dan disusun secara bertahap. Bentuk bumbung piramid yang disusun dalam keadaan berperingkat ini juga dikenali sebagai masjid berbumbung meru.²¹⁸ Selain itu bumbung meru ini turut dikenali dengan bentuk atap bersusun tumpang, jumlah susunan atap terdiri daripada tiga tahap dan tahap yang terakhir disokong oleh tiang seri. Selain disebut sebagai atap tumpang reka bentuk masjid yang terdapat di Melaka ini juga disebut sebagai masjid berbumbung piramid.²¹⁹ Penamaan ini berdasarkan kepada bentuk bumbung yang mempunyai lapisan besar di bahagian paling bawah dan mengecil sehingga ke bahagian puncak atap yang memusat.²²⁰


²¹⁷ Rekod Simpanan PERZIM

²¹⁸Bumbung berbentuk piramid juga dikenali sebagai masjid berbumbung *tajug* di Indonesia atau bumbung *meru* yang boleh dilihat di Malaysia dan Indonesia. Masjid seperti ini biasanya mempunyai dua, tiga, lima atau tujuh lapisan bumbung tetapi di Malaysia hanya boleh dilihat tiga dan lapisan bumbung sahaja. Salah satu masjid di Malaysia yang boleh dilihat sehingga ke hari ini ialah Masjid Kampung Laut. Masjid ini dibina secara sepenuhnya dengan menggunakan kayu dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia. Terdapat pandangan yang megatakan Masjid Kampung Laut lebih tua berbanding Masjid Agung Demak yang terletak di Jawa. Sila lihat Ra'alah Mohamad, "The Documentation on the Architecture Features of Five Oldest Mosquein Melaka Built in 18th Century" (tesis sarjana, University of Sheffield: UK, 2002), 23.

²¹⁹Mastor Surat, "Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara" (tesis sarjana, Bangi: UKM, 2008), 32.

²²⁰Kedudukan atap masjid yang berbentuk piramid juga dianggap sebagai simbol laluan "Roh" yang berpunca dari atas puncak (teratas) bahagian 'kubah' memberikan simbol Kesatuan (tauhid) yang dilihat sebagai menurun dan meluas atau dilihat sebagai menaik dan mengucup, kedua-dua keadaan mengarah kepada "kesatuan". Sila lihat Ardalan, N dan Bakhtiar, L. *The Sence of Unity Chicago*, (University of Chicago press: Chicago, 1973), 75.

Gambar 2.1: Bumbung Masjid Berbumbung Meru Yang Mempunyai Tiga Tahap Atau Lapisan Bumbung



Sumber: Kajian Lapangan

Terdapat dua teori utama yang membahaskan tentang pengaruh bumbung meru ini. Teori yang pertama dipelopori oleh Pijper²²¹ (1947M) dan Stutterheim²²² (1948M). Mereka berpandangan atap yang bertingkat adalah daripada pengaruh kosmologi Hindu dan seni bina yang bertingkat ini dikatakan menerima pengaruh daripada seni bina Bali di Jawa.²²³ Pendapat ini serupa dengan Abdul Halim Nasir,²²⁴ beliau menyifatkan seni bina awal di alam Melayu ini sudah mempunyai pengaruhnya yang tersendiri sebelum kedatangan Islam lagi. Masjid-masjid lama ini menggunakan bumbung yang berbentuk meru dan beratap tumpang berlapis atau yang disebut juga sebagai bumbung som pecah empat atau bentuk tajuk. Menurut beliau lagi, bumbung jenis ini sebenarnya mendapat

²²¹Pijper adalah di antara pelopor utama yang mengkaji tentang seni bina asli di Nusantara. Antaranya ialah pembinaan masjid yang terdapat di Indonesia. Beliau juga banyak menulis bersama Stutterheim berkenaan isu seni bina masjid tradisi.

²²² Willem Ferderik Stutterheim banyak menghasilkan karya berkenaan sejarah seni bina bangunan masjid dan rumah-rumah ibadat Buddha dan Hindu. Kajian beliau banyak membandingkan kesan seni bina asing yang terdapat di rumah ibadat pelbagai agama ini. Kajian beliau juga turut memfokuskan kepada sejarah Jawa dan Indonesia.

²²³Handinoto, Samuel Hartono, "Pengaruh Pertukangan Cina Pada Bangunan Mesjid Kuno di Jawa Abad 15-16," *Dimensi Teknik Arsitektur*, Vol 35. 35, No. 1. (2007), 31. Sila lihat S Vlatseas, *A History of Malaysian Architecture*, (Longman Singapore Publisher: Singapore, 1990), 43.

²²⁴Beliau merupakan seorang karyawan tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengalaman beliau sebagai pegawai di Muzium Negara telah menjadikan beliau seorang peneliti, pengkaji dan penulis dalam bidang seni bina bangunan terutamanya yang mencakupi soal tradisi dan estetika.

pengaruh daripada kebudayaan Hindu-Buddha yang sangat kuat pada abad ke-7M hingga ke-14M.²²⁵

Menurut Wan Ramli Wan Daud²²⁶ atap cangkup ini menyerupai gunungan atau Meru yang dianggap sebagai tempat tinggal dewa oleh penganut agama Hindu manakala bagi masyarakat Melayu, mereka beranggapan bahawa bumbung meru adalah tempat turunnya moyang raja Melayu di samping bertindak sebagai penutup bagi menghalang rembesan air daripada masuk melalui celah-celah antara pertemuan hujung atap.²²⁷

Teori yang kedua dipelopori oleh Graaf (2004)²²⁸ dan Lombard (1996),²²⁹ mereka berpendapat binaan bumbung bertingkat ini adalah daripada pengaruh Cina yang kuat pada masjid-masjid kuno di Jawa kerana atapnya yang berbentuk pagoda. Bukti yang boleh dikaitkan dengan teori ini adalah ramai pedagang-pedagang Cina yang dominan menetap di pantai Utara Jawa sambil menyebarkan ajaran Islam.²³⁰ Menurut Slametmuljana,²³¹ ciri-ciri masjid berbumbung meru ini sebenarnya diambil daripada pertukangan China dan Jepun. Gaya reka bentuk bumbung berlapis ini tidak diketahui di Timur Tengah. Oleh kerana Islam tidak berkembang dengan meluas di Jepun, maka beliau berpendapat reka bentuk ini datang sepenuhnya dari China.²³² Gaya dan reka bentuk bumbung meru masjid ini dikatakan diambil daripada seni bina yang

²²⁵Abdul Halim Nasir, *Masjid-masjid di Nusantara*, (Bangi: UKM, 1979), 54.

²²⁶Merupakan pensyarah profesor di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara tulisan beliau ialah Teknologi Melayu: melayani ragam hidup sepanjang zaman.

²²⁷Wan Ramli Wan Daud, “Teknologi Melayu: Melayani Ragam Hidup Sepanjang Zaman” dlm *Tamadun Islam Di Malaysia*, ed. Taib Osman, A. Aziz Deraman (DBP: Kuala Lumpur, 2000), 261.

²²⁸Hermanus Johannes De Graaf merupakan pakar berkaitan isu di Nusantara. Beliau juga banyak menghasilkan karya sejarah dan penulisan beliau banyak difokuskan kepada sejarah masyarakat Cina dan kerajaan-kerajaan yang terdapat di Nusantara

²²⁹Denys Lombard merupakan seorang pakar berkenaan Asia Tenggara. Beliau banyak melakukan kajian berkenaan ilmu kebudayaan Cina dan sejarah maritime di Asia. Beliau juga pernah menjadi pengarah Ecole Francais d'extreme Orient (EFEO) daripada tahun1993-1998

²³⁰Handinoto dan Samuel Hartono, *Pengaruh Pertukangan Cina Pada Bangunan Mesjid Kuno diJawa Abad 15-16*, 31.

²³¹Merupakan doktor falsafah dalam bidang sejarah dan filologi serta pensyarah di Universiti Indonesia sebelum kematiannya. Memiliki banyak penulisan berkenaan sejarah Indonesia.

²³²Slametmuljana, *A Story of Majapahit*, 245.

dipraktikkan sewaktu zaman Dinasti Ming.²³³ Hasil penghijrahan masyarakat Cina ke Asia Tenggara telah membawa bersama reka bentuk bumbung meru ini dengan sedikit pengubahsuai agar sesuai dengan persekitaran yang terdapat di alam Melayu.²³⁴

Melihat kepada reka bentuk masjid “*Melakan style*” ini antara ciri terpenting reka bentuk bumbung masjid ini adalah bumbungnya berbentuk meru, mempunyai sulur bayur dan mahkota atap. Penulis bersetuju dengan teori yang kedua di mana pengaruh reka bentuk bumbung meru ini didatangkan dari China kerana ciri penting yang terdapat pada masjid-masjid Melaka memiliki persamaan dengan rumah ibadat dan kediaman masyarakat Cina. Tetapi saiz ruang solat masjid ini masih lagi mengekalkan ruang segi empat sama seperti masjid yang pertama dibangunkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dan masjid-masjid yang terdapat di dunia Arab amnya. Hal ini kerana ruang dalam bangunan di China berbentuk segi empat tepat dan disesuaikan dengan bumbung meru dalam bentuk yang sama. Manakala masjid di Melaka mempunyai skala ruang segi empat tepat dan disesuaikan dengan bumbung meru dalam bentuk yang sama.

Berdasarkan kepada kajian lapangan, terdapat beberapa persamaan yang boleh dilihat pada masjid berbumbung meru dengan bumbung yang terdapat di rumah ibadat Cina seperti bentuk bumbung yang berlapis, mahkota atap sebagai hiasan utama pada puncak masjid dan sulur bayur sebagai hiasan di bahagian penghujung bumbung masjid. Bagi masyarakat Cina, bumbung yang diletak secara berlapis dan bertingkat-tingkat merupakan simbol kepada penghormatan. Bumbung yang diletakkan secara berlapis ini juga menghindarkan dewan bangunan daripada panas matahari dan cuaca sejuk. Usia penggunaan reka bentuk bumbung China ini telah mencecah hampir 2000 tahun dan pengaruh tersebut tersebar luas sehingga ke serata negara. Tempoh ini merupakan

²³³Su, Gin-Djih, *Chinese Architecture: Past and Contemporary*, (Hong Kong: Sin Poh Amalgamated, 1908), 38.

²³⁴Boyd, A, *Chinese Architecture and Town Planning*, (London: University of Chicago Press, 1962), 35.

jangka masa yang sangat panjang dan seperti yang diketahui tamadun China adalah di antara tamadun yang tertua dan hebat di dunia.²³⁵

Apabila bumbung berbentuk pramid ini diperkenalkan di alam Melayu, kesemuanya diubahsuai mengikut kesesuaian dan penerimaan masyarakat di alam Melayu dan Melaka khususnya. Bumbung piramid atau bumbung meru digunakan untuk pembinaan masjid ‘*Melakan style*’ dan penggunaan reka bentuk bumbung piramid ini kemudiannya disebarluaskan di kawasan-kawasan yang berdekatan seperti Jepun, Korea dan Taiwan. Oleh itu, jangka masa 2000 tahun merupakan tempoh pengaruh reka bentuk bumbung meru ini diperkenalkan di Kepulauan Melayu dan bumbung ini didatangkan khas dari China terutamanya sewaktu pelayaran Cheng Ho.

b. Mahkota Atap

Hiasan pada puncak bumbung masjid lebih dikenali sebagai makota atap dan pada kebiasaannya mahkota atap diperbuat daripada seramik. Selain diketahui sebagai mahkota atap, ianya juga dikenali dengan mustoka dan puncak. Masyarakat Kelantan memanggilnya sebagai buah buton manakala bagi masyarakat Terengganu ianya dipanggil sebagai buah gutong.²³⁶ Hiasan ini hanya boleh didapati pada masjid Nusantara dan di China sahaja dan juga boleh didapati pada puncak masjid-masjid yang terdapat di Melaka.²³⁷ Asal usul pembuatan mahkota atap ini dikatakan berasal dari wilayah Canton dan Fukien, negara China.²³⁸ Apabila masyarakat Cina berhijrah ke Melaka mereka telah memperkenalkan mahkota atap ini sebagai komponen dalam binaan bangunan dan kemudiannya diserap ke dalam binaan masjid. Komponen ini

²³⁵Zulkifli Hanafi, *Kompedium Sejarah Seni bina Timur*, (Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang, 1985), 112.


²³⁶Tukang-tukang Melayu memanggilnya sebagai buah buton atau gutong kerana bentuknya yang hampir menyerupai spesis buah iaitu putat laut atau secara saintifiknya Barringtonia Asiatica. Sila lihat Mohd Sabrizaa Abd Rashid, “Evolusi Bentuk dan Makna ragam Hias dalam Seni Bina Tradisional Melayu” (UiTM: Perak, t.t), 5.

²³⁷S Vlatseas, *A History of Malaysian Architecture*, 46.

²³⁸ Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, (University of Hong Kong: Hong Kong, 1978), 82.

kemudiannya menjadi salah satu ciri terpenting yang akhirnya dianggap sebagai lambang dan identiti masjid di Melaka.

Gambar 2.2: Lukisan Mahkota Atap Masjid Kampung Keling yang mempunyai lima tingkat lapisan



Sumber: Abdullah bin Mohamed (Nakula)

Pembuatan mahkota atap biasanya dihasilkan dengan menggunakan seramik. Penggunaan seramik pada waktu tersebut dianggap mewah kerana seramik²³⁹ adalah barang yang sangat berharga di samping memiliki daya tarikannya yang menarik.²⁴⁰ Pengaplikasian mahkota atap pada bangunan masjid mampu menzahirkan kemegahan kerana memiliki nilai yang tinggi.²⁴¹ Mahkota atap yang diperbuat daripada seramik ini juga mampu bertahan daripada hawa panas dan air hujan kerana telah mengalami proses pembakaran tinggi.²⁴² Sampai saat ini seramik-seramik pada mahkota atap tersebut

²³⁹Seramik sangat sinonim dengan masyarakat Cina, negara China adalah merupakan pengeluar terbesar seramik di dunia. Perusahaan pembuatan seramik ini telah mula berlaku sejak zaman Neolitik iaitu di lembah sungai Kuning. Perkembangan seni seramik di China bertambah pesat sewaktu zaman Dinasti Tang dan berlaku pengeksportan seramik Cina ini ke negara-negara luar seperti Afrika, Jepun, negara di Timur Tengah dan Asia Tenggara. Seramik Cina ini memberi pengaruh yang sangat besar kepada dunia sehingga pembuatan seramik di Timur Tengah juga dirujuk kepada China. Sila lihat B. Bronson, Chinese and Middle Eastern Trade in Southern Thailand during 9th century AD dlm *Ancient Trades and Cultures Contacts in Southeast Asia*, (Amara Sristuchat, 1996), 181-200.

²⁴⁰Abdul Rochim, *Mesjid dalam Arsitektur Nasional Indonesia*, (Angkasa Bandung: Bandung, 1983), 74. ²⁴¹*Ibid.*, 75-76.

²⁴²Penggunaan mahkota atap ini banyak dipraktikkan pada masjid-masjid lain dirantau ini. Pada peringkat awal mahkota atap ini diperbuat daripada bahan kayu. Namun masjid lama yang boleh dilihat sehingga ke hari ini mempunyai mahkota atap yang diperbuat daripada simen. Oleh sebab mahkota atap ini mempunyai ciri-ciri seni bina Cina, maka boleh dikatakan bahawa golongan Cina muslim ini memainkan peranan penting dalam pembinaan masjid-masjid awal ini. Sila lihat Zhamri Nizar, "Sinkretisme Budaya

masih teguh berada diatas puncak bumbung masjid. Oleh itu penggunaan seramik Cina pada puncak mahkota atap masjid dapat menonjolkan penampilan masjid sebagai bangunan ibadat yang suci dan memiliki daya tarikan yang tersendiri. Keistimewaan mahkota atap ini jelas pada bentuknya yang pelbagai di samping mempunyai erti yang bernilai. Motif yang sering digunakan ialah sulur daun dan kelopak teratai. Bentuk mahkota atap di Melaka juga seperti piramid yang mana ianya bersaiz besar di bahagian bawah dan semakin mengecil di bahagian atas sehingga ke puncaknya. Keistimewaan mahkota atap jelas kelihatan pada coraknya yang menarik serta bahan buatan yang tinggi.

Rekaan mahkota atap pada abad ke 18-19M di Melaka mempunyai keunikan dan gaya rekaanya yang tertentu serta menjadi identiti kepada seni bina tradisional masjid di Melaka. Setiap rekaan mahkota atap ini mempunyai bentuk yang tersendiri antaranya terdapat mahkota atap yang memiliki hiasan setingkat dan ada yang mempunyai sehingga lima tingkat hiasan seperti yang boleh dilihat pada Masjid Kampung Keling. Lapisan pertama bermula daripada tapak mimbar dengan saiz besar dan berakhir dengan saiz yang semakin mengecil pada bahagian atas. Mahkota atap yang terdapat di masjid kajian memperlihatkan kesan bentuk seperti stupa dan dilapisi dengan kelopak bunga teratai mengikut peringkat lapisan.

dalam Seni Bina masjid Terawal di Asia Tenggara," *Jurnal Seni Persembahan*, Pusat kebudayaan Universiti Malaya, Jilid 7, (2007), 108.

Gambar 2.3:Mahkota Atap Masjid Kampung Keling Melaka



c. Sulur Bayur

Pada setiap masjid yang berbumbung meru ini boleh dilihat sulur bayur iaitu hiasan pada hujung bumbung masjid. Menurut Ezrin Arbi masjid-masjid yang kebanyakannya terdapat di Melaka mempunyai corak-corak yang mempunyai ukiran dan hiasan Cina sangat ketara dan boleh dilihat pada hujung-hujung atap dan pada puncak masjid. Hiasan sulur bayur ini juga boleh dilihat pada rumah-rumah ibadat Cina.²⁴³ Hiasan pada hujung perabung atau sulur bayur ini telah bermula sejak dari zaman kerajaan Dinasti Ming dan Qing lagi. Pengaruh penggunaan hiasan pada hujung perabung dibawa oleh masyarakat Cina yang datang dari daerah Guangdong dan Fujian dan hiasan ini mula berkembang dan dihasilkan dalam banyak corak dan bentuk. Antaranya ialah haiwan, burung, bunga, ikan, serangga dan dewa-dewi yang dibuat dengan menggunakan mortar, marmar dan cip porselin.²⁴⁴


Secara keseluruhan reka bentuk dan corak sulur bayur yang terdapat di Selatan China boleh dibahagikan kepada tiga bentuk. Pertama, perabung utama yang berakhir dengan lengkungan. Kedua, perabung utama yang berakhir dengan hiasan geometri.

²⁴³Ezrin Arbi, “Pengaruh Senibina Asing di Malaysia” (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 3.

²⁴⁴So-Mui Ma, In Search of Cultural Identity: *Roof Decorations on Vernacular Architecture in Hong Kong*, (Hong Kong Institute of Education: Hong Kong, t.t), 7.

Kategori ini terhasil daripada garis lurus dan garis melengkung serta terdapat juga bentuk yang terhasil daripada ukiran abstrak geometri dan ada yang direka daripada sumber alam semulajadi. Ketiga adalah perabung yang berakhir dengan patung seramik.²⁴⁵ Kategori ini merangkumi imej manusia, tumbuhan seperti pokok pine dan elemen semulajadi seperti awan, gunung dan laut. Kesemua motif ini mempunyai maknanya yang tersendiri bergantung kepada tafsiran tertentu.²⁴⁶ Di Melaka kebanyakan sulur bayur atau perabung masjid ini berada dalam bentuk kategori satu dan dua. Begitu juga yang terdapat di masjid kajian yang akan penulis bincangkan dalam bab seterusnya.

Gambar 2.4: Sulur bayur berbentuk ekor layang-layang di Masjid Tengkera



d. Menara

Perkataan menara berasal daripada perkataan “nar” yang bermaksud api.²⁴⁷ Suatu ketika dahulu, api dipasang di puncak menara bagi menandakan sudah masuk waktu solat, iftar, imsak dan bagi mengumumkan sesuatu hal mustahak. Menara ditampilkan

²⁴⁵Ibid.

²⁴⁶Jiang Lu, “The Art of Tradition in Northern China” (tesis kedoktoran, United State: Indiana Universiti, 2007), 51.

²⁴⁷Masyarakat Islam dikatakan mengetahui menara sebagai satu bentuk tiang api. Hal ini berlaku sewaktu masyarakat muslim masuk ke Mesir bagi menguasai wilayah di sana. Terdapat bangunan yang berbentuk bulat dan menjulang dan di atasnya terpancar cahaya api yang boleh memberi petunjuk kepada para pelajar. Daripada pemerhatian tersebut telah memberikan mereka ilham untuk membangunkan menara dengan tujuan untuk melaungkan azan sebaik sahaja masuk waktu solat. Sila lihat Achmad Fanani, *Arsitektur Masjid*, (Yogyakarta: Penerbit Bentang, 2009), 101.

mengikut pengaruh tradisi setempat berbeza dengan daerah lain. Setiap daerah atau negara menghasilkan menara dengan kreativiti yang mereka miliki dengan gabungan reka bentuk Islam serta budaya tempatan.²⁴⁸ Menara-menara masjid yang terdapat pada setiap negara dibina secara berbeza mengikut keadaan, iklim dan muka bentuk bumi.²⁴⁹

Kebiasaan menara yang terdapat di Melaka dibina setelah beberapa tempoh pembinaan masjid. Pada peringkat awal masjid-masjid tradisi di Melaka ini hanya menggunakan beduk dan ketuk-ketuk bagi memaklumkan bahawa sudah masuk waktu solat. Selain berfungsi sebagai penanda waktu solat, beduk dan ketuk-ketuk turut digunakan untuk memanggil masyarakat kampung agar berkumpul bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Pada awal abad ke-19M, menara diperkenalkan dan mula dibina pada masjid-masjid tradisi ini berbeza daripada masjid-masjid moden yang ada pada hari ini dibina bersama menara.

Masjid-masjid di Melaka yang mempunyai bumbung berbentuk piramid ini biasanya digabungkan dengan keunikan menara yang menyerupai pagoda.²⁵⁰ Menurut Othman Yatim,²⁵¹ menara yang berbentuk pagoda ini dibina oleh orang-orang Cina yang dibawa khas dari negara China untuk membina masjid di Melaka.²⁵² Ramai yang berpandangan pagoda Cina menjadi inspirasi bagi pembinaan menara masjid di Nusantara termasuklah Melaka.²⁵³ Selain itu, pengaruh penggunaan menara yang

²⁴⁸Ibid., 102.

²⁴⁹Menara masjid di Yaman di bina lebih tinggi memandangkan negara tersebut mempunyai gunung-ganang yang tinggi dan tidak mempunyai kawasan yang rendah, tujuan tersebut adalah untuk memudahkan laungan azan sampai kepada masyarakat tempatan. Sekiranya menara yang dibina lebih rendah, laungan azan tidak akan sampai kerana dihalang oleh gunung-ganang dan bukit-bukau. Sila lihat Othman Mohd Yatim, *Islamic Art*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1995), 28.

²⁵⁰Ezrin Arbi, *Pengaruh Seni bina Asing di Malaysia*, 4.

²⁵¹Merupakan profesor emiritus dari Universiti Malaya. Pakar dalam bidang kesenian Melayu, Islam dan seni bina Islam yang berkaitan dengan masjid dan rumah tradisi Melayu.


²⁵²Othman Mohd Yatim, *Islamic Art*, 29.

²⁵³Bruce Allan, *Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula*, 77.

berbentuk pagoda ini berasal dari zaman Dinasti Tang dan di bawa masuk ke Melaka oleh masyarakat Cina yang menetap di Selatan China.²⁵⁴

Antara contoh yang boleh dilihat ialah menara berbentuk pagoda masjid Tengkera yang mempunyai enam tingkat. Tingkat yang teratas mempunyai ruang yang terbuka atau balkoni yang dilitupi oleh bumbung dengan gaya rekaan China. Keseluruhan menara adalah berbentuk heksagon iaitu segi enam. Setiap tingkat mempunyai hiasan dinding seperti gerbang dan sebuah tingkap kecil tanpa daun tingkap di setiap sisi kecuali di tingkat yang terakhir iaitu tingkat enam. Melihat kepada binaan menara Masjid Kampung Hulu juga mempunyai balkoni berbumbung di bahagian atas menara. Othman Yatim berpandangan tukang-tukang yang terlibat di dalam pembinaan menara masjid ini berada di bawah pemerhatian seorang tukang Cina.²⁵⁵ Sehubungan itu, seni bina Cina dapat dilihat dalam binaan masjid di Melaka abad ke-18M lagi ketika negeri tersebut berada di bawah taklukan Belanda.

Gambar 2.5: Menara Masjid Tengkera



e. Pintu Gerbang

Masjid-masjid di alam Melayu pada peringkat awalnya tidak mempunyai pintu pagar atau pintu gerbang. Penggunaan pintu gerbang pada masjid mula diperkenalkan

²⁵⁴Ibid., 71.

²⁵⁵Othman Mohd Yatim, *Warisan Kesenian dalam Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 42.

sewaktu pemerintahan Belanda pada (1641M-1824M) dan pembinaan pintu gerbang di masjid Melaka adalah merupakan hasil daripada reka bentuk pertukangan dari China. Pintu gerbang masjid di bahagian Melaka Tengah iaitu Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkera dan Masjid Kampung Hulu mempunyai pintu gerbang yang dipengaruhi daripada gerbang Cina. Hal ini berdasarkan kepada gaya reka bentuk dan hiasan pada pagar batu tersebut mempunyai persamaan yang ketara seperti pintu gerbang tokong Cina.²⁵⁶ Selain itu, hiasan yang terdapat di sekitar pintu gerbang ini diperbuat daripada beberapa bahan yang dibawa dari China seperti tembikar Cina.²⁵⁷ Pintu gerbang masjid kajian diukir dengan hiasan yang menarik serta penuh dengan motif-motif flora dan pada setiap pintu gerbang juga biasanya terdapat tarikh binaan masjid berkenaan.

Antara faktor utama masjid-masjid di pagar adalah untuk memelihara keharmonian persekitaran masjid dan batu dipilih bagi digunakan untuk tujuan tersebut. Pintu gerbang juga dihias dengan indah serta penuh dengan unsur keagamaan dan kesenian yang tinggi.²⁵⁸ Satu ciri umum dalam seni bina masjid ialah kawasan sekitar bangunan yang berpagar bagi melindungi kawasan dalam masjid daripada dilihat dari luar. Sehubungan itu, bangunan masjid di kelilingi pagar yang tinggi. Pintu masuknya dipanggil pintu gerbang ini boleh dikatakan sebagai sempadan pemisah di antara kesibukan luar dan suasana tenang di dalam masjid bagi membolehkan pengunjungnya beribadah dengan penuh tenang dan khusyu'.

Pintu gerbang adalah komponen yang penting bagi memelihara kesejahteraan masjid. Hal ini kerana, kawasan masjid yang terlindung dari kawasan luar dapat memberikan ruang privasi para jemaah bagi menunaikan ibadah dan melaksanakan tuntuan Islam yang lain. Selain itu, komponen ini turut berperanan menjaga persekitaran masjid daripada gangguan luar. Kawasan masjid yang terlindung ini akan membuatkan

²⁵⁶Mastor Surat, *Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara*, 189.

²⁵⁷Ezrin Arbi, *Pengaruh Senibina Asing di Malaysia*, 1.

²⁵⁸Abdul Halim Nasir, *Mosque Architecture in the Malay World*, 23.

orang yang berada di kawasan luar menghormati jemaah yang berada di dalam kawasan masjid daripada melakukan sesuatu yang mengganggu ibadah jemaah lain.

Gambar 2.6: Pintu gerbang masjid Tengkera



2.6.2 Komponen Dalaman Masjid Kajian

Bermula abad ke 18M dan 19M, masjid-masjid di Melaka mula memiliki identiti yang tersendiri serta mempunyai ciri-ciri menarik. Antara ciri yang unik yang boleh didapati ialah sebuah ruang solat yang dihiasi dengan empat batang tiang seri. Terdapat dua buah tingkap di bahagian hadapan dewan dan satu tingkap di setiap sisi depan dewan solat. Terdapat hampir empat hingga sembilan buah pintu di bahagian dewan solat dan jumlah pintu adalah bergantung kepada saiz ruang solat. Di bahagian luar iaitu di bahagian pintu utama dan kedua-dua sisi dewan terdapat kawasan yang dipanggil serambi dan tangga.²⁵⁹

Masjid adalah fokus utama dalam seni bina Islam dan ia juga merupakan satu simbol terbaik bagi melambangkan keindahan Islam. Elemen-elemen utama dalam sesebuah masjid adalah terdiri daripada dewan solat, mihrab dan kolam wuduk masjid. Komponen-komponen ini seringkali mengalami perubahan mengikut keadaan seni bina

²⁵⁹Berdasarkan kajian lapangan penulis 10 Januari-14 Januari 2012

semasa dan apa yang lebih utama ialah komponen ini menjadi simbol kepada agama Islam.²⁶⁰

a. Dewan Solat

Dewan solat adalah satu tempat yang mempunyai bumbung serta ruang terbuka dan saiz bumbung bergantung kepada kadar keluasan ruang terbuka itu.²⁶¹ Setiap ruang di dalam masjid mendapat pencahayaan yang mencukupi dan memberi keselesaan kepada setiap individu muslim ketika bersolat di dalam masjid.²⁶² Menurut pemerhatian penulis, masjid di Melaka mempunyai ruang solat yang berbentuk segi empat sama. Terdapat empat tiang utama yang berfungsi sebagai tonggak utama kepada bumbung masjid yang mempunyai tiga lapisan piramid. Kedudukan empat batang tiang ini dikembangkan dan membentuk ruang segi empat tepat dan di setiap pinggir bumbung itu terbentuk pula cucuran atap yang akan memberi panduan bagaimana bentuk denah yang juga bersegi empat tepat atas dasar bentuk bumbung yang disokong oleh empat tiang seri.²⁶³

Secara umumnya ruang dalam masjid akan dihiasi dengan dekorasi yang indah seperti ukiran kaligrafi, khat dan perhiasan ini semestinya akan menampilkan keunikan seni Islam di samping dapat memberikan keharmonian dan perasaan rendah diri ketika melangkah masuk ke dalam masjid.²⁶⁴ Menurut Ezrin Arbi, ruang dalam kebanyakan masjid di Melaka ini dihiasi dengan ukiran-ukiran Cina yang sangat menarik pada ruangan solat dan di bahagian luar masjid.²⁶⁵ Ruang dalam dewan solat masjid-masjid kajian mempunyai ukiran motif yang menarik. Oleh itu, penulis akan membuat kajian

²⁶⁰Ziad Aazam, “The Social Logic of the Mosque: a Study in Building Typology” (makalah, Proceeding 6th International Space Syntax Symposium Istanbul, Peringkat Antarabangsa, 2007), 3.

²⁶¹Manja Mohd Ludin, *Aspek-aspek Kesenian Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995), 128.

²⁶²Othman Mohd Yatim, *Islamic Art*, 25.

²⁶³Abdul Halim Nasir, *Masjid-masjid di Nusantara*, 110.

²⁶⁴Othman Mohd Yatim, *Islamic Art*, 25.

²⁶⁵Ezrin Arbi, *Pengaruh Seni bina Asing di Malaysia*, 2.

yang lebih lanjut mengenai motif-motif serta ukiran yang ada pada masjid-masjid yang terpilih yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Gambar 2.7: Dewan solat Masjid Kampung Keling



b. Mihrab

Mihrab dikenali sebagai dinding kiblat yang didirikan menghala ke arah Makkah dan berfungsi sebagai penanda arah kiblat dalam solat. Mihrab mempunyai fungsi yang sangat besar, apabila seorang imam mengetuai solat jemaah suara imam tersebut akan dipantulkan kerana beliau berdiri menghadap mihrab.²⁶⁶ Oleh itu, jemaah dapat mendengar suara imam dengan jelas serta dapat mengikut pergerakan imam. Namun kini fungsi mihrab tidak diketengahkan lagi kerana sudah terdapat pembesar suara dan mihrab dijadikan hiasan dalaman masjid dengan dekorasi hiasan yang menarik. Kebanyakan mihrab berbentuk separuh bulat yang dibina dalam posisi melengkung ke dalam dinding masjid.²⁶⁷

Sepanjang pemerhatian, penulis mendapati mihrab yang kebiasaan terdapat di masjid-masjid Melaka mempunyai ketinggian enam kaki persegi dan panjang tiga kaki persegi. Para imam tidak mengimamkan solat di dalam mihrab tetapi sekadar berdiri menghadapnya. Mihrab masjid Melaka berupa anjung yang terkeluar sedikit pada bahagian dinding yang menghadap kiblat. Bentuk mihrab ini dapat melantunkan suara

²⁶⁶Othman Mohd Yatim, *Islamic Art*, 23.

²⁶⁷Moya Carey, *The Completed Illustrated Guide To Islamic Art and Architecture*, 20.

imam dengan lebih kuat supaya para jemaah dapat mendengar suara imam dengan lebih jelas kerana dahulu tidak terdapat pembesar suara.²⁶⁸ Masa berlalu telah membawa bersama perubahan dalam seni bina dan reka bentuk masjid di Malaysia, mihrab yang terdapat di dalam masjid-masjid moden di Malaysia kini yang mempunyai saiz mihrab yang besar serta dapat memuatkan imam.

Gambar 2.8: Mihrab masjid Tengkera



c. Mimbar

Mimbar adalah merupakan tempat naik bagi seorang imam untuk membacakan khutbah. Ia dinamakan sebagai mimbar kerana ketinggian komponen ini yang perlu dicapai dengan mendaki tangga. Mimbar sentiasa diletakkan di sebelah kanan mihrab dan mempunyai anak tangga untuk naik ke atas platform kecil yang mempunyai bumbung yang dihias dengan ukiran menarik.²⁶⁹ Daripada sudut falsafahnya mimbar dikatakan simbol kepada komunikasi syurga.²⁷⁰ Mimbar masjid di Melaka mempunyai corak, warna dan reka bentuk yang unik. Dekorasi yang digunakan bagi menghias mimbar sangat berbeza daripada mimbar-mimbar yang kebiasaan boleh dilihat. Menurut

²⁶⁸Jalid bin Hussin, “Masjid-masjid Tradisional Melaka Pengaruh dan Nilai Seni Binanya” (tesis sarjana, Shah Alam: Uitm, 1984), 12.

²⁶⁹Mimbar mula digunakan oleh Rasulullah s.a.w dan sebuah mimbar kayu pernah dibuat untuk Rasulullah s.a.w antara tahun keenam hingga kesembilan Hijrah yang diletakkan di Masjid Nabawi. Mimbar kebiasaanya agak tinggi sedikit daripada paras lantai masjid. Pada asalnya ianya adalah merupakan serambi pada dinding dan mempunyai kedudukan yang agak tinggi. Sila lihat Abdul Rochym, *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan*, (Bandung: Angkasa Bandung, 1983), 28.

²⁷⁰Manja Ludin, *Aspek-aspek Kesenian Islam*, 55.

seorang penduduk Melaka iaitu Louis Lim,²⁷¹ mimbar Masjid Kampung Keling, Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengkera mempunyai bentuk dan hiasan seperti tandu peranakan Cina yang disebut sebagai Kiong Teng. Tandu tersebut digunakan bagi membawa pasangan pengantin berarak ke seluruh kawasan Melaka bagi meraikan kedua-dua mempelai.²⁷² Menurut Ezrin Arbi, mimbar di ketiga buah masjid kajian ini dilihat mempunyai persamaan dengan perabot-perabot Cina berdasarkan kepada persamaan daripada sudut ukiran dan hiasan pada mimbar dan perabot Cina ini.²⁷³ Kajian lapangan penulis ke rumah kediaman masyarakat Cina dan Cina peranakan ini mengesahkan kenyataan beliau kerana hampir kebanyakan ukiran dan hiasan yang terdapat di perabot Cina ini mempunyai persamaan dengan mimbar di ketiga masjid ini. Bahkan gabungan di antara motif-motif yang terdiri daripada bunga, haiwan, buahan, fenomena, geometri dan kosmos juga dilihat memiliki persamaan.

Penglibatan sebilangan keturunan Cina dalam proses pembinaan masjid agak ketara dan kesan yang nyata boleh dilihat pada ukiran-ukiran kayu pada mimbar masjid dan hiasan pada dinding. Berdasarkan tinjauan lapangan, mimbar-mimbar masjid di Melaka mempunyai ukiran dan hiasan yang sangat menarik. Keunikan yang ada pada mimbar-mimbar ini tidak terdapat pada mimbar-mimbar lain di Malaysia. Sepanjang pemerhatian, mimbar masjid-masjid kajian ini mempunyai ukiran Cina yang lebih banyak berbanding komponen-komponen masjid yang lain. Mimbar ketiga-tiga masjid kajian ini sememangnya di bina mengikut bentuk seni bina Cina termasuklah ukiran dan motif Cina. Ia juga disadur dengan warna yang menarik dan memberi pengertian besar bagi masyarakat Cina seperti emas, merah, coklat dan hijau. Penyumbang kepada pembinaan mimbar ini adalah merupakan usaha golongan pedagang Cina muslim


²⁷¹Louis Lim (Penduduk Cina di Melaka berketurunan Baba dan Nyonya) dalam temubual bersama penulis, 5 Januari 2012

²⁷²“Penulis tidak diketahui,” *Baba and Nyonya Heritage at The Muzium Negara*, (Museum Department: Kuala Lumpur, 1986), 25.

²⁷³Ezrin Arbi, “Pengaruh Senibina Asing di Malaysia” (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 1.

bermazhab hanafi membina mimbar ini berdasarkan reka bentuk Cina sebagai usaha untuk mengekalkan ciri-ciri budaya China ketika berada di dalam masjid.²⁷⁴

Rajah 2.5: Kiong Teng atau Kerusi Usung Pengantin Cina Peranakan dan Mimbar Masjid Tengkera



Sumber: Baba and Nyonya Heritage at the Muzium Negara

Kedua-dua imej di atas mempunyai persamaan iaitu mahkota atap, sulur bayur dan dihiasi dengan gaya ukiran yang menarik dan hampir serupa. Warna-warna yang digunakan juga amat berperanan bagi menonjolkan keunikan mimbar ketiga-tiga masjid ini sekaligus memberi makna yang mendalam disebalik warna itu.²⁷⁵ Di antara warna yang digunakan pada mimbar-mimbar ini ialah merah, emas, coklat dan hijau.²⁷⁶


²⁷⁴Zakaria Ali, *Malaysian Art Selected Essay*, (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010), 11.

²⁷⁵Warna sangat memainkan peranan yang besar dalam pertukangan Cina. Setiap warna juga mengandungi makna dan simbolnya yang tersendiri. Hal ini kerana warna mewakili lima simbol utama dan masing-masing mempunyai maksud dan maknanya yang tertentu. Pemilihan warna juga mempunyai beberapa perturan yang tertentu yang mana pemberian warna adalah bergantung kepada tahap ketinggian sosial sebuah masyarakat. Sila lihat Rini Trisulowati dan Imam Santoso, *Pengaruh Religi Terhadap Perkembangan Arsitektur: India, Cina dan Jepang*, (Graha Ilmu: Yogyakarta, 2008), 38.

²⁷⁶Warna hijau adalah simbol daripada unsur kayu (mu) yang membawa erti panjang umur, pertumbuhan dan keabadian. Warna kuning pula membawa simbol daripada unsur tanah (tu) yang melambangkan kekuatan dan kekuasaan. Emas mewakili kekayaan dan kesempurnaan manakala warna merah melambangkan kebahagiaan, sambutan, tuah baik, harta dan mekar. Warna merah adalah merupakan simbol daripada unsur api (huo) yang membawa erti kegembiraan, harapan, keuntungan dan kebahagiaan. Warna coklat mewakili warna tanah. Warna dan simbol-simbol ini jelas menunjukkan tentang pengertian dan erti kehidupan bermasyarakat untuk menuju kebahagiaan, kemakmuran dan keselamatan dalam

Bangunan rumah ibadat Cina seringkali dicat dengan warna yang menarik dan setiap warna ini mempunyai makna yang mewakili identiti masyarakat Cina. Mimbar-mimbar masjid kajian ini juga telah mencecah usia satu abad.²⁷⁷

Rajah 2.6: Komponen Mimbar Masjid di Melaka



Sumber: Hasil lukisan Nur Dalilah Dahlan Pelajar Jabatan Seni Bina, Universiti Malaya

1. Mahkota atap
2. Kepala Som
3. Ekor som
4. Gunungan
5. Tiang Gunungan
6. Hiasan cucur atap
7. Unsur pengimbang
8. Anak Tangga
9. Awan larat

kehidupan di dunia. Sila lihat Moedjiono, "Ragam Hias Dan Warna Sebagai Simbol Dalam Arsitektur Cina," Universitas Diponegoro Semarang: Semarang MODUL Vol.11 No. (1 Januari 2011), 22.

²⁷⁷Encik Abdul Rahman Hadi (Pegawai Perbadanan Muzium negeri Melaka) dalam temubual dengan penulis, 10 Januari 2012

10. Hiasan pada tapak mimbar
11. Bahagian mimbar yang dilebihkan
12. Kekasu

Lukisan pada rajah 2.6 merupakan reka bentuk mimbar masjid yang terdapat di Melaka. Bahagian yang dilabelkan adalah komponen-komponen yang menjadi ciri hiasan utama pada mimbar masjid di negeri ini.

d. Serambi


Serambi masjid boleh dilihat pada kedua-dua belah sisi masjid. Serambi pada masjid tradisi pada kebiasaannya tidak terdapat dinding pada bahagian luarnya. Terdapat pembinaan serambi yang mana pembinaannya adalah dengan cara mengelilingi ruang solat sebuah masjid. Sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka, serambi digunakan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan pengajian agama. Serambi juga digunakan bagi menampung jemaah yang terlalu ramai untuk menunaikan solat Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban dan berfungsi sebagai tempat untuk membayar zakat fitrah serta dijadikan ruang untuk menjalani upacara nikah.²⁷⁸

Berdasarkan kajian lapangan, masjid-masjid di Melaka menjadikan serambi masjid sebagai ruang solat wanita kerana ruang dewan solat utama mempunyai ruang yang kecil dan hanya mampu memuatkan jemaah lelaki sahaja. Apabila bulan Ramadhan menjelma solat tarawikh akan berlangsung bukan sahaja di dalam dewan solat bahkan sehingga ke bahagian serambi. Selain itu, majlis berbuka puasa juga turut di lakukan di bahagian serambi masjid. Bahagian serambi juga digunakan sebagai tempat untuk berbincang, tempat berehat, tempat menjamu selera apabila ada majlis

²⁷⁸Abdul Halim Nasir, *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*, (UKM: Bangi, 1995), 168.

kenduri dan juga digunakan sebagai ruangan tambahan untuk melakukan aktiviti ibadah sekiranya jumlah jemaah melebihi bilangan.²⁷⁹

Gambar 2.9: Serambi Masjid Kampung Keling



e. Kolam Wuduk

Kolam wuduk bersaiz besar dan berbentuk segi empat tepat pula ditempatkan di bahagian luar dewan solat berhampiran dengan serambi. Biasanya kolam wuduk disambungkan ke dewan solat dengan satu laluan khas. Terdapat kolam wuduk yang mempunyai tangga simen disekelilingnya dan dihiasi dengan jubin seramik.²⁸⁰ Kolam wuduk ini berfungsi sebagai tempat untuk mengambil wuduk oleh para jemaah yang datang bersolat di masjid. Kolam wuduk masjid-masjid di Melaka kebanyakannya berbentuk segi empat tepat. Sebelum kolam wuduk dibina, masyarakat Islam menggunakan perigi sebagai sumber air untuk mengambil wuduk. Walau bagaimapun kolam wuduk masjid kajian lebih menarik dengan hiasan dan ukiran jubin pelbagai berbanding dengan kolam wuduk masjid-masjid lain yang pernah penulis kunjungi

²⁷⁹Encik Abdul Rahman Hadi (Pegawai Perbadanan Muzium negeri Melaka) dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2012

²⁸⁰Kajian lapangan penulis pada 10-16 Januari 2012

Gambar 2.10: Kolam Wuduk Masjid Kampung Keling



2.7 Motif Dan Ornamentasi Dalam Islam

Motif dan ornamentasi adalah sesuatu yang berkait rapat dan menjadi sebahagian daripada hiasan pada masjid. Keunikan reka bentuk dan hiasan mengikut seni bina Islam menerima kesan daripada beberapa pengaruh seperti agama, amalan budaya tradisi daripada masyarakat Islam berbilang bangsa dan juga terhasil daripada kepekaaan dan kepakaran seorang tukang itu sendiri.²⁸¹ Proses kemasukan motif dan hiasan dalam masjid dilihat berlaku secara berperingkat. Pada peringkat awal pembangunan masjid sewaktu zaman nabi adalah secara sederhana iaitu dengan menggunakan bata, tanah liat dan batang pokok kurma sebagai tiang masjid. Manakala bahagian bumbung hanya dilitupi dengan daun kurma. Saidina Abu bakar tidak melakukan sebarang perubahan terhadap bangunan masjid selepas kewafatan nabi. Binaan masjid Nabawi dikekalkan seperti mana yang ditinggalkan oleh nabi. Apabila Saidina Umar mengambil alih jawatan khalifah, beliau membuat sedikit perubahan yang mana bahagian dinding ditambah dengan bata manakala bahagian bumbung digantikan dengan pelepas pokok kurma.

²⁸¹ Abd Rahman Hamzah, *Islamic Inscription In Mosque: The Forms And Meaning*, (Skudai: UTM, 2011), 11.

Zaman Saidina Usman memperlihatkan sesuatu perubahan daripada aspek pembesaran ruang solat yang mana bahagian dinding digantikan dengan batu yang diukir. Kebanyakan para sahabat tidak membenarkan hiasan yang keterlaluan di dalam masjid kerana beranggapan ianya bertentangan dengan apa yang telah nabi tinggalkan. Motif dan ornamentasi Islam mengalami perubahan besar sewaktu zaman Walid bin Abdul Malik bin Marwan iaitu pemerintah daripada zaman Umayyah. Pada ketika ini, bangunan masjid dihias dengan penuh kemewahan dan keunikan. Perubahan yang berlaku secara berperingkat ini adalah sebuah proses ke arah kemajuan, penambahbaikan mutu dan penyempurnaan suatu kesenian.²⁸²

Sejarah seni bina dalam Islam sangat luas kerana ianya merangkumi aspek kebudayaan dan sebuah bangsa yang beragama Islam dari seluruh dunia. Perkembangan motif dan ornamentasi Islam juga berlaku mengikut perkembangan kesenian di suatu kawasan dan budaya masyarakat setempat yang akhirnya disesuaikan mengikut kehendak syara' sekaligus memberikan panduan kepada seni menghias bangunan termasuklah masjid.²⁸³ Menurut al-Faruqi, asas utama kesenian Islam adalah tauhid yang mana asas kepada corak dan hiasan yang diperkenalkan bertujuan membantu individu untuk khusyuk dalam ibadah dan mengingati Allah.²⁸⁴ Penghasilan suatu motif dan ornamentasi juga perlu selaras dengan kehendak alam yang mana ianya tidak boleh bertentangan dengan persekitaran. Keadaan ini termasuklah dalam proses pemilihan bahan, jenis hiasan dan warna yang digunakan dalam sebuah proses pembentukan sebuah hiasan.²⁸⁵

²⁸²Mufti Zafeer Uddin Miftahi, *Mosque in Islam*, (Kuala Lumpur: Qazi Publisher, 1997), 96. Lihat juga Martin Frishman, "Islam And The Form Of The Mosque" dlm *The Mosque*, ed. Martin Frishman dan Hasan-Uddin Khan, London: Thames & Hudson, 1994), 30-32.

²⁸³R.Othman dan Z.J. Zainal Abidin, "The Importance Of Islamic Art In Mosque Interior," (prosiding, Procedia Engineering, The 2nd International Building Control Conference 2011), 106.

²⁸⁴Al-Farouqi Ismail and Lois Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, (New York: Mcmillan Publishing Company, 1986), 401.

²⁸⁵Dr. Abdullah Yusof (pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya) dalam temubual bersama penulis, 29 Ogos 2013

Motif dan ornamentasi Islam bukan sekadar hiasan tetapi dapat memberikan kesan kepada seorang individu muslim terutamanya untuk merasai kewujudan dan kebesaran Allah s.w.t sekaligus dapat menghubungkan seseorang itu dengan pencipta.²⁸⁶ Keindahan yang menjadi fitrah manusia sering menjadi penghubung antara manusia dan pencipta kerana keindahan dapat mewujudkan kemesraan, taat dan perasaan tawaduk kepada Allah s.w.t.²⁸⁷ Ruang solat merupakan lokasi yang banyak memberi kesan kepada seorang yang berada di dalam masjid. Oleh itu, ruang ini akan dihias bagi meningkatkan perasaan takut dan taat kepada Allah s.w.t. Keindahan kesenian Islam yang ditonjolkan melalui keunikan motif dan ornamentasi ini dilihat mampu menzahirkan keimanan dan ketaatan kepada Allah s.w.t.²⁸⁸

Selain itu, nilai estetika adalah unsur terpenting yang perlu diberi perhatian dalam proses menghias masjid kerana ruangan masjid wajar ditonjolkan dengan nilai-nilai suci bagi menarik masyarakat Islam untuk hadir dan solat di dalam masjid kerana sifat azali manusia sememangnya gemar kepada keindahan dan kecantikan. Tujuan estetik dalam Islam seni Islam sememangnya untuk menarik perhatian seorang individu itu ke arah tauhid dan pencipta.²⁸⁹ Nilai estetika Islam dapat dilihat pada perkadaran bangunan itu sendiri, susunan ruang, penghasilan kontur yang diperolehi daripada bentuk kubah yang dihiasi dengan pelbagai dekorasi menarik termasuklah kepelbagai bentuk bangunan dengan binaan melengkung dan tingkap-tingkap yang bersesuaian mengikut perkembangan masa.²⁹⁰

²⁸⁶R.Othman dan Z.J. Zainal Abidin, “The Importance Of Islamic Art In Mosque Interior,” 107.

²⁸⁷Dr. Abdullah Yusof (pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya) dalam temubual bersama penulis, 29 Ogos 2013

²⁸⁸Norhayati Kassim, Norra’ shikin Abdullah dan Zafrullah Mohd Taib, “Decoration in Praying Hall of Mosque: A Review of Current Literature,” (prosiding, AMER International Conference on Quality of Life, 4-5 Januari 2014), 57.

²⁸⁹Al-Farouqi Ismail and Lois Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, (New York: Mcmillan Publishing Company, 1986), 402.

²⁹⁰Hamdan Arifin, “Penggunaan Dekorasi Senibina Islam Dalam Senibina Masjid di Malaysia,” (Shah Alam: UiTM, 1992), 17.

Penggunaan bahan-bahan sebagai unsur hiasan merupakan elemen penting kerana kesenian Islam dilihat sebagai sesuatu yang suci, mulia dan berbentuk kerohanian.²⁹¹ Hiasan yang terdiri daripada ukiran, lukisan dan tulisan ini merupakan pengaplikasiaan terakhir selepas sebuah masjid itu selesai pembinaannya dan hiasan yang dipraktikkan ini merupakan penentu kepada nilai dan mutu bangunan tersebut. Pembangunan masjid didirikan dengan binaan yang cantik dan menarik dengan pilihan warna yang pelbagai serta dihias dengan hiasan yang terdiri daripada tulisan kaligrafi, seni ukir, arabes, geometri, jubin seramik dan lampu-lampu gantung yang mempunyai pelbagai bentuk.²⁹²

Apabila sebuah bangunan masjid itu dihias dengan ukiran dan perhiasan yang menarik, ianya akan menonjolkan keindahan yang terdapat pada monumen tersebut. Setiap daripada komponen yang terdapat di dalam masjid tidak terlepas daripada dihias dan diberi sentuhan dengan ukiran yang pelbagai termasuklah tiang-tiang masjid. Secara kebiasaannya komponen-komponen masjid akan dihias dan diukir dengan hiasan yang unik bagi menonjolkan keistimewaan pada komponen tersebut. Setiap daripada ukiran yang dipraktikkan pada komponen ini adalah mengikut kesesuaian yang dianjurkan dalam Islam dan setiap motif dan ornamnetasi yang diaplikasikan dalam kesenian Islam perlu merangkumi empat perkara utama yang terdiri daripada tauhid, material bahan yang digunakan, struktur motif dan dihiasi keindahan.²⁹³

Motif yang menyerupai manusia, haiwan dan makhluk bernyawa adalah dilarang sama sekali melainkan motif yang berunsurkan tumbuhan.²⁹⁴ Terdapat tambahan ornamen yang pelbagai dan menarik untuk menghiasi masjid. Motif yang digalakkan adalah seperti ukiran daripada hiasan tumbuhan yang dibentuk secara melingkar

²⁹¹Al-Farouqi Ismail and Lois Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, 401.

²⁹²Hamdan Arifin, “Penggunaan Dekorasi Senibina Islam Dalam Senibina Masjid di Malaysia,” 95-96.

²⁹³Al-Farouqi Ismail and Lois Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, 429.

²⁹⁴Robert Irwin, *Islamic Art*, (London: Lawrence King, 1997), 61.

mengikut pola ornamen yang dikenali sebagai arabes.²⁹⁵ Selain itu terdapat hiasan daripada corak geometri dan corak daripada tumbuhan seperti daun dan bunga. Tulisan kaligrafi juga merupakan salah satu hiasan utama yang wajib diaplikasikan sebagai ornamen dalam masjid. Gaya dan ornamentasi ini kemudiannya berkembang dengan pesat dan diterapkan sebagai unsur hiasan utama untuk memperindahkan masjid.²⁹⁶

2.7.1 Motif Kaligrafi Islam

Kaligrafi dianggap sebagai kesenian yang sangat unik kerana mempunyai peranan tersendiri dalam menghubungkan fungsi kaligrafi dengan reka bentuk dan seni bina Islam. Tulisan kaligrafi berkembang bermula dengan tulisan tangan sehingga terhasil tulisan menarik dengan bentuk tertentu. Tulisan ini juga sangat mudah menyerap dan bersatu dengan hampir kesemua hiasan-hiasan yang terdapat pada objek dan struktur bangunan.²⁹⁷ Adakalanya tulisan kaligrafi sukar untuk dilihat dan dibaca tulisannya kerana diaplikasikan pada bahagian yang sarat dengan hiasan lain seperti geometri dan ukiran-ukiran yang terdiri daripada motif-motif flora.²⁹⁸ Tulisan kaligrafi kebiasaannya diambil daripada petikan dalam al-quran karim selain terdapat beberapa petikan hadis yang digunakan sebagai hiasan kaligrafi di dalam masjid. Kedudukan tulisan yang dipetik juga ditempatkan pada lokasi yang sesuai dengan maskud ayat tersebut.²⁹⁹

Tujuan utama tulisan kaligrafi ini adalah untuk memberi mesej berkenaan sesuatu perkara di samping memberikan kekhusukan dalam solat kepada seorang muslim. Walaupun ianya dilihat sebagai suatu hiasan tetapi sebenarnya fungsi kaligrafi ini sangat besar kepada tetamu dalam masjid kerana tulisan daripada ayat-ayat suci al-

²⁹⁵Merupakan motif artistik berdasarkan penerapan ke atas pengulangan corak-corak daripada bentuk geometri.

²⁹⁶Abdul Rochym, *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan*, (Bandung: Angkasa Bandug, 1983), 53.

²⁹⁷Abd Rahman Hamzah, *Islamic Inscription In Mosque: The Forms And Meaning*, 11.

²⁹⁸Erszabet Rosza, "Symmetry in Muslim Arts," *Journal of Comp and Math*, Vol 12B, (1986), 732.

²⁹⁹Wheeler M. Thackston, "The role of Calligraphy" dlm *The Mosque*, ed. Martin Frishman dan Hasan-Uddin Khan, London: Thames & Hudson, 1994), 44.

quran ini dapat memberikan perasaan rendah diri sewaktu berada di dalam rumah Allah.³⁰⁰ Kedudukan kaligrafi dilihat sangat penting memandangkan ianya berkait dengan falsafah agama dan memberi cerminan kepada kehidupan umat Islam termasuklah bangunan secara amnya dan masjid secara khasnya.³⁰¹

Menurut Al-Farouqi pengaruh kaligrafi al-quran merupakan suatu reka bentuk seni yang amat penting dalam kebudayaan Islam.³⁰² Ianya memberi kesan dan menjadi kepentingan bagi seluruh masyarakat Islam dari serata dunia, dalam setiap abad sejarah Islam dan pada setiap jenis kesenian Islam. Dalam kesenian Islam, kaligrafi menjadi satu cabang seni yang meluas, penting dan disanjung oleh umat Islam. Kaligrafi menjadi suatu ornamen penting yang boleh dilihat pada bahagian komponen dalam dan luar masjid dan menjadi sebahagian besar hiasan yang boleh didapati dalam masjid-masjid moden pada hari ini.³⁰³ Tulisan kaligrafi ini berkembang dengan cepat kerana tulisan khat ini bersifat fleksibel, berirama dan mudah dilentur serta dikembangkan kepada pelbagai bentuk. Setiap daripada huruf ini memiliki nilai keindahan dan gaya estetika tersendiri. Tulisan kaligrafi ini diaplikasikan dengan pelbagai cara antaranya ditampilkan dengan bentuk nipis, tebal dan renggang. Selain itu, tulisan ini boleh didapati melalui tiga dimensi iaitu arabes, ukiran pada kayu serta batu dan hiasan tulisan pada plaster simen.³⁰⁴ Terdapat enam tulisan khat yang sering digunakan sebagai asas kepada pembentukan tulisan kaligrafi iaitu Kufi, Tulus, Nasakh, Farisi, Riq'ah, Diwani, Diwani Jali dan Raihani.³⁰⁵ Kebanyakan masjid di Malaysia pasti terdapat penggunaan

³⁰⁰Ibid., 44.

³⁰¹Abd Rahman Hamzah, *Islamic Inscription in Mosque: The Forms and Meanings*, (Skudai: UTM), 1.

³⁰²Al-Farouqi Ismail and Lois Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, (New York: Mcmillan Publishing Company, 1986), 391.

³⁰³Ibid., 2.

³⁰⁴R.Othman dan Z.J. Zainal Abidin, "The Importance Of Islamic Art In Mosque Interior," (Prosiding, Procedia Engineering, The 2nd International Building Control Conference 2011), 107.

³⁰⁵Khat kufi berbentuk segi dan mula digunakan secara meluas pada zaman Khalifah Ali bin Abu Talib. Khat ini diukir secara timbul dan digunakan secara meluas pada bangunan masjid, kubah, menara dan pusat-pusat pentadbiran. Khat thulus digunakan untuk menulis al-quran, buku dan kitab-kitab. Khat nasakh mempunyai kaedah penulisannya yang tersendiri iaitu berbentuk panjang, lebar dan mempunyai jarak daripada satu huruf ke huruf yang lain. Selain itu khat ini memiliki gaya dan irama yang terperinci. Gaya khat ini adalah yang paling mudah dibaca dan sering digunakan sebagai tulisan pada kitab-kitab

tulisan kaligrafi sebagai hiasan utama dalam memperindahkan persekitaran masjid terutamanya ruang solat. Bahkan masjid-masjid tertua di Melaka juga menggunakan kaligrafi dalam tulisan jawi untuk menyampaikan maklumat tentang sejarah masjid serta pengasasnya yang kebiasaannya diukir di pintu gerbang atau pintu masuk masjid. Selain itu, tulisan ayat-ayat al-quran diukir pada bahagian dinding, kayu, batu dan ditempatkan dilokasi yang mudah dilihat tetamu masjid.

2.7.2 Motif Geometri

Motif geometri dengan pelbagai bentuk dan tema telah digunakan sebagai hiasan sejak berabad lamanya. Geometri merupakan elemen utama dalam proses perkembangan seni Islam. Setiap daripada penggunaan suatu motif geometri itu dilihat mempunyai makna tersendiri yang merangkumi simbol kepada penyatuan umat Islam.³⁰⁶ Motif geometri merupakan satu ciri-ciri terpenting dalam perkembangan kesenian Islam di seluruh dunia tetapi disampaikan dengan cara berbeza seperti ukiran geometri pada kayu, logam, seramik, tekstil dan pada bangunan-bangunan seperti masjid. Bentuk geometri merangkumi titik, garis, sudut, lingkaran dan garis geometri memainkan peranan yang sangat besar dalam kesenian Islam kerana dalam perkembangan peradaban Islam motif-motif yang berunsurkan geometri boleh ditemui dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Motif geometri juga terasas daripada segi empat, segi tiga sama sisi, heksagon, oktagon, heptagon dan nonagon. Berdasarkan kepada asas-asas ini maka

ilmiah. Khat farisi ini dikembangkan oleh ahli-ahli khat Arab di Parsi sehingga berjaya melahirkan gaya tersendiri dengan bentuk hurufnya yang sedikit condong ke arah kanan. Khat riq'ah turut dikenali sebagai khat Riq'I dan merupakan khat yang paling mudah ditulis dan cepat. Kebiasaannya khat ini digunakan oleh pelajar-pelajar yang mencatat ilmu daripada guru mereka. Khat diwani ini berasal dan berkembang daripada tulisan Riq'ah menjadi tulisan Musalsal yang mana huruf-huruf ini terjalin di antara satu sama lain. Fungsi khat ini juga sering digunakan sebagai hiasan. Terdapat juga khat Diwani Jali yang mempunyai pelbagai bentuk dan penulisannya juga agak rumit tetapi hasilnya sangat indah dan estetik. Tulisan khat ini sering dibentuk menjadi bentuk yang menarik seperti perahu, ikan, burung dan sebagainya. Khat raihani mempunyai sedikit persamaan dengan khat Thulus tetapi yang membezakan kedua-dua khat ini adalah bentuk yang agak lebar, panjang dan ditambah dengan tanda-tanda syakal pada khat Raihani. Lihat Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi, *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 5-13.

³⁰⁶Loai M. Dabbour, "Geometric Proportion: The Underlying Structure of Design Process for Islamic Geometric Patterns" *Frontier of Architecture Research*, 380, 391 (2012), 381.

terbentuklah beberapa ciri yang diperluaskan lagi fungsi geometri ini seperti geometri dalam bentuk tumbuhan yang ditampilkan dalam bentuk tunggal atau kombinasi dengan gambar rajah.

Dalam kesenian Islam, gabungan aspek geometri dilihat sangat sinonim dengan pembangunan masjid kerana bentuknya yang fleksibel dan boleh diubah mengikut kesesuaian hiasan yang seiring dengan perkembangan masjid dan penerimaan Islam. Pengaplikasian motif yang berunsurkan geometri ini mempunyai nilai estetika yang tinggi dan mempunyai makna daripada aspek keagamaan. Corak geometri Islam ini biasanya berbentuk pengulangan seperti corak bulatan yang diulangi bulatannya sehingga terhasil satu komposisi yang menarik melalui pengulangan corak yang dilakukan.³⁰⁷ Begitu juga dengan bentuk-bentuk lain seperti bulatan, segi tiga, segi empat, bintang dan heksagon yang diulang ukir bentuknya sehingga menjadi hiasan yang diinginkan.³⁰⁸ Penggunaan motif geometri Islam dilihat memberikan kesan besar dalam pembinaan masjid di Malaysia terutamanya masjid yang dibangunkan selepas kemerdekaan. Masjid-masjid tertua turut dimasukan motif geometri Islam tetapi motif ini diperkenalkan ke dalam masjid tertua di Melaka sebagai hiasan sekitar abad ke-21. Sebelum motif-motif Islam diperkenalkan masjid-masjid ini dipengaruhi hiasan daripada Belanda, China dan Inggeris.

2.7.3 Motif Tumbuhan

Tumbuhan merupakan ornamen terpenting dalam pembentukan kesenian Islam kerana para seniman menjadikannya sebagai rujukan dalam menghasilkan karya yang tidak menyalahi landasan Islam. Dari masa ke masa kesenian Islam berkembang pesat dan kesannya boleh dilihat pada penggunaan bunga-bunga yang menarik sebagai hiasan

³⁰⁷Mohammad al-Asad, “Application of Geometry” dlm *The Mosque*, ed. Martin Frishman dan Hasan-Uddin Khan, London: Thames & Hudson, 1994), 55.

³⁰⁸Abdel Wadood. M, Panayotidi. M, “The Floral and Geometrical Element on the Ottoman Architecture in Rhodes Island,” *Egyptian Journal Archaeological and Restoration Studies*, vol. 4, issue 2, (2014), 7.

dan digunakan di dalam masjid. Penggunaan motif tumbuhan yang diaplikasikan kepada kesenian ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk yang menarik dan perkembangan tersebut sentiasa berubah mengikut keadaan semasa. Penggunaan motif tumbuhan ini boleh dilihat di bahagian komponen masjid seperti mimbar, mihrab, pintu masuk masjid, tiang, siling dan jubin. Antara tumbuhan yang dijadikan asas dalam kesenian Islam ialah pokok pine, thiasan bunga dalam pasuulip, mawar.³⁰⁹

Kelopak bunga mawar merupakan elemen penting dalam kesenian Islam. Menurut falsafah Islam, mawar merupakan simbol kepada keagungan. Penggunaan bunga ini sebagai motif merupakan pengaruh daripada kesenian Cina yang kemudiannya diserap sebagai seni Islam dan banyak diaplikasikan pada masjid yang terdapat di timur tengah. Bunga teluki adalah antara bunga yang banyak dijadikan simbol hiasan dalam masjid. Bunga ini tumbuh di Turki yang dibawa dari China dan diserap sebagai satu bentuk kesenian dalam Islam. Motif bunga ini banyak diaplikasikan pada bahagian komponen utama masjid iaitu mimbar dan siling masjid. Bunga tulip juga merupakan motif yang terpenting dalam kesenian Islam kerana mempunyai bentuk yang menepati estetika selain dianggap sebagai simbol kepada kebesaran. Pasu bunga dengan bentuk berbeza seperti pasu berbentuk buah akan diisi dengan bunga yang pelbagai jenis sering menjadi ornamen utama di dalam masjid terutamanya masjid-masjid yang terdapat di negara arab. Biasanya motif bunga dalam pasu ini boleh didapati di bahagian mimbar, pintu masuk dan mihrab masjid.³¹⁰

2.7.4 Arabes

Asas arabes adalah bermula dengan titik geometri yang akhirnya dikembangkan menjadi motif yang menarik. Tema arabes biasanya terdiri daripada tumbuhan yang berkembang bentuknya kepada lingkaran, lengkungan dan meliuk. Arabes diberikan

³⁰⁹Ibid., 3.

³¹⁰Ibid., 4.

sentuhan berbeza dengan beberapa perubahan yang dilakukan secara terjalin dan berselirat pada bahagian daun dan bunga yang dipanjangkan secara bersilih ganti bagi memperlihatkan perbezaan daripada bentuk tumbuhan yang asal.³¹¹ Motif Arabes tidak mempunyai permukaan, pertengahan, kemuncak dan pengakhiran. Adakalanya ukiran arabes akan disertai bersama ukiran kaligrafi yang seringkali boleh dilihat sebagai hiasan utama di dalam masjid. Kebiasaannya penggunaan motif arabes sebagai hiasan boleh didapati pada puncak tiang, mimbar, mihrab, jubin, seramik dan sudut-sudut dinding.³¹² Motif yang berunsurkan tumbuhan telah digunakan dalam kesenian Islam sejak agama ini mula menerima unsur hiasan di dalam masjid bahkan telah memberikan kesan yang besar dalam perkembangan seni bina dan kesenian Islam di seluruh dunia. Diantara motif tumbuhan yang digunakan sejak daripada abad ke-8 ialah hiasan abstrak daun Achantus, lilitan batang pokok anggur dan bunga ros. Motif tumbuhan ini kemudiannya dikembangkan fungsinya kepada hiasan berunsurkan arabes.³¹³

2.7.5 Simbol Bintang dan Bulan Sabit

Lambang bulan sabit merupakan simbol terpenting dalam kesenian Islam. Simbol ini boleh didapati di bahagian puncak kubah masjid yang digabungkan dengan simbol bintang pecah enam. Bulan sabit menjadi lambang utama kepada awal dan akhir bulan dalam Islam bahkan menjadi identiti kepada masyarakat muslim di seluruh dunia. Bintang pecah enam diilhamkan daripada bentuk heksagon dan menjadi simbol yang sangat penting dalam kesenian Islam. Penggunaan kedua-dua simbol ini bermula sewaktu kerajaan Ottoman yang mana menjadikan bulan sabit dan bintang pecah enam sebagai simbol dalam pemerintahan mereka. Simbol ini kemudiannya dijadikan sebagai

³¹¹Motif Arabes diperkenalkan di Iran dan Iraq kemudian dikembangkan di Asia. Di Turki Arabes dikenali sebagai ‘Roumi’ manakala di Eropah disebut arabes berdasarkan kepada perkataan Arab dan permulaan kepada perkembangan motif ini yang berlaku di negara Arab. *Ibid.*, 5.

³¹²Mohammad al-Asad, “Application of Geometry” dlm *The Mosque*, ed. Martin Frishman dan Hasan-Uddin Khan, London: Thames & Hudson, 1994), 154-155.

³¹³Yahya Abdullahi, Mohamad Rashid Embi, “Evalution of Abstract Vegetal Ornament in Islamic Architecture,” *International Journal of Architecture Research*, Vol 9, Issue 1, (2015), 31.

motif utama dalam kesenian yang banyak diaplikasikan dalam binaan masjid. Kedua motif ini juga dianggap sebagai pelindung maka dengan sebab itu kedua motif ini seringkali dilihat pada puncak kubah masjid.³¹⁴ Penggunaan motif bulan sabit dan bintang pecah enam ini dilihat memberikan kesan besar kerana hampir kebanyakan masjid di seluruh dunia menggunakan motif ini sebagai simbol Islam dengan meletakkan motif ini pada bahagian puncak kubah masjid. Motif ini dilihat sebagai lambang keagungan Islam dan wajar digunakan pada simbol keislaman iaitu bangunan ibadat umat Islam. Penggunaan kedua motif ini yang dimulakan Kerajaan Ottoman menjadi ikutan semua muslim dari seluruh dunia dengan pengaplikasian motif ini pada masjid.

2.7.6 Hiasan Seramik

Jubin dan seramik merupakan dua elemen yang digunakan sebagai penghubung kepada perkembangan konsep seni bina Islam. Penggunaan jubin sebagai hiasan menjadi suatu kepentingan utama dalam proses pembangunan masjid terutamanya masjid-masjid yang terdapat di Timur Tengah yang boleh didapati pada bahagian luar dan dalam masjid. Pada peringkat awal, dunia Islam banyak mengimport seramik dari China tetapi setelah kemahiran dalam pembuatan bahan ini bertambah baik negara Islam mula menggunakan bahan seramik buatan sendiri.³¹⁵ Penggunaan seramik biasanya diaplikasikan pada bahagian siling ruangan solat, lantai dan tiang.³¹⁶ Kebiasaananya kaligrafi berperanan sebagai hiasan pada jubin seramik ini terutamanya lapisan seramik yang mempunyai kepelbagaian warna dan bersifat lutsinar. Warna-warna yang biasa digunakan dalam proses pewarnaan jubin seramik ini seperti biru, biru kehijauan, merah dan merah gelap. Warna dilihat sebagai elemen penting bagi

³¹⁴Abdel Wadood. M, Panayotidi. M, "The Floral and Geometrical Element on the Ottoman Architecture in Rhodes Island, 8.

³¹⁵Dr. Abdullah Yusof (pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya) dalam temubual bersama penulis, 29 Ogos 2013

³¹⁶Erszabet Rosza, "Symetry in Muslim Arts," *Journal of Comp and Math*, vol 12B, (1986), 732.

menonjolkan keunikan suatu hiasan terutamanya sewaktu warna yang terdapat pada jubin atau seramik itu terbias oleh cahaya. Cahaya yang menyinari bahagian seramik tersebut dilihat dapat menonjolkan kecantikan warna dan hiasan pada material tersebut bahkan memberikan kesan tenang dalam ruang tersebut.³¹⁷ Selain daripada pengaplikasian kaligrafi pada jubin seramik ini terdapat juga beberapa bentuk motif bunga yang digunakan sebagai hiasan antaranya tulip, teratai, mawar dan keladi bunting. Selain itu, terdapat juga penggunaan motif dalam bentuk bunga di dalam pasu, daun berbentuk lebar dan motif-motif geometri.³¹⁸

2.7.7 Hiasan Lampu-Lampu Gantung

Hiasan lampu gantung adalah antara ornamen yang dilihat penting dalam hiasan masjid. Surah an-Nur ayat 24 merupakan ayat al-quran yang dikatakan memberi impak besar dalam penggunaan lampu sebagai hiasan di dalam masjid. Terdapat pelbagai corak dan warna boleh didapati pada lampu-lampu ini bahkan ada juga sebahagian daripada lampu-lampu ini diukir dengan ayat-ayat al-quran menggunakan tulisan kaligrafi. Lampu-lampu yang mempunyai bentuk yang pelbagai ini diukir dengan ayat al-quran terutamanya daripada surah an-Nur ayat 24 yang menyentuh tentang soal cahaya. Susunan lampu yang betul dilihat dapat memberikan kesan menarik seperti cerminan yang dapat menerangi keseluruhan ruang masjid.³¹⁹ Cahaya daripada lampu gantung ini dilihat sebagai satu elemen penting untuk memberikan tindak balas kepada ruangan dalam solat dan bentuk bangunan tersebut melalui bayang-bayang. Keadaan bayang-bayang yang bergerak dan berada di sebalik cahaya dikatakan sebagai pelindung kebaikan dan penghalang kejahanatan.³²⁰

³¹⁷Saeid Haghghi, “Light and Technology in Islamic Architecture,” *The International Journal of Technology, Knowledge and Society*, Vol 9, (2013), 2.

³¹⁸Abd Rahman Hamzah, *Islamic Inscription In Mosque: The Forms And Meaning*, 17.

³¹⁹Robert Irwin, *Islamic Art*, (London: Lawrence King, 1997), 63.

³²⁰Saeid Haghghi, “Light and Technology in Islamic Architecture,” 2.

Penulis berpandangan keadaan ruangan solat yang suram dengan cahaya dapat memberikan ketenangan kepada tetamu masjid bahkan dapat membantu seseorang itu untuk lebih khusuk sewaktu melaksanakan ibadat. Kedudukan lampu gantung ini biasanya diletakkan di bahagian ruang solat utama. Masjid Blue Mosque atau Masjid Sultan Ahmed adalah di antara masjid yang mempunyai hiasan lampu gantung yang cantik dan menarik. Kedudukan lampu yang berada di ruang tengah dewan solat ini mampu menzahirkan kerendahan hati individu yang melaksanakan solat dalam masjid berkenaan. Sepanjang perjalanan penulis menziarahi masjid-masjid di Istanbul Turki, kebiasaan masjid pasti terdapat elemen hiasan lampu-lampu menarik dengan saiz yang besar. Kedudukan lampu ini juga berada hampir dengan kepala jemaah dengan hanya dibezakan jarak tertentu. Keadaan ini sememangnya menimbulkan perasaan rendah diri seorang individu itu ketika berada di dalam masjid terutamanya apabila masjid ini dilatari dengan sejarah pembangunannya yang hebat.³²¹

2.8 Simbolisme Motif dan Ornamentasi Menurut Pemikiran Masyarakat Cina

Motif dan ornamentasi adalah merupakan perkara yang berkait rapat dalam binaan masjid. Masjid-masjid ini tampil dengan gaya seni binanya yang tersendiri serta lengkap dengan bentuk, gaya dan corak yang pelbagai mengikut kehidupan, adat resam serta latar belakang manusia yang menghasilkanya.³²² Selain itu, para pemerintah seringkali mengarahkan pembinaan masjid yang mewah bagi menonjolkan pengaruh seorang pemerintah untuk memperlihatkan kekayaan serta kekuasaan seorang terutamanya apabila sebuah negara Islam itu mencapai tahap yang cemerlang. Sesetengah orang percaya bahawa untuk mengenali dan memahami latarbelakang sebuah negara itu kita perlu melihat kepada seni bina yang ditampilkan oleh pemerintah. Bangunan yang didirikan adalah merupakan lambang kepada latarbelakang, suasana

³²¹Sila Lihat Lampiran O iaitu lampu gantung di Masjid Sultan Ahmed atau Blue Mosque

³²²Abdul Rochym, *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan*, (Bandung: Angkasa Bandung, 1983), 3.

serta masyarakat yang menetap di negara tersebut.³²³ Apa yang menentukan nilai serta kualiti seni bina suatu bangunan itu adalah melalui kebudayaan sesuatu bangsa mengikut cita rasa dan keinginan bangsa tersebut.³²⁴

Oleh itu kebudayaan adalah di antara faktor yang membantu manusia bagi menghasilkan satu seni bina dan reka bentuk yang berkembang sehingga ke hari ini seiring dengan perkembangan pemikiran manusia.³²⁵ Hiasan-hiasan yang boleh dilihat adalah daripada penggunaan bahan-bahan yang bersesuaian dengan persekitaran, iklim dan topografi. Seperti yang diketahui China merupakan tamadun yang terawal dalam memperkenalkan hiasan dan motif hiasan pada bangunan atau seramik dan hasil daripada pengaruh motif serta hiasan dari negara tersebut telah menjadi ikutan kepada negara lain bagi menghasilkan seni hiasan dan motif yang menarik setanding dengan China.³²⁶

Dalam seni ukiran Cina, motif dan ornamen dijelmakan dalam bentuk dan gaya yang tersendiri dan setiap daripadanya mempunyai maksud dan falsafahnya. Motif yang digunakan biasanya melambangkan erti yang baik berdasarkan lagenda, falsafah, sejarah dan tradisi.³²⁷ Ukiran dan motif menjadi sebahagian penting dalam penghasilan sebuah bangunan dan setiap daripada dekorasi tersebut mempunyai maksud dan ideologi yang tersendiri.³²⁸ Kesenian Cina adalah hasil daripada asimilasi di antara budaya, adat dan agama. *Feng Shui* adalah salah satu kesan yang memberikan pengaruh besar dalam kesenian Cina. Kebanyakan daripada hiasan dalam seni bina tradisional Cina bukan hanya sekadar hiasan tanpa sebarang makna tetapi hiasan adalah suatu

³²³Ibid., 5 & 31.

³²⁴Cai Yanxin dan Lu Bingjie, *Chinese Architecture: Palace, Gardens, Temples and Dwellings*, (China Intercontinental Press: China, 2006), 85.

³²⁵Rini Trisulowati dan Imam Santoso, *Pengaruh Religi Terhadap Perkembangan Arsitektur: India, Cina dan Jepang*, viii.

³²⁶Jessica Rawson, *Chinese Ornament: The Lotus and the Dragon*, (British Museum Publications Limited: London, 1984), 11.

³²⁷Lim Lee Hock dan Ismail Said, “Ikonografi Motif Pada Komponen ukiran Kayu didalam Tokong Cina”, laman sesawang Lim Lee Hock, dicapai 7 April 2012, <http://asiaa.geocities.com/isaid04652/Fulltext010.html>, 7.

³²⁸So Mui Ma, *In search of Cultural Identity*, 6.

ornamentasi yang penting dalam sebuah bangunan bagi menyampaikan sebuah penceritaan yang sebenar kepada yang melihat. Perhiasan di dalam bangunan ini adalah sesuai dengan konsep serta bahan material yang digunakan pada sebuah bangunan.³²⁹

Motif-motif yang digunakan adalah berdasarkan kepada kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Cina terhadap seni bina dan alam semula jadi.³³⁰ Terdapat lapan lambang Buddha yang seringkali diguna pakai sebagai motif dan hiasan kerana setiap lambang ini mempunyai maksud dan fungsinya yang tersendiri.³³¹ Antaranya ialah roda, Cengkerang Koc, Ikan yang berpasangan, ikatan abadi, bunga teratai, pasu, langit-langit dan simbol.³³² Masyarakat Cina percaya setiap benda yang terdapat di sekeliling mereka mempunyai semangat ghaib dan sekiranya mereka tidak menjaga semangat ghaib ini, mereka akan mudah jatuh sakit, ditimpa malang dan bahaya. Sehubungan itu, setiap simbol yang digunakan dianggap dapat memberikan perlindungan kepada masyarakat Cina yang berpegang teguh dengannya.³³³ Simbol-simbol ini telah tertanam dalam pemikiran masyarakat Cina sebagai petanda baik dan tuah positif yang akan membawa kesejahteraan kepada mereka.³³⁴

Motif dan ornamentasi dalam seni bina Cina secara umumnya dapat dibahagikan kepada tujuh kelompok yang terdiri daripada flora, fauna, geometri, kosmos, kaligrafi,

³²⁹Cai Yanxin dan Lu Bingjie, *Chinese Architecture: Palaces, Gardens, Temples and Dwellings*, 132.

³³⁰Asas kepada pembentukan simbol Cina in bermula sewaktu berlakunya evolusi pemikiran manusia Asia purba dan dunia pacific. Seperti yang telah diketahui, animisme telah menguasai dunia hampir berabad lamanya dan alam semula jadi dikatakan mempunyai kuasa sakti yang tersendiri seperti pokok, batu, haiwan, roh orang yang mati dan dipercayai masih berkeliaran bagi menjaga keturunannya. Alam semula jadi seperti pelangi dianggap sebagai kenderaan dewa dan konsep serta fahaman ini telah melahirkan rasa hormat yang tinggi terhadap kejadian alam. Burung adalah merupakan watak animisme yang melambangkan kebebasan jiwa. Makhluk halus seperti naga yang sentiasa berada di dalam imaginasi pemikiran masyarakat Cina kuno adalah makhluk yang telah lama hidup dalam jiwa mereka tanpa melihat haiwan tersebut. Sila lihat C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, (Charles E. Tuttle Company: Japan, 1974), xx.

³³¹Stalbergh, R. H, *Chinese Craft*, (Singapore: Times Book International, 1983), 39.

³³²“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, (Kuala Lumpur: Muzium Kesenian Islam Malaysia, 2001), 74.

³³³Grace Choong Ai May, “Tembikar Baba dan Nyonya: Corak dan Motif Porselin Famille Rose,” *Wancana Seni Journal of Arts Discourse*, Jil.Vol.7. (2008), 22.

³³⁴“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, 70.

peralatan dan watak manusia.³³⁵ Penulis hanya akan membincangkan kelompok-kelompok yang telah ditemui sepanjang kajian. Berdasarkan kepada kajian penulis, masjid kajian memiliki enam jenis motif dan ornamentasi Cina yang terdiri daripada motif flora, fauna, fenomena, geometri, buah dan kosmos. Setiap motif ini telah direncanakan pengaplikasianya pada setiap komponen yang ditemui. Secara keseluruhan penulis mendapati setiap daripada pengaplikasian motif-motif ini memberi makna dan petanda baik menurut pemikiran masyarakat Cina.


Terdapat beberapa perkara utama yang ditekankan di dalam kehidupan mereka dan setiap daripada keinginan tersebut perlu dicapai oleh setiap individu yang menganut kepercayaan ini. Antaranya ialah kekayaan, kejayaan, ilmu pengetahuan, tuah, perubatan, kesihatan, usia panjang, kecantikan dan kehormatan. Mereka melihat kesemua elemen ini sebagai sesuatu yang penting untuk dicapai bagi menjamin kebahagian dalam kehidupan mereka.³³⁶ Sehubungan itu, kesemua motif ini dijelmakan dalam bentuk ukiran dengan tujuan untuk mendapat tuah daripada simbol-simbol ini. Berdasarkan kepada kajian lapangan dan penerangan daripada pegawai muizum, motif dan ornamentasi ini bukan sekadar diaplakasikan pada banguan tetapi juga pada barangang harian yang digunakan oleh masyarakat Cina seperti pakaian, perabot, perhiasan diri, tembikar seramik dan pinggan mangkuk.³³⁷ Penulis telah mengklasifikasikan kesemua motif dan ornamentasi Cina mengikut jenis motif dan makna mengikut kategori motif yang terdapat di tiga buah masjid kajian seperti rajah berikut.

³³⁵Lim Lee Hock dan Ismail Said, *Ikonografi Motif Pada Komponen Kayu di Dalam Tokong Cina*, 5.

³³⁶Sheryl Tan (Pegawai di Muzium Cheng Ho) dalam temubual bersama penulis, 2 November 2014

³³⁷*Ibid.*

Rajah 2.7 Makna dan Simbol di Sebalik Motif dan Ornamentasi Cina



Sumber: Penulis

2.8 Kesimpulan

Masyarakat Cina telah berada di Melaka sejak daripada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka atas faktor perdagangan dan perniagaan, urusan diplomatik pelayaran dan perkawinan. Kehadiran mereka di negeri itu juga dikesan pada zaman pemerintahan Portugis tetapi dalam jumlah yang kecil dan jumlah mereka menjadi besar sewaktu Belanda memerintah. Kehadiran mereka di Melaka atas faktor-faktor yang telah dibincangkan telah meninggalkan kesan ke atas pembangunan reka bentuk bangunan masjid di Melaka. Aspek-aspek seni bina yang berunsurkan Cina telah diperkenalkan dan impaknya boleh dilihat pada pembangunan masjid yang dibangunkan di bawah penjajahan Belanda.

Sikap keterbukaan yang ditunjukkan Belanda telah memberi ruang kepada masyarakat tempatan untuk menjalani aktiviti agama bahkan mereka diberi tanah dan peruntukan untuk membangunkan masjid. Masyarakat Cina yang dijemput bagi membantu urusan pembangunan telah dipertanggungjawabkan untuk membina masjid dan komponen seni bina yang mempunyai unsur-unsur Cina telah diserap masuk sebagai elemen utama dalam pembinaan seperti mahkota atap, sulur bayur, menara berbentuk pagoda, pintu gerbang yang berbentuk gerbang Cina, mimbar dan bumbung berbentuk piramid. Setiap daripada komponen-komponen ini diukir dengan ukiran motif Cina dan setiap daripada hiasan tersebut mempunyai makna khusus yang melengkapkan maksud falsafah Cina yang menjadi pegangan hidup masyarakat ini. Matlamat dalam kesenian Islam dan Cina mempunyai perbezaan besar yang mana kesenian Islam mengutamakan tauhid dalam aktiviti seni dan hasil kesenian tersebut akan melahirkan kekhusyukan dalam ibadah. Aktiviti dalam seni Islam juga mempunyai matlamat untuk mendapat rahmat dan berkat daripada maha pencipta. Berbeza daripada kesenian Cina yang melihat aktiviti kesenian sebagai kepentingan untuk mendapatkan kebahagian dunia semata-mata selain untuk merealisasikan segala kehendak dan keinginan mereka.